



JURNAL NUANSA *Budaya*

JILID 4 | ISSN 2976-2391



JURNAL NUANSA *Budaya*

JILID 4

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
KUALA LUMPUR
2025

SIDANG EDITORIAL

JURNAL
NUANSA
Budaya

JILID 4 TAHUN 2025

Penasihat:

YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris

Ketua Penyelaras:

YBrs. Encik Rosnan bin Abdul Rahman

Editor Perunding:

Dr. Norfarizah Mohd Bakhir
Dr. Azrul Azizi Amirrul
Dr. Mohd Asyiek Mat Desa
Dr. Zuriawati Ahmad Zahari

Editor & Urus Setia Penerbitan:

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan

Penyelaras Penyelidikan:

Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34
Menara TH Perdana
Lot 1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama 2025

@Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Telefon: 03-2614 8200

Faks: 03-2697 0852

E-mel: info@jkkn.gov.my

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-Dalam Penerbitan

ISSN 2976 2391

Isi Kandungan

YOYO CINA: KAJIAN TERHADAP SEJARAH PERMAINAN TRADISIONAL DALAM KONTEKS BUDAYA MALAYSIA	1
PETUA DAN PANTANG LARANG MASUK HUTAN ORANG ASLI SEMAI PERAK	11
KEBAIKAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN MASAKAN DALAM MAKANAN TRADISIONAL LAKSA PENANG UNTUK KESIHATAN	45
MEK MULUNG: CABARAN DAN HALA TUJU JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, KEDAH SEBAGAI PENTADBIR SENI	61
KEUNIKAN SENI PERSEMBAHAN WAYANG KULIT MELAYU TRADISIONAL KELANTAN	75
NILAI-NILAI FALSAFAH DALAM SILAT SEMERAP	93
KHASIAT TELUR PINDANG: KAJIAN KANDUNGAN TELUR AYAM, DAUN HERBA DAN REMPAH SEBAGAI MAKANAN WARISAN JOHOR	103
BUDAYA NILAI TINGGI DALAM MASYARAKAT MELAYU DI KAMPUNG PAHANG TUA MELALUI AKTIVITI MENGEMPING PADI	113

Bingkisan Pembuka

Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Nuansa Budaya Jilid 4 Tahun 2025 berjaya diterbitkan sebagai kesinambungan usaha Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam memperkayakan sumber rujukan seni dan budaya tanah air.

Edisi kali ini menghimpunkan lapan (8) artikel hasil penulisan para pegawai JKKN yang menampilkan keunikan serta kepelbagaian warisan budaya negara merangkumi seni persembahan, adat resam, permainan tradisional dan juga usaha pentadbir budaya dalam memelihara warisan budaya tidak ketara. Terbitan ini turut mendapat suntikan nilai tambah hasil kerjasama erat dengan Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia melalui penganjuran Bengkel Penulisan Jurnal Seni Budaya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada para penulis, penyunting serta seluruh warga kerja JKKN yang telah menyumbangkan idea, masa dan tenaga dalam menjayakan penerbitan ini.

Warisan budaya adalah khazanah yang harus dijaga dengan penuh tanggungjawab agar ia terus hidup dan berkembang dalam arus masa. Dengan semangat itu, saya berharap penerbitan ini dapat menjadi pemangkin untuk bersama-sama kita memperkukuh kefahaman dan apresiasi terhadap budaya negara. Semoga ia bukan sahaja bermanfaat kepada pembaca, malah mengilhamkan kita semua untuk terus memelihara khazanah warisan tanah air.

Sekian, terima kasih.

Mohd Amran bin Mohd Haris
Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



YOYO CINA: KAJIAN TERHADAP SEJARAH PERMAINAN TRADISIONAL DALAM KONTEKS BUDAYA MALAYSIA

YOYO CINA: KAJIAN TERHADAP SEJARAH PERMAINAN TRADISIONAL DALAM KONTEKS BUDAYA MALAYSIA

Mohamad Norazlan bin Zulkfhli
Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya

Abstrak

Kajian ini meneliti kesenian dan sejarah asal usul permainan tradisional Yoyo Cina di Malaysia, dalam konteks kemerosotan budaya akibat arus pemodenan dan kemajuan teknologi. Pada masa kini permainan tradisional Yoyo Cina semakin dilupakan dan hanya dipraktikkan oleh segelintir masyarakat. Permainan ini, asalnya dibawa oleh mendiang Feng Ya Ping yang berasal dari Perak dan hanya diketahui oleh minoriti kaum Cina di Malaysia. Hakisan budaya ini berpunca daripada arus pemodenan serta kecenderungan generasi muda terhadap teknologi dan permainan digital yang lebih menarik perhatian. Kajian ini dijalankan untuk memahami kesenian permainan tradisional, mengenal pasti keunikan permainan tradisional Yoyo Cina dan meneroka kepentingan memelihara permainan tradisional agar terus dikenali. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis tekstual, dengan merujuk kepada kajian terdahulu dan data semasa. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyedarkan masyarakat tentang nilai-nilai budaya yang terkandung dalam permainan tradisional seperti Yoyo Cina serta kepentingan memelihara warisan ini untuk generasi akan datang.

Kata Kunci: Permainan Tradisional Yoyo Cina, Warisan Budaya, Sejarah Permainan Yoyo Cina

PENGENALAN

Permainan tradisional merupakan warisan budaya yang diperkenalkan oleh masyarakat terdahulu sebagai medium hiburan serta pengisian masa lapang, khususnya dalam kalangan ahli keluarga dan komuniti setempat. Aktiviti ini unik dan seronok dimainkan kerana ia melibatkan kekuatan fizikal, mental dan menguji pemikiran. Contohnya, permainan seperti ketinting dimainkan di halaman rumah, congkak dimainkan di dalam rumah, manakala permainan seperti wau dan Perahu Jong dimainkan di kawasan terbuka seperti gelanggang, padang, sungai dan pantai (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, 2022). Keunikan ini menjadikan permainan ini sangat diminati dan dimainkan oleh pelbagai peringkat umur.

Keunikan Malaysia terletak pada kepelbagaian kaum yang menjadikannya sebagai sebuah negara yang kaya dan unik dengan warisan termasuklah permainan tradisional dan rakyat. Namun begitu, tidak semua permainan tradisional dari setiap kaum diketahui atau dipraktikkan oleh kaum lain. Salah satu permainan tersebut ialah permainan tradisional kaum Cina iaitu yoyo yang kurang dikenali oleh masyarakat umum. Di Malaysia, permainan yoyo mempunyai sejarah berkait rapat dengan komuniti Cina. Salah satu bentuk Yoyo Cina atau dikenali sebagai *Diabolo*. Permainan ini mempunyai keunikannya tersendiri dan telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Yoyo Cina merupakan permainan tradisional yang menggabungkan elemen gasing dan yoyo moden, namun menampilkan reka bentuk serta kaedah permainan yang tersendiri dan unik. Permainan ini melibatkan alat berbentuk gelendong yang dimainkan dengan dua batang kayu kecil yang diikat bersama dengan seutas tali. Pemain memegang hujung kedua-dua batang kayu tersebut dan menggunakan tali untuk mengimbangi yoyo supaya ia tidak jatuh, sambil melakukan pelbagai aksi dan pergerakan. Permainan Yoyo Cina juga dilengkapi dengan alat yang menghasilkan bunyi apabila diputar dengan laju. Bunyi ini bukan sahaja menambah elemen muzik kepada permainan, tetapi juga membantu pemain menyesuaikan kelajuan yoyo dan menjaga keseimbangan semasa bermain (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2022). Yoyo Cina di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang menyebabkan penurunan minat dan penghayatan terhadapnya, terutamanya dalam kalangan generasi muda dan masyarakat umum (Tan, 2020). Antara cabaran utama ialah kurangnya pendedahan terhadap permainan ini, terutamanya dalam kalangan etnik-etnik lain, yang menyebabkan Yoyo Cina tidak dikenali secara meluas dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, modenisasi dan digitalisasi yang pesat menyumbang kepada hakisan budaya, di mana permainan tradisional seperti Yoyo Cina semakin dilupakan (Ahmad, D., 2022).

Kurangnya dokumentasi tentang sejarah dan teknik permainan Yoyo Cina menyulitkan usaha untuk memelihara dan mempromosikannya kepada generasi muda (Wong, L. M., 2019). Sokongan daripada komuniti tempatan, termasuk dari kalangan kaum Cina sendiri juga semakin berkurang, menjadikan permainan ini semakin terpinggir (Lim, C. H. (2011). Dalam konteks pendidikan, sama ada formal atau tidak formal, penekanan terhadap warisan budaya seperti permainan Yoyo Cina adalah terhad, menyebabkan kesedaran tentangnya semakin menurun dalam kalangan pelajar (Rahman, A. R. , 2018). Peningkatan populariti permainan digital yang lebih dinamik dan mudah diakses juga mengurangkan minat generasi muda terhadap permainan tradisional ini (Lee, K. Y. , 2021).

Menurut Ng. M. F. (2017), kurangnya aktiviti promosi dan penganjuran acara yang menonjolkan permainan Yoyo Cina pada peringkat nasional atau antarabangsa turut menyumbang kepada rendahnya kesedaran dan minat terhadap permainan ini. Persepsi generasi muda yang mungkin menganggap permainan tradisional seperti Yoyo Cina sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman atau kurang relevan dalam kehidupan moden juga merupakan cabaran besar (Chong, W. T. , 2015). Tambahan pula, usaha untuk mengintegrasikan permainan Yoyo Cina ke dalam budaya popular dan pendidikan dalam kalangan kaum lain masih kurang, menyukarkan penerimaan dan pemahaman yang lebih luas terhadapnya (Teo, P. K. , 2016). Akhir sekali, perubahan sosial dan ekonomi yang pesat dalam kalangan kaum Cina di Malaysia turut mengubah nilai budaya mereka, yang mempengaruhi minat terhadap permainan tradisional seperti Yoyo Cina. Kesemua faktor ini menyumbang kepada cabaran besar dalam memelihara dan mempromosikan permainan Yoyo Cina di Malaysia (Yuen, S. F. 2011).

Menurut sumber daripada Louv (2005), antara sebab pola permainan kanak-kanak berubah adalah terdapatnya permainan elektronik seperti permainan video dan *playstation*. Di samping itu, kebimbangan ibu bapa tentang keselamatan anak mereka untuk bermain di luar rumah dan keadaan lalu lintas yang sesak dan jadual harian yang lebih berstruktur contohnya aktiviti sampingan seperti kelas tuisyen. Penekanan yang berlebihan terhadap pencapaian akademik telah menyebabkan generasi masa kini lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti dalaman, seperti permainan digital dan kurang meneroka persekitaran luar mereka.

Kajian terdahulu yang dijalankan oleh Chen, L. (2016), menilai kesan perubahan sosial dan budaya terhadap minat generasi muda dalam permainan tradisional seperti Yoyo Cina. Hasil kajian menunjukkan penurunan ketara dalam minat dalam kalangan belia, yang cenderung lebih teruja dengan permainan digital dan hiburan moden. Kajian ini menggunakan tinjauan dan temu bual dengan belia untuk

mendapatkan pandangan mereka tentang permainan yoyo. Terdapat juga kajian yang membincangkan bagaimana hakisan budaya berlaku dalam masyarakat yang berbilang kaum dengan tumpuan kepada permainan tradisional seperti Yoyo Cina.

Tan, J.S (2020) menyarankan bahawa pengaruh budaya dominan serta kemajuan teknologi telah menyumbang kepada kemerosotan dalam amalan permainan tradisional. Pernyataan ini disokong oleh Lee, K.Y (2021), yang mendapati bahawa permainan digital bukan sahaja telah menggantikan permainan tradisional, malah turut mengakibatkan penurunan minat terhadap aktiviti berasaskan budaya seperti Yoyo Cina. Dapatan ini diperolehi melalui kajian kes dan tinjauan yang dijalankan ke atas golongan belia.

Di dalam buku *Traditional Chinese Games and Cultural Identity in Malaysia* yang ditulis oleh Yuen, S. F. (2011), buku ini mengeksplorasi hubungan di antara permainan tradisional Cina dan identiti budaya dalam masyarakat Malaysia. Pengkaji meneliti perubahan dalam identiti budaya mempengaruhi minat terhadap permainan tradisional dan memberikan cadangan untuk pemeliharaan dan integrasi budaya. Lim, C. H. (2010), turut membincangkan analisis mendalam tentang usaha-usaha pemeliharaan permainan tradisional di Malaysia. Penulis membincangkan cabaran yang dihadapi dalam memastikan permainan seperti Yoyo Cina tetap relevan dalam konteks pendidikan dan sosial.

Asal Usul Permainan Yoyo Cina



Gambar 1: Permainan tradisional Yoyo Cina

Permainan Yoyo Cina adalah satu bentuk permainan tradisional yang telah melalui proses perubahan yang signifikan dan unik sepanjang masa. Yoyo Cina dikatakan berasal daripada satu permainan tradisional yang cukup terkenal iaitu permainan gasing. Gasing pada asalnya dimainkan di permukaan tanah rata, manakala yoyo pula dimainkan tanpa menyentuh tanah. Melalui permainan yoyo ia boleh dimainkan melalui pelbagai aksi menarik dengan hanya menggunakan dua batang kayu berserta tali (Leng Poh Gee, 2022).

Yoyo mempunyai pelbagai variasi panggilan, antaranya Diabolo, Cheling, Dou Kong Zu dan Zhuan Ling. Panggilan nama permainan ini berubah ekoran pengaruh nama setempat. Sebagai contoh, nama Diabolo digunakan apabila Yoyo Cina dibawa ke Barat pada sekitar tahun 1368 hingga 1644 Masihi iaitu semasa era Dinasti Ming manakala di Malaysia, ia dikenali sebagai Yoyo Cina dan Diabolo. Permainan yoyo menggunakan bahan seperti kayu yang leper (cakera) dan juga tali panjang. Cara bermain Yoyo Cina ialah dengan melilit tali pada cakera, cara bermainnya adalah lebih kurang sama dengan permainan gasing (Buku Modul asas Program Bimbingan Seni Budaya Negara, 2005).

Keunikan Yoyo Cina Bertapak di Malaysia

Bagi permainan tradisional masyarakat Cina, seorang guru bernama Feng Ya Ping dari Perak telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan Yoyo Cina di Malaysia. Beliau merupakan graduan *National Taiwan Normal University*, Taiwan, dan dikenali sebagai “Bapa Yoyo Cina Malaysia” atas usahanya yang gigih dalam mempopularkan permainan tersebut di negara ini (Gee & Leng, 2019).

Feng Ya Ping berhasrat untuk mengubah cara anak muda dan pelajarnya mengisi masa lapang dengan perkara yang lebih bermanfaat daripada aktiviti yang tidak berfaedah. iaitu Yoyo Cina, sebuah permainan kuno yang telah lama popular di China. Feng memilih Yoyo Cina kerana kos permainannya yang rendah dan ciri-ciri permainan yang menarik serta sesuai untuk anak muda tempatan. Beliau mempelajari cara-cara untuk menubuhkan persatuan atau kumpulan Yoyo Cina sebagai langkah untuk mengukuhkan permainan ini di Malaysia (Gee, Leng, 2019).

Walaupun Feng Ya Ping telah meninggal dunia pada tahun 1998, usaha dan legasi beliau dalam memperkenalkan Yoyo Cina masih diteruskan. Persatuan yang ditubuhkan oleh beliau telah memberi inspirasi kepada penubuhan persatuan lain seperti *Kuala Lumpur Diabolo Association*, *Melaka Diabolo Association*, dan *Persatuan Kebudayaan Diabolo Negeri Johor*. Persatuan-persatuan ini masih aktif

dalam menyediakan perkhidmatan pengajaran, bengkel, seminar, dan pertandingan Yoyo Cina yang membantu dalam memelihara dan mempromosikan permainan ini. Kesungguhan Feng Ya Ping dalam memperkenalkan Yoyo Cina patut dipuji kerana selain daripada usaha keras beliau, perubahan sikap yang beliau bawa telah membantu anak muda untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti yang lebih berfaedah. Ini juga menyumbang kepada pengurangan salah laku dalam kalangan anak muda. Feng Ya Ping berjaya membawa permainan luar negara dan mengadaptasinya dengan corak permainan tempatan, menjadikannya relevan dalam konteks Malaysia.

Permainan yoyo di Malaysia telah disesuaikan dengan gaya dan teknik tempatan, termasuk penggunaan variasi teknik tradisional Cina dengan elemen moden. Ini membolehkan permainan ini menjadi lebih relevan dengan budaya dan minat masyarakat Malaysia. Penggunaan hiasan, reka bentuk, dan warna yang mencerminkan budaya Malaysia turut memperkaya pengalaman bermain yoyo. Ini termasuk integrasi motif tempatan dan seni reka yang unik. Yoyo di Malaysia sering digunakan dalam aktiviti rekreasi dan sukan tempatan, termasuk pertunjukan dan demonstrasi di sekolah-sekolah dan acara komuniti. Ini menjadikan yoyo sebagai salah satu bentuk hiburan yang popular dan diterima dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Gambar 2 : Persembahan Yoyo Cina atau juga dikenali sebagai Diabolo sempena Festival Permainan Malaysia 2023

Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

RUMUSAN

Walaupun Yoyo Cina berasal dari luar Malaysia, namun ia tetap menjadi budaya penting bagi masyarakat Cina di Malaysia. Masyarakat Malaysia perlu sama-sama komited untuk memelihara permainan tradisional ini kerana ia adalah sebahagian daripada keunikan yang terdapat di Malaysia.

Generasi muda perlu mewarisi permainan ini supaya ia dapat dipelihara dan dipelajari oleh semua kaum. Dengan memupuk rasa tanggungjawab dan penghargaan terhadap permainan tradisional, masyarakat tempatan dapat memastikan kepentingan dan rasional permainan ini terus dipelihara. Usaha bersama ini bukan sahaja dapat mengekalkan warisan budaya malah memberi manfaat kepada masyarakat melalui sejarah dan teknik permainan yang begitu unik.

Selain itu, integrasi nilai budaya dan seni dengan penggunaan teknologi merupakan pendekatan strategik yang baik yang menguntungkan semua pihak. Ia adalah penyatuan di antara teknologi dan budaya yang boleh meningkatkan masa depan warisan negara, mempromosikan perpaduan, dan mengekalkan tradisi yang berharga sambil memperkenalkan inovasi baharu dalam memperjuangkan permainan tradisional di Malaysia.

RUJUKAN

- Teo, P. K. (2016). "Cultural Integration and the Survival of Traditional Games: The Case of Chinese Yo-Yo in Malaysia." *International Journal of Cross-Cultural Studies*, 10(1), 97-110.
- Yuen, S. F. (2011). "Socioeconomic Changes and Cultural Erosion in Malaysia: The Case of Chinese Traditional Practices." *Journal of Asian Studies*, 67(2), 293-310.
- Chong, W. T. (2015). "Youth Perception of Traditional Games in the Digital Age: A Malaysian Case Study." *Journal of Youth Studies*, 18(5), 579-595.
- Ng, M. F. (2017). "The Role of Cultural Events in Promoting Traditional Games in Malaysia." *Journal of Event Management*, 14(3), 205-221.
- Rahman, A. R. (2018). "Integrating Traditional Games into the Malaysian Educational Curriculum: Challenges and Opportunities." *Educational Research and Reviews*, 13(7), 412-420.
- Lee, K. Y. (2021). "The Impact of Digital Games on Traditional Cultural Practices: A Malaysian Perspective." *International Journal of Media and Cultural Politics*, 17(2), 254-269.
- Lim, C. H. (2011). "Community Support for Traditional Games: A Case Study in Malaysia." *Asian Cultural Review*, 19(4), 143-159.
- Wong, L. M. (2019). "Preservation of Traditional Games through Documentation: A Case Study of Chinese Yo-Yo ." *Heritage Journal*, 12(2), 88-102.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi & Cheah Ding Ding . (2011). *Kepincangan Perumahan Malaysia: Adat dan Ritual Kaum Cina* (Penerbit UTM Press). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Louv, R. (2005). *Last Child in the Woods: Saving our children from nature deficit disorder*. Ontario: Thomas Allen & Son Limited.
- Gee, Leng. (2019). Permainan tradisional Cina yang mekar di Malaysia.
- Hisham, H. (2022, August 1). *Seni budaya, permainan tradisional lenyap 20 tahun lagi*. Kosmo. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/2022/08/01/seni-budaya-permainan-tradisional-lenyap-20-tahun-lagi/>
- Chen, L. (2016). "Reviving Traditional Games: A Study on the Cultural Relevance of Yo-Yo in Modern Society." *Asian Cultural Heritage Review*, 5(3), 112-130.
- Tan, J. S. (2020). "Cultural Transmission and the Decline of Traditional Games in Multicultural Societies." *Journal of Cultural Studies*, 45(3), 215-230.
- Lee, K. Y. (2021). "The Impact of Digital Games on Traditional Cultural Practices: A Malaysian Perspective." *International Journal of Media and Cultural Politics*, 17(2), 254-269.

Yuen, S. F. (2011). *Traditional Chinese Games and Cultural Identity in Malaysia*. Penang: Areca Books.

Lim, C. H. (2010). *Usaha pemeliharaan permainan tradisional di Malaysia: Fokus kepada Yo-Yo Cina*. Penerbitan Budaya.



PETUA DAN PANTANG LARANG MASUK HUTAN ORANG ASLI SEMAI PERAK

PETUA DAN PANTANG LARANG MASUK HUTAN ORANG ASLI SEMAI PERAK

Yufazli bin Yusof

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perak

Abstrak

Negeri Perak kaya dengan kepelbagaian kaum merangkumi masyarakat Melayu, Cina, India serta komuniti peribumi. Setiap kaum ini masih mengekalkan amalan adat resam dan pantang larang yang diwarisi turun-temurun hingga hari ini. Masyarakat peribumi seperti orang asli Semai sememangnya kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semula jadi meskipun mereka kini turut terdedah kepada arus pemodenan. Petua dan pantang larang mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di persekitaran mereka terutama berkaitan hutan belantara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian lapangan, kajian perpustakaan dan temu bual. Pengumpulan data di lapangan menggunakan instrumen temu bual, rakaman video, rakaman audio dan imej pegun. Lokasi kajian ialah di Tapah, Kampar dan Ipoh. Analisis tema digunakan bagi mengenal pasti corak atau tema yang berulang dalam data. Kajian memfokuskan kepada petua dan pantang larang memasuki hutan oleh orang asli Semai di Perak. Kajian ini menghuraikan petua, pantang larang dan falsafah yang merangkumi hubungan dengan kehidupan dan memberi pengaruh yang sangat berkesan dalam kehidupan. Hasil kajian mendapati mereka telah meninggalkan kepercayaan animisme dan menganut agama Islam dan Kristian. Namun, mereka masih lagi mengamalkan pantang larang tradisi leluhur seperti pantang larang memasuki hutan. Hasil kajian dapat memberi informasi dasar, sumber idea dan pemahaman asas tentang latar belakang petua dan pantang larang memasuki hutan yang masih diamalkan dan diharap dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak serta generasi seterusnya dalam memelihara salah satu adat negeri yang tinggi nilainya.

Kata kunci: Petua, pantang larang, orang asli Semai, Animisme, hutan

PENGENALAN

Masyarakat orang asli merupakan penduduk asal Semenanjung Malaysia. Dalam kalangan mereka, suku kaum Semai merupakan kumpulan etnik yang menetap di sepanjang Banjaran Titiwangsa, meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Menurut bancian tahun 1993, lebih 42,000 individu telah berdaftar sebagai orang asli. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2012, jumlah keseluruhan masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia ialah seramai 141,230 orang. Hingga Mei 2023, data sistem iDamak, jumlah orang asli Semai yang direkodkan di Perak ialah seramai 35,100 orang daripada keseluruhan 61,751 orang asli di negeri tersebut. Komuniti terbesar tertumpu di daerah Batang Padang, Kampar, Perak Tengah dan Kinta. Sistem iDamak atau Data Pengurusan Maklumat Orang Asli merupakan sistem pengurusan maklumat berkomputer yang dibangunkan oleh JAKOA sejak tahun 1955 untuk menyelaraskan data berkaitan masyarakat orang asli secara bersepadu.

Masyarakat Semai lazimnya hidup dalam komuniti yang terdiri daripada 60 hingga 300 orang dalam satu kampung, yang diketuai oleh seorang penghulu atau 'Batin'. Pelantikan penghulu ini biasanya dibuat oleh individu yang berperanan dalam struktur sosial tradisional seperti pawang, bomoh, dan ketua adat. Antara aktiviti ekonomi utama masyarakat ini termasuklah berburu, mengutip hasil hutan seperti rotan dan buah-buahan, yang masih diamalkan sebagai sumber pendapatan. JAKOA merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal dan pembangunan komuniti orang asli di Malaysia.

Berdasarkan Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, orang asli merujuk kepada orang asli Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli 1954) di bawah Fasal 3, seseorang itu ditakrifkan sebagai orang asli jika:

- Bapanya adalah seorang dari rumpun bangsa orang asli, yang bercakap dalam bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat kepercayaan orang asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki itu;
- Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh orang asli dan telah dididik sebagai seorang Asli, lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat kepercayaan orang asli dan adalah seseorang itu dari sesuatu masyarakat orang asli; atau
- Anak dari apa-apa perhubungan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki dari satu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa orang asli, lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat kepercayaan orang asli dan masih lagi menjadi seseorang dari masyarakat orang asli.

Carey (1976) telah mengklasifikasikan masyarakat orang asli kepada empat kelompok utama berdasarkan lokasi penempatan, tahap integrasi sosial, dan hubungan dengan masyarakat luar. Pertama, kumpulan yang masih menjalani kehidupan secara terpencil di dalam hutan, di mana perjalanan ke perkampungan Melayu yang terdekat mengambil masa beberapa hari dan hubungan dengan dunia luar adalah sangat terhad. Kedua, kelompok yang tinggal di kawasan berhampiran jalan raya, yang hanya mengambil masa beberapa jam untuk sampai ke kawasan luar. Kumpulan ini menjual hasil hutan kepada orang tengah dan menunjukkan tahap penglibatan yang lebih tinggi dalam kegiatan ekonomi luar. Ketiga, kumpulan orang asli yang menetap di luar kawasan hutan dan tinggal berdekatan dengan perkampungan Melayu. Mereka boleh diakses melalui jalan darat dan lazimnya terdedah kepada perubahan sosial serta pembangunan, terutamanya hasil usaha JAKOA. Keempat, kelompok yang telah berintegrasi sepenuhnya dalam masyarakat Melayu. Majoriti dalam kumpulan ini telah memeluk agama Islam, namun mereka masih mengekalkan sebahagian daripada amalan budaya tradisi di kawasan tertentu.

Menurut Hassan (1998) masyarakat Malaysia terbahagi kepada dua kumpulan: Bumiputera dan orang asli. Istilah “orang asli” merujuk kepada penduduk asli Semenanjung Malaysia, manakala “Bumiputera” merujuk kepada penduduk asli yang tinggal di Sabah dan Sarawak kecuali Perlis dan Pulau Pinang, mereka masih minoriti dan tinggal di seluruh Semenanjung Malaysia. (Haliza, 2018).

Terdapat tiga suku orang asli utama di Semenanjung Malaysia: Negrito, Senoi, dan Melayu Proto: (Jimin, 1968; JAKOA, 2020). Dipercayai bahawa suku Negrito tiba di Semenanjung Malaysia kira-kira 25,000 tahun yang lalu. Orang Senoi tiba kira-kira 6000 hingga 8000 tahun yang lalu, dan orang Melayu Proto tiba kira-kira 4000 tahun yang lalu (Hassan, 1998; JAKOA, 2020). Berdasarkan Jadual 1, JAKOA membahagikan orang asli kepada tiga kumpulan utama: Negrito, Senoi, dan Melayu Proto, yang juga dikenali sebagai Melayu Asli. Sifat fizikal, bahasa dan adat resam setiap kumpulan menentukan pembahagiannya.

Jadual 1: Kelompok Etnik orang asli di Semenanjung Malaysia. Sumber: JAKOA (2010)

Negrito	Senoi	Melayu Proto
Kensiu	Semai	Orang Kuala
Kintak	Temiar	Orang Kanaq
Lanoh	Semoq Beri	Orang Seletar
Jahai	Jahut	Jakun
Mendriq	Mahmeri	Semelai
Bateq	Che Wong	Temuan



Rajah 1: Taburan orang asli di Semenanjung Malaysia
Sumber: JAKOA (2018)



Rajah 2: Taburan wajah orang asli di Semenanjung Malaysia.
Sumber: JAKOA (2015)

Orang Asli di Perak

Kebanyakan orang asli di Perak terdiri daripada dua kelompok terbesar iaitu Negrito dan Senoi. Kaum Negrito ialah orang asli yang terkecil di Malaysia dan mendapat nama Negrito kerana rupa paras mereka menyerupai orang Negro di Afrika dan seiras orang asli di Andaman dan Filipina. Melayu Proto mirip orang Melayu dan hidup berhampiran dengan orang Melayu serta mempunyai adat resam dan kebudayaan yang menyamai masyarakat Melayu. (JAKOA, 2015). Masyarakat Senoi mempunyai fizikal yang lebih tinggi dan tegap daripada Negrito. Kulit mereka berwarna perang dan rambut kerinting mereka berombak dan sedikit panjang raut mukanya. (Iskandar, 1961)

Menurut Mee dan Ibrahim (2008), komuniti orang asli Semenanjung Malaysia adalah sebahagian daripada minoriti peribumi di negara ini yang terus mengekalkan gaya hidup tradisional, iaitu masyarakat tani dan masyarakat desa. Menurut Gomes (2004) mereka menanam padi bukit dan sayuran, tetapi ada juga yang menanam pokok getah dan buah-buahan. Tambahan pula, memburu, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan adalah usaha yang dilakukan secara berasingan.

Selain itu, Seow et al., (2013) turut menyatakan orang (asli) yang tinggal di kawasan hutan atau berhampiran terus mengekalkan gaya hidup tradisional mereka, yang

banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan tradisi tinggalan nenek moyang mereka. Istilah “peribumi” merujuk kepada tahap budaya yang tercicir, iaitu keadaan sosial sekelompok orang yang kekurangan ilmu, terutamanya sains asas dan teknologi.

Pengerusi Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Orang Asal Perak (PKKOAP), Ronnie B. (2023), menyatakan orang asli bekerja di kawasan perkampungan seperti menoreh getah, berkebun, bekerja di ladang sawit dan sebagainya. Selain itu, ada juga yang bekerja di bandar sama ada dalam bidang profesional sama ada sektor kerajaan sebagai penjawat awam ataupun swasta.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, (1998), setiap suku bangsa mempunyai sejarah, kepercayaan, adat resam, budaya dan amalan kesihatan yang unik. Walau bagaimanapun, majoriti orang Semai masih mempercayai “animisme” yang bermaksud bahawa mereka percaya kepada kuasa-kuasa “ghaib” dan makhluk halus yang mempunyai bentuk binatang.

Menurut Ronnie (2023), masyarakat Semai kini menganuti pelbagai agama seperti Islam dan Kristian. Secara tidak langsung, kepercayaan dan amalan asal animisme secara beransur ditinggalkan di samping faktor penempatan tidak lagi di dalam hutan atau kampung. Seterusnya kurang kebergantungan kepada sumber alam. Secara umumnya, masyarakat Semai mempercayai kepada dua entiti dalam kepercayaan animisme iaitu *Nyenang* dan *Nyenik*. *Nyenang* dianggap wujud dalam kalangan masyarakat Semai kerana mereka tidak dapat dilihat, disentuh atau sebagainya. Oleh kerana manusia pasti akan mendapat balasan untuk setiap perbuatan baik atau buruk mereka. Ia dianggap sebagai makhluk yang paling mulia, dengan kuasa, kasih sayang dan belas kasihan. Orang Semai juga percaya bahawa *Nyenang* mengawal semua kehidupan di bumi. Masyarakat Semai sangat berhati-hati dalam tingkah laku mereka kerana percaya bahawa melakukan sesuatu yang dianggap ‘tengahak’ (dosa) akan mengundang akibat buruk. Kepercayaan ini berakar pada keyakinan bahawa *Nyenang* iaitu satu entiti *spiritual* yang dianggap berkuasa sentiasa wujud dan mengawasi, meskipun lokasinya tidak diketahui secara jelas. Dipercayai mampu memberikan hukuman atau kesan buruk kepada individu yang melakukan kesalahan. Selain itu, masyarakat orang asli, khususnya Semai, turut mempercayai kewujudan makhluk jahat yang dikenali sebagai ‘*Nyanik*’. *Nyanik* dianggap sebagai entiti berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit, kecelakaan, dan bahkan kematian kepada mereka yang melanggar pantang larang atau norma adat.

Wan N. (2023) menyatakan bahawa kepercayaan yang diterapkan oleh orang tua mereka tetap dipatuhi. Peranan Tok Batin dan Batin Adat dalam mengelola dan memastikan adat resam masyarakat Semai dipatuhi dan diamalkan. Ibu bapa juga menggalakkan anak mereka mengikuti adat resam dan peraturan walaupun sudah beragama. Mereka tetap percaya bahawa melanggar adat dan pantang larang akan mendapat masalah di kemudian hari.

PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat Semai menerima beberapa perubahan dalam adat, petua dan pantang larang seiring zaman. Sebelum ini kehidupan mereka secara nomad berubah kepada penempatan tetap dan merubah budaya dan cara hidup. Situasi ini menyebabkan beberapa amalan, adat contohnya petua dan pantang larang masuk hutan mengalami perubahan atau ditinggalkan.

Faktor ekonomi dan pendidikan dalam kalangan masyarakat orang asli Semai turut mengalami perubahan ketara selaras dengan perkembangan semasa. Mereka secara beransur-ansur meninggalkan amalan ekonomi lama seperti berburu dan mengumpul hasil hutan, malahan kini masyarakat ini menceburi bidang baharu seperti perhotelan, perniagaan, pengurusan profesional dan perkhidmatan awam. Perubahan ini telah mengurangkan keperluan untuk bergantung kepada hutan sebagai sumber utama kehidupan

Penerimaan masyarakat orang asli Semai juga disebabkan penerimaan dan anutan agama Islam dan Kristian yang menyebabkan orang asli Semai meninggalkan kepercayaan, petua dan pantang larang mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan petua dan pantang larang memasuki hutan orang asli Semai di Perak yang semakin dilupakan. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu pertama, untuk menganalisis dan menguraikan petua serta pantang larang yang berkait rapat dengan adat resam dan kepercayaan masyarakat orang asli Semai. Kedua, untuk memahami bagaimana petua dan pantang larang ini berperanan dalam kehidupan harian masyarakat. Ketiga, untuk membina mekanisme pengekalan dan pemindahan ilmu petua serta pantang larang tersebut dalam kalangan generasi muda, agar amalan tradisi ini tidak hilang ditelan zaman.

KAJIAN LEPAS

Kajian Alberto Gomes et.al. (1993): dalam *Masyarakat Semai di Perak: Satu Tinjauan Etnografi* menerangkan budaya, ekonomi dan sosial orang asli Semai Perak. Azizalfarizy (2012) pula menggariskan kaedah dalam melestarikan dan menjaga aset bangsa termasuk orang asli di Malaysia. Kajian Carey, I. (1976). *Orang Asli the Oboriginal Tribes of Peninsular Malaysia* dan *The Orang Asli and Social Change* memfokuskan kehidupan orang asli di Semenanjung Malaysia termasuk perubahan yang berlaku selepas penubuhan Malaysia.

Edo, J. dan Fadzil, K.S. (2004) dengan kajiannya *Socio-Economic Adjustments of the Aborigines: Malaysia. Building on Our Past and Investing in Our Future*, menghuraikan sosioekonomi masyarakat orang asli di Malaysia dan cabaran di masa hadapan. Haliza A. R. (2010) secara khusus melihat penyertaan dan penglibatan *Masyarakat Mah Meri Dalam Isu Berkaitan Persekitaran: Satu Tinjauan di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor*. Kajian yang dilakukan oleh Hassan Mat Nor (1998) memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi oleh masyarakat peribumi dalam menghadapi proses pembangunan. Begitu juga, kajian oleh Hood Salleh (2004) dalam *Dunia Peribumi dan Alam Sekitar: Langkah ke Hadapan* mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat peribumi dan hubungan mereka dengan alam sekitar. Sementara itu, kajian oleh Juli Edo (1993) memberikan penekanan terhadap kepercayaan dan pantang larang yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Semai. Kajian lain oleh Macaulay et al. (2005) yang diterbitkan dalam *Single Rapid Coastal Settlement of Asia Revealed by Analysis of Complete Mitochondrial Genomes* pula menceritakan secara saintifik tentang sifat genetik masyarakat di Asia, termasuk masyarakat orang asli di Malaysia

Kajian oleh Marof R. & Zahid E. (2008) membincangkan hubungan di antara masyarakat orang asli dan pembangunan, serta peranan ekologi hutan dalam kehidupan mereka. Sementara itu, kajian oleh Muhammad Syamsul Aznan Ariffin, Candyrilla Vera Bartholomew, dan Mohd Tajuddin Abdullah (2016) memberi tumpuan kepada ancaman dan kelestarian kehidupan masyarakat orang asli di Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (1998) pula menerangkan budaya, pantang larang dan amalan kesihatan dalam kalangan masyarakat orang asli, termasuk orang asli Semai. Kajian oleh Redzuan, M. dan Emby, Z. (2008) menyoroti beberapa isu yang dihadapi oleh masyarakat orang asli berkaitan dengan pembangunan dan ekologi hutan serta transformasi dan cabaran yang timbul. Sementara itu, kajian oleh Rosley, N. A. (2009) memberikan tumpuan kepada impak pembangunan terhadap komuniti orang asli Seletar, dengan fokus kajian kes di Kampung Simpang Arang, Johor Bahru

Kajian oleh Seow T. W., et al. (2013) memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi dalam kalangan komuniti orang asli di Malaysia. Sementara itu, kajian Zainon A. S. (1997) menumpukan perhatian kepada etnobotani enam suku kaum orang asli di Semenanjung Malaysia, termasuk masyarakat orang asli Semai di Perak. Kajian oleh Siti Aminah M. S. & Seow T. W. (2015) pula menghuraikan kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti orang asli, dengan sedikit tumpuan diberikan kepada masyarakat orang asli Semai.

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa belum ada dokumentasi mengenai petua dan pantang larang masuk hutan, faktor ekonomi dan keperluan hidup orang asli Semai Perak. Bertitik tolak daripada hal ini, penulis melakukan kajian ini untuk

berkongsi pengetahuan dengan masyarakat sekali gus dapat mendokumentasikan bahan yang diperoleh secara teratur.

DAPATAN KAJIAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, petua didefinisikan sebagai nasihat, petunjuk, atau panduan yang berguna, biasanya diberikan oleh orang tua atau mereka yang berpengalaman, tentang cara yang berkesan untuk melaksanakan atau mencapai sesuatu. Bagi masyarakat orang asli Semai, pengetahuan mereka tentang ilmu hutan telah diakui pada peringkat antarabangsa sejak era darurat. Kemahiran mereka dalam mengendalikan hutan diiktiraf oleh agensi seperti **Central Intelligence Agency (CIA)**. Pada masa itu, pasukan keselamatan British dan Persekutuan Tanah Melayu sering menghadapi ancaman daripada pengganas komunis. Namun, dengan kemunculan pasukan Senoi Praaq, situasi tersebut telah berubah, kerana pengganas Bintang Tiga mempercayai bahawa melawan Senoi Praaq adalah suatu tindakan yang boleh membawa maut (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2020).

Perkara ini dicapai menerusi penggunaan helah memburu mereka seperti belantik atau senjata tradisional seperti sumpit. Belantik sering digunakan untuk menjerat haiwan buruan seperti ayam hutan. Walau bagaimanapun, Senoi Praaq melihatnya sebagai perangkap untuk komunis. Rotan, akar dan tali membentuk bahannya. Selepas dipasang, ia disembunyikan di bawah timbunan rumput dan daun. Unit itu menjadikan mangsa mudah terperangkap dalam perangkap ini. Pengetahuan mereka tentang kawasan hutan membolehkan mereka mengelak pengganas komunis. Senoi Praaq dinamakan semula sebagai Batalion Ketiga, Pasukan Gerakan Am (PGA).



Gambar 1: Ramli bin Bah Chak, pesara PGA dan pakar hutan
Sumber: JKKN Perak

Dua tahun selepas itu, satu lagi batalion dibentuk oleh PDRM dan dikenali sebagai Batalion Ke-18, PGA (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2020).

Keperluan dan kepentingan masuk hutan

i) Faktor ekonomi dan keperluan hidup

Kehidupan orang asli bergantung pada sumber alam semula jadi iaitu hasil hutan untuk hidup. Selain dikenali sebagai orang asli, mereka juga sering digelar “Orang Hutan” kerana kepercayaan mereka yang kuat terhadap hutan untuk kelangsungan hidup mereka (2014).

Rezeki dianggap sebagai sebahagian daripada persekitaran mereka dan wujud di hutan. Menurut Ramli B. C. (2023) faktor utama memasuki hutan adalah untuk mencari rezeki dan keperluan hidup. Bahan yang diperolehi seperti haiwan, tumbuhan herba, ulam-ulaman, akar kayu dan hasil hutan yang lain akan dijual atau kegunaan keluarga mereka. Sesetengah hasil hutan mempunyai nilai yang tinggi di pasaran.



Gambar 2: Kawasan hutan di Kampung orang asli (KOA) Sungai Peria, Sahom, Kampar, Perak

Sumber: JKKN Perak



Gambar 3: Hasil hutan yang diperoleh digunakan untuk pelbagai keperluan

Sumber: Ronnie Bahari



Gambar 4: Pakaian tradisi orang asli Semai ketika memasuki hutan

Sumber: Ronnie Bahari

ii) Faktor adat dan perubatan

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, (1998), sosiobudaya orang asli termasuk cara memilih penghulu, struktur kekeluargaan seperti merisik, perkahwinan, pertunangan, kelahiran anak, kematian dan pengebumian, kaedah perubatan seperti berjampi atau tangkal, pantang larang pada hari perayaan dan pantang selepas bersalin, alat muzik tradisional untuk majlis sewang dan hiburan seperti seruling buluh dan gendang, pemakanan, amalan kesihatan dan perubatan tradisional dengan menggunakan akar dan tumbuh-tumbuhan seperti akar Tongkat Ali dan Kacip Fatimah.

Oleh sebab itu, masyarakat orang asli terus memastikan sumber alam, terutamanya herba yang berharga, diwariskan kepada generasi seterusnya walaupun mereka telah tinggal di hutan selama berabad-abad (Hood et al., 2009). Di samping itu, orang asli menggunakan 315 spesies tumbuhan untuk pelbagai tujuan, termasuk makanan, perubatan dan upacara (Zainon, 1997). Maka, menurut Wak N. (2023) bahan dan herba di dalam hutan inilah menyebabkan orang asli Semai memasuki hutan atas faktor adat dan perubatan. Sesetengah bahan herba dan akar kayu hanya boleh diperolehi di hutan dan tidak boleh ditanam di kawasan rumah. Keperluan ini sangat berkait rapat dengan adat kerana pengamalan adat memerlukan bahan dari hutan untuk dijalankan.



Gambar 5: Herba yang diperolehi di hutan untuk tujuan perubatan dan upacara.

Sumber: JKKN Perak 2023

iii) Faktor perpindahan dan penerokaan kawasan baru

Orang asli menggunakan sumber mereka hanya untuk membina rumah dan mengubah tanah mereka menjadi kawasan pertanian pindah. Masyarakat ini tinggal di kawasan hutan dan mempunyai prinsip serta kepercayaan yang kukuh tentang alam sekitar, yang memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Cara hidup dipengaruhi oleh hutan dan alam semula jadi yang turut mempengaruhi norma, prinsip dan kepercayaan manusia. Mereka berpendapat bahawa hutan tidak hanya didiami oleh haiwan dan manusia, tetapi juga oleh makhluk lain yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka (Marof dan Zahid, 2008). Menurut Wak N. (2023), faktor perpindahan ke kawasan baharu kerana kekurangan sumber flora dan fauna di kawasan sebelumnya merupakan salah satu kepentingan memasuki hutan.

Majoriti komuniti orang asli tinggal di kawasan hutan dan meneruskan cara hidup tradisional mereka, yang banyak dipengaruhi oleh persekitaran mereka dan tradisi tinggalan nenek moyang mereka yang telah lama wujud (Rosley, 2009). Namun, masa kini, keperluan ini kurang diadakan kerana masyarakat orang asli Semai mempunyai kediaman tetap di kampung dan terdapat juga yang berpindah ke bandar atas faktor pekerjaan (Wan N., 2023).



Gambar 6: Wak Ngah a/p Pandak, pakar rujuk adat orang asli Semai.

Sumber: JKKN Perak



Gambar 7: Rumah tradisional orang asli Semai.

Sumber: JKKN Perak

Petua dan pantang larang masuk hutan

i) Niat dan jampi

Menurut Ramli (2023), niat merupakan elemen yang sangat penting dalam memulakan sesuatu perjalanan, terutamanya dalam konteks masyarakat orang asli. Mereka percaya niat perlu “dipasang” pada malam sebelumnya, terutamanya jika ingin memasuki hutan keesokan harinya. Niat tersebut biasanya berkaitan dengan usaha mencari tumbuhan atau haiwan tertentu. Kepercayaan ini melibatkan peranan penting Tok Pawang, iaitu individu yang dianggap mempunyai kuasa dalam masyarakat. Tok Pawang akan membaca jampi tertentu dan menyatakan niat bagi pihak kumpulan yang akan memasuki hutan. Jampi ini dipercayai dapat memudahkan pencarian mereka, kerana barang yang dicari dikatakan telah “diseru” oleh makhluk halus dan akan muncul atau ditemui dengan lebih mudah.

Ramli (2023) menambah bahawa jampi orang asli Semai menggunakan kalimah Bismillah di awal dan Nabi Muhammad SAW di akhir ucapan. Biasanya ayat di pertengahan akan menyeru seluruh alam dan ayat bergantung kepada hajat. Ayat yang dibaca sangat susah untuk difahami dan hanya pawang yang memahami. Pawang akan berkongsi jampi serapah jika diminta dan dia memerlukan pengeras

seperti garam jantan, jarum dan wang berjumlah 25 sen. Kebiasaan ilmu hutan dan jampi diwarisi turun-temurun. Tiada catatan ditemukan atau dibukukan kerana dikhuatiri disalah guna dan terdedah kepada pihak yang mengambil kesempatan. Antaranya ilmu hutan menyusup musuh tidak boleh didedahkan kepada pihak luar kerana akan membahayakan keselamatan negara. Ilmu jampi juga digunakan dalam berjalan, mencari tempat rehat, menjerat, menggunakan tali dan peralatan. Seseorang yang mempunyai ilmu tidak akan berkongsi kesemua petua dan jampi mereka. Ia sekadar simpanan sendiri dan pendinding diri mereka.

ii) Membawa alatan yang sesuai dan mencukupi

Menurut Ramli (2023), setiap kali memasuki hutan, persediaan rapi dari segi barangan dan pakaian adalah sangat penting. Pemakaian yang selesa dan tidak terlalu terang adalah digalakkan kerana warna pakaian yang mencolok mata boleh menarik perhatian haiwan liar, yang dipercayai mempunyai penglihatan yang tajam. Selain itu, pemakaian pakaian yang terlalu bergaya atau menyukarkan pergerakan juga tidak sesuai kerana ia boleh menjejaskan keselamatan dan kebolehan bergerak dalam persekitaran hutan. Antara alatan dan bahan yang disyorkan untuk dibawa termasuk parang, pisau, alat penghidup api, makanan yang mudah dibawa, kotak kecemasan, kit kelangsungan hidup, serta mercun sebagai alat keselamatan tambahan. Dalam sesetengah keadaan, membawa anjing juga dipertimbangkan bergantung kepada keperluan dan lokasi.

iii) Waktu sesuai

Mohd T. et al. (2016) menyatakan bahawa masyarakat orang asli biasanya akan memasuki hutan pada awal pagi dan kembali pada lewat petang. Namun begitu, dalam sesetengah keadaan, mereka mungkin tinggal di dalam hutan selama seminggu atau lebih untuk mengumpul hasil hutan. Menurut Wan N. (2023), waktu pagi dianggap sebagai masa yang paling sesuai untuk memasuki hutan. Hal ini kerana pada waktu tersebut, tenaga masih berada pada tahap optimum, pencahayaan adalah baik dan keadaan ini memudahkan pencarian sumber seperti tumbuhan atau haiwan. Di samping itu, masuk ke hutan pada waktu pagi juga dapat mengelakkan risiko hujan yang biasanya berlaku pada sebelah petang. Waktu yang paling disarankan ialah antara pukul 7 hingga 8 pagi, terutamanya jika tujuan utama adalah untuk mencari tumbuhan herba. Tambahan pula, terdapat kepercayaan bahawa waktu bulan penuh atau “bulan besar” merupakan masa yang terbaik untuk mencari tumbuhan hutan. Dikatakan bahawa pada waktu ini, tumbuhan lebih mudah ditemui dan dikatakan lebih mujarab untuk digunakan, khususnya dalam perubatan tradisional.

iv) Peranan jantina

Menurut Ramli (2023), lelaki lebih diutamakan untuk memasuki hutan bagi tujuan mencari rezeki, khususnya kerana mereka memiliki tenaga fizikal yang lebih tinggi serta kemahiran kelangsungan hidup yang lebih sesuai dengan persekitaran hutan.

Walau bagaimanapun, wanita juga boleh turut serta, terutamanya jika lokasi pencarian berada berhampiran kawasan tempat tinggal. Peranan wanita dalam konteks ini lebih tertumpu kepada pengurusan hasil hutan yang dibawa pulang, sama ada dalam bentuk haiwan buruan mahupun tumbuhan yang dikumpulkan. Pembahagian peranan ini mencerminkan pembahagian tugas berdasarkan kemampuan fizikal dan struktur sosial dalam masyarakat berkenaan.



Gambar 8: Kaum lelaki akan mencari bahan di hutan manakala kaum wanita akan menguruskan bahan yang diperolehi.



Gambar 9: Kaum wanita juga memasuki hutan tetapi terhad di persekitaran rumah atau kampung
Sumber: Ronnie Bahari

v) Bulan yang sesuai

Menurut Ramli (2023), musim yang paling sesuai untuk aktiviti berburu ialah semasa musim buah. Pada waktu ini, haiwan seperti kijang, pelanduk, dan pelbagai spesies burung lebih mudah dikesan dan dijerat kerana mereka tertarik kepada kawasan yang kaya dengan sumber makanan. Sebagai contoh, di kawasan Sahom, Kampar, Perak, musim buah biasanya berlaku pada bulan Jun, manakala di kawasan sekitar sempadan Perak–Kelantan, musim ini lazimnya berlaku pada bulan Ogos. Dalam tempoh tersebut, peluang untuk memperoleh hasil buruan adalah lebih tinggi. Sementara itu, tumbuhan dan bahan hutan lain seperti akar kayu, herba, atau rotan boleh diperoleh sepanjang tahun, bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman masyarakat dalam mengenal pasti lokasi serta masa yang sesuai untuk pencarian.

vi) Jumlah orang

Menurut Ramli (2023), bilangan individu yang memasuki hutan biasanya digalakkan dalam jumlah genap seperti dua, empat, enam, dan maksimum sepuluh orang. Kepercayaan orang asli Semai menyatakan bahawa bilangan ganjil boleh membawa musibah seperti tersesat, jatuh sakit, kematian, atau diserang haiwan buas seperti harimau. Kepercayaan ini berpunca daripada anggapan bahawa bilangan ganjil dianggap sebagai satu bentuk cabaran terhadap kuasa ghaib atau makhluk halus yang mendiami hutan. Dalam kepercayaan tersebut, harimau dikatakan “mengira” ahli kumpulan, dan sekiranya terdapat bilangan ganjil, individu yang berlebihan dianggap sebagai “haknya”, sekali gus membuka ruang kepada kemalangan atau gangguan.

vii) Larangan wangian

Menurut Ramli (2023) memasuki hutan juga tidak digalakkan memakai wangian. Perlu diingat bahawa haiwan liar sangat sensitif deria baunya. Dikhuatiri menarik perhatiannya. Jika mandi juga digalakkan menggunakan air sahaja tanpa sabun. Badan sememangnya akan berbau tetapi bau akan menyamai bau alam seperti daun dan tanah. Salah satu cara supaya tidak menarik perhatian binatang buas.

viii) Pemberitahuan kepada orang terdekat

Menurut Ramli (2023) jika memasuki hutan, perlu memberitahu kepada orang terdekat seperti ibu bapa, isteri atau rakan. Perkara ini sangat penting kerana jika terjadi sebarang musibah. Mudah pihak keluarga dan pihak bertanggungjawab mengetahui keberadaan mereka. Rezeki juga mudah didapati apabila memasuki hutan. Doa dan harapan anak - anak dan isteri, sangat perlu untuk orang yang memasuki hutan. Doa atas alasan keselamatan dan kemudahan dalam mencari rezeki untuk keluarga.

ix) Peranan api dan asap

Ketika memasuki hutan, api perlu dipasang terlebih dahulu menggunakan buluh. Tunggu hingga 20 minit supaya asap merebak di kawasan laluan. Bau asap dan api akan menghindarkan binatang buas daripada mendekati. Mengikut kepercayaan, api dan asap daripada buluh bukan sahaja menghindari binatang buas tetapi makhluk halus juga. Api atau asap juga dipasang ketika hari gelap atau malam. Jika melalui kawasan perkuburan, kawasan dipercayai berhantu, rumah usang atau di tengah kawasan hutan, manusia akan mendengar pelbagai suara yang menyeramkan seperti haiwan atau suara manusia menangis atau bernyanyi. Jika menggunakan buluh sebagai obor, dipercayai perkara ini dapat dihindari (Ramli, 2023).



Gambar 10 : Api dan asap digunakan untuk pelbagai kegunaan termasuk di dalam hutan

Sumber: JKKN Perak

x) Minta keizinan, menjaga tutur kata dan hormat

Orang asli percaya bahawa alam semula jadi dan manusia adalah penciptaan seperti yang lain. Oleh itu, manusia tidak mempunyai tempat yang eksklusif atau menguasai alam semula jadi, dan mereka tidak terpisah daripadanya. Oleh itu, semua orang mesti menghormati manusia, haiwan, burung, tumbuhan dan makhluk lain. Segalagalanya di dunia, tidak kira sama ada ia hidup atau tidak, mempunyai semangat dan harus dihargai. Walau bagaimanapun, objek itu mempunyai semangat (Haliza, 2010).

Ramli (2023) menyatakan jika memasuki hutan, perlu mendapat keizinan dari kawasan perkampungan yang berhampiran sama ada daripada Tok Batin mahupun ketua di kawasan tersebut. Ini bukan sahaja menunjukkan hormat malah membantu pencarian di dalam hutan.

Wan N. (2023) menyatakan mengikut kepercayaan orang asli Semai, seseorang perlu meminta izin dan mohon perlindungan tuhan dalam membuat sesuatu seperti membuang air di kawasan hutan. Misalnya “tok saya nak buang air dan memohon maaf terlebih dahulu”. Mereka mempercayai setiap kawasan mempunyai semangat dan penunggu. Bagi orang asli Semai, setiap kawasan, tumbuhan, haiwan, batu dan pasir adalah milik penghuni hutan iaitu semangat dan penunggu. Maka itu, keizinan perlu diminta. Jika melanggar pantang larang ini akan menyebabkan musibah. Begitu juga jika ingin mengambil barang di hutan seperti batu yang cantik atau tumbuhan seperti rotan. Jika berkenan dan berhajat sesuatu barang, cukup seorang yang diamanahkan mengambilnya. Tidak perlu beramai-ramai dan perlu meminta keizinan.

Jika ternampak benda yang cantik mahupun ganjil perlu mendiamkan diri. Jangan dipuji, dihina atau ditegur. Ia dipercayai menghina makhluk halus dan semangat tumbuhan itu. Dilarang menyebut nama haiwan buas seperti harimau, tetapi boleh ditukar kepada panggilan pak. Semasa perjalanan juga tidak dibenarkan bercakap takbur dengan binatang buas. Penggunaan kamera juga dilarang kerana cahaya lampu kamera tidak disukai oleh makhluk buas dan makhluk ghaib. Dilarang membuat bising di dalam hutan dan mengganggu dengan muzik atau suara yang kuat. Perkara ini akan menyebabkan makhluk di dalam hutan marah.

Jika terjumpa kawasan perkampungan orang asli di dalam hutan, orang luar perlu bersikap rendah diri dan tidak sombong. Perlu menghormati adat resam dan pantang larang mereka. Sekiranya tiba-tiba disuruh diam, maka perlulah diam. Ini bertujuan menjaga keselamatan bersama dan menghormati mereka. Sampah sarap juga tidak boleh dibuang merata-rata dan jika boleh, ditanam atau dibawa pulang untuk menjaga dan menghormati alam (Ramli, 2023).

xi) Memahir kawasan hutan

Menurut Marof & Zahid (2008), mereka menegaskan bahawa hutan tidak hanya didiami oleh manusia dan haiwan tetapi juga oleh makhluk lain yang mungkin mempunyai kesan ke atas kehidupan mereka. Menurut Ramli (2023) kemahiran memahami kawasan perlu dipelajari terlebih dahulu daripada orang yang berpengalaman. Jika kita berjalan di hutan, kadangkala melalui ladang orang kampung dan kebun, kita akan nampak kesan manusia dengan jelas. Kesan-kesan ini sangat penting menjadi petunjuk di hutan. Antara petunjuk arah yang penting ialah permatang bukit. Permatang ini terletak di kaki bukit atau puncak. Arah permatang bukit boleh dilalui sehingga puncak bukit. Bukit boleh dijadikan petunjuk arah dan titik jika kehilangan arah. Kemahiran melihat matahari juga penting semasa memulakan perjalanan. Kedudukan matahari dapat dilihat sejak pagi. Arah dan masa dapat ditentukan mengikut condong matahari. Anak sungai juga boleh dijadikan petunjuk arah semasa di dalam hutan.

Jika tersesat, ikut hilir sungai sehingga menjumpai kesan manusia, biasanya terdapat kesan tinggalan dan laluan pemburu, pemancing, penjerat haiwan, pendaki dan perkampungan manusia. Selain itu, perlu juga memahami kawasan denai, dan laluan haiwan. Perlu diketahui juga kesan tinggalan manusia seperti tanda penyembur cat di pokok, laluan balak, laluan manusia, tinggalan perkhemahan, kesan unggun api, bekas ikatan tali di ranting, patahan dahan tumbuhan, dan lain- lain. Lumut di batu juga boleh menentukan arah mata angin. Kawasan batu berlumut adalah sebelah matahari terbenam dan matahari terbit tidak berlumut. Maka, bahagian berlumut ialah barat. Pencarian rezeki juga perlu menghindari kawasan balak kerana tumbuhan herba dan haiwan akan menghindari kawasan tersebut. Namun, perlu mencari jauh ke dalam hutan kerana masa kini hutan telah banyak dimusnahkan akibat penempatan dan balak. Ini menyebabkan perlu masa yang lebih untuk mencari hutan yang tidak disentuh. Hutan sebegini yang kaya dengan flora dan fauna (Ramli 2023).



Gambar 11: Bekas laluan manusia dapat dilihat di dalam hutan.

Sumber: JKKN Perak

xii) Pengetahuan tumbuh-tumbuhan

Haiwan dan hutan memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka, manakala kaedah perubatan tradisional yang menggunakan daun dan pokok untuk menyembuhkan penyakit digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa orang asli mempunyai hubungan yang kukuh dengan alam sekitar, terutamanya dengan tumbuh-tumbuhan (Zainon, 1997).

Menurut Hood et al., (2009) sememangnya, orang asli menggunakan sumber tumbuhan hutan dengan sangat baik. Mereka memahami semua jenis tumbuhan dan kitaran tumbuhan serta perubahan keadaan, seperti waktu berbunga dan musim buah, walaupun mereka tidak mendapat pendidikan formal. Selain itu, mereka memastikan sistem ekologi tumbuhan herba hutan kekal untuk kegunaan generasi akan datang, seperti mengekalkan amalan dan petua untuk mengambil tumbuhan hutan serta kepercayaan tentang roh dan semangat hutan yang mesti dipelihara.

Ramli (2023) menyatakan mencari rezeki seperti hasil hutan dan makanan juga perlu mengenali spesies tumbuhan. Jika mencari sesuatu untuk dimakan seperti rebung, pucuk tumbuhan, sayur hutan, buah hutan dan sebagainya memerlukan pengetahuan tentang tumbuh - tumbuhan. Rebung ada petuanya. Jika mahu mengambil rebung buang kulitnya ambil isi dalam tapi kulitnya perlu ditutup dengan daun. Tujuan kulitnya ditutup kerana dipercayai banyak penunggu akan menganggap manusia bersifat kurang adab membiarkan kulit putih merata-rata. Makhluk ini tidak menyukai perbuatan itu dan menyebabkan makhluk tersebut jatuh sakit. Begitu juga haiwan yang melalui kawasan itu akan terkena sembilu dan miang buluh. Dilarang memotong buluh jika tidak mahukannya. Jika terpotong, buluh tersebut perlu ditumpulkan. Kawasan carian tumbuhan juga perlu dimahirkan seperti Tabor yang digunakan sebagai penawar adalah sejenis pokok yang hidup di tepi sungai manakala pohon lain seperti akar wangi hidup di dalam dan tengah hutan.

Menurut Wan N. (2023) pokok damar memerlukan tempat yang sejuk seperti hutan. Kalau kawasan hutan ini telah panas susah untuk pokok damar hidup dan cepat mati. Setiap tumbuhan ada habitatnya yang tersendiri. Jangan memotong tumbuhan sesuka hati tanpa tujuan seperti untuk makanan, memberi pencahayaan kawasan khemah dan laluan. Jika tidak perlu dipotong dan boleh diduduki atau dilalui, maka tiada sebab untuk memotong tumbuhan. Kemahiran melihat kawasan tanah juga perlu seperti jika tanah keras maka tumbuhan herba tidak akan hidup dan tumbuh. Menguji tanah dengan cara memukul tanah dengan parang. Jika tanah basah melekat di parang, maka tanah itu subur.

Terdapat beberapa petua dan pantang larang dalam mengambil tumbuhan hutan contohnya, lebih mudah mencabut akar pokok Ali dari arah belakang badan. Tapi nama pokok tersebut tidak boleh disebut dan senyap semasa mencabutnya. Jika terluka di dalam hutan perlu mengetahui tumbuhan yang berguna. Misalnya, getah pokok Pulai boleh digunakan untuk mengubat luka. Selain itu, terdapat pantang yang melarang buluh dan daunnya dibawa ke dalam rumah. Rotan juga tidak boleh dibawa balik ke dalam rumah tanpa digulung bagi mengelakkan binatang buas datang. Selain itu, dilarang membawa daun serai ke dalam rumah kerana dikhuatiri ular akan masuk (Ramli, 2023).



Gambar 12: Pengetahuan tentang tumbuhan membantu dalam ilmu hutan. Herba dan tumbuhan yang digunakan dalam Mandi Geluk.

Sumber: JKKN Perak

xiii) Melihat perlakuan dan sifat haiwan.

Melihat perlakuan haiwan sangat berguna ketika di dalam hutan. Menurut Ramli (2023), kita melihat apa yang mereka makan seperti burung dan monyet atau kera. Ini termasuklah daun dan tumbuhan yang dimakan dan mengubati luka. Sekiranya binatang terluka, ia akan memakan tumbuhan tersebut dan menggunakan air liur untuk menyapu lukanya. Makanan yang diambil bukan sahaja makanan biasa namun merupakan ubat kesembuhan contohnya daun pokok getah. di mana bukan semua daun getah dimakannya. Binatang ini akan mengambil tangkai sahaja. Bahagian yang lain ditinggalkan. Cara itu membolehkan binatang itu sihat dan sembuh serta boleh dijadikan petunjuk dan ubat. Langkah pertama sebelum memakan sesuatu bahan atau buah adalah dengan menghidu makanan tersebut. Jika bau yang terhasil sangat menyengat atau tidak menyenangkan, bahan tersebut perlu ditinggalkan. Sekiranya tiada reaksi yang meragukan, tunggu kira-kira 10 minit untuk melihat jika ada kesan pada tubuh. Seterusnya, ujian perlu dilakukan pada kulit yang nipis, seperti di leher atau pelipat lengan. Gosokkan sedikit bahan tersebut pada kawasan tersebut dan tunggu selama 20 minit untuk melihat sebarang

reaksi, seperti kegatalan, alahan, ruam, atau rasa sakit. Jika tiada sebarang reaksi negatif, langkah berikutnya adalah meletakkan bahan tersebut di atas lidah dan tunggu selama 20 minit. Sekiranya tiada kesan buruk, baharulah sedikit bahan itu boleh diambil, dikunyah dan ditelan. Tunggu selama 30 minit atau lebih lama untuk memerhatikan sebarang reaksi badan. Jika tiada kesan sampingan atau reaksi negatif, bahan tersebut dianggap selamat untuk dimakan.

Menurut Ramli (2023), tingkah laku haiwan di hutan sangat dipengaruhi oleh jenis habitat dan sumber makanan yang ada di sekitarnya. Sebagai contoh burung helang, yang merupakan pemangsa menyebabkan haiwan-haiwan lain di sekitarnya bersembunyi di tempat yang lebih selamat seperti lubang pokok, celah-celah tanah, atau kawasan yang terlindung. Haiwan-haiwan ini cenderung berada berdekatan dengan sumber air, seperti sungai, dan kawasan yang mempunyai buah-buahan. Haiwan dengan bulu yang cantik, seperti burung, rusa dan ular sawa batik sering kali ditemui di kawasan dengan air yang jernih dan bersih. Sebaliknya, haiwan seperti ular sawa, babi hutan, dan seumpamanya, lebih cenderung berada di kawasan yang berlumpur atau berpayau, di mana airnya keruh. Harimau, sebagai contoh, merupakan haiwan yang sangat cerewet dalam memilih habitat. Mereka lebih suka kawasan yang bersih, serta sumber air yang jernih di kawasan yang tinggi. Selain itu, harimau sangat sensitif terhadap bau dan bunyi, terutamanya bunyi daripada objek keras seperti besi. Haiwan-haiwan ini sangat peka terhadap persekitaran mereka, dan jika angin bertiup ke arah pemburu, haiwan-haiwan tersebut akan mengelak dan pemburu akan sukar untuk mendapatkan hasil buruan.

xiv) Menjerat dan memburu haiwan

Hutan mempunyai kesan yang ketara terhadap kehidupan orang asli (Redzuan 2008). Hubungan rapat mereka dengan hutan juga memberi kemahiran yang mereka perlukan untuk memenuhi keperluan asas hidup seperti memburu dan menjerat haiwan. Oleh kerana itu, hutan memainkan peranan penting dalam kehidupan orang asli.

Menjerat merupakan satu kemahiran, rezeki dan ikhtiar hidup apabila memasuki hutan. Ramli (2023) menyatakan bahawa terdapat pelbagai cara menjerat haiwan sama ada di atas pokok mahupun di tanah. Namun cara membuat jerat terdapat petua dan pantang larang tersendiri. Melanggar petua dan pantang akan menyebabkan hasil tiada atau tidak menjadi. Antara petuanya seperti meraut kayu hutan dan jemur. Setelah jemur kita akan menyalai tidak kira di pokok ataupun di tempat lain. Jerat juga dibuat dengan sukatan jari. Jerat tidak kendur dan terlalu tegang. Masa diambil untuk membuat jerat selama 6 hari. Masa dikira dari mencari rotan dan kayu kemudian segala

persediaannya. Selepas itu, perangkap itu akan disimpan dan keesokannya akan dibawa ke tempat laluan haiwan yang dihajati. Selepas diletakkan jerat tersebut, maka, pembuat jerat harus diam di rumah atau khemah sehingga malam tiba. Jika di rumah, para isteri akan menyediakan makanan dan pembuat jerat akan memakan makanan sehingga tiada wap makanan dengan senyap dan tidak bersembang dengan sesiapa termasuk anak dan isteri. Anak - anak juga perlu diberitahu supaya tidak mengganggu ayah mereka dan membuat bising sepanjang hari siang. Selepas makan, mereka akan bersandar di dinding. Biasanya penjerat akan balik ke rumah dalam pukul 7.00 petang. Perlu mengikut petua dan pantang dan apabila malam tiba dalam pukul 7.45 malam. Maka, pantang tersebut berakhir. Waktu menjerat juga perlu dari pagi sehingga pukul 7.00 petang.

Kawasan menjerat juga bergantung dengan haiwan yang dihajati. Contohnya tupai yang besar perlu melihat denainya. Petuanya, jika kita melihat daun pokoknya lebat maka kawasan itu tiada haiwan tersebut. Perlu mencari daun yang kurang lebat dan dahan yang hampir mati. Perkara ini merupakan petanda denai haiwan terbabit. Selain itu boleh dilihat di ladang sawit, tupai akan mencakar daun sehingga tinggal lidinya sahaja. Maka di situ terdapat denai haiwan. Denai perlu melihat daun di tanah. Apabila kancil memijak tanah akan menembusi daun dan daun itu menjadi petunjuk laluannya. Arah jerat di bawah juga perlu tepat, tidak boleh menghala ke atas bukit tetapi di lereng bukit laluannya. Semasa memasang jerat juga tidak boleh bertanya atau bising sehingga jerat siap dipasang dan diam juga semasa di khemah atau rumah. Jerat juga boleh dibuat untuk ayam, pelanduk, kijang, musang dan lain-lain (Ramli, 2023).



Gambar 13: Jerat burung dan haiwan kecil.

Sumber: LORAS *Bushcraft Survival* (Youtube)

xv) Bermalam dalam hutan

Menurut Ramli (2023), pemilihan tempat untuk bermalam atau memasang khemah di hutan perlu dilakukan dengan berhati-hati. Salah satu kawasan yang perlu

dielakkan ialah kawasan kepala air. Tanda-tanda kepala air dapat dilihat melalui sampah sarap hutan yang terperangkap di tebing sungai, batu-batu yang tidak berlumut, serta keadaan pokok dan daun yang berada di sekitar sungai. Pokok-pokok di kawasan kepala air biasanya tidak condong ke arah matahari dan daunnya kelihatan layu akibat sentuhan air. Sebelum memilih kawasan untuk mendirikan khemah, disarankan untuk memeriksa sekeliling dengan teliti. Perhatikan kehadiran lubang haiwan seperti ular dan tikus, laluan haiwan kecil, serta sarang semut atau busut anai-anai. Setelah itu, berdirilah untuk memeriksa segenap arah penglihatan bagi melihat kemungkinan laluan haiwan besar seperti gajah atau binatang buas. Kesan-kesan yang boleh dilihat di sekitar kawasan ini termasuklah cakaran pada pokok atau najis haiwan. Selain itu, pastikan untuk memeriksa keadaan di atas kepala, kerana terdapat kemungkinan haiwan seperti tebuan atau lebah bersarang di atas pokok. Perhatikan juga ranting atau dahan kering yang boleh menyebabkan kecederaan jika ia patah atau menghempap khemah. Oleh itu, pemilihan tempat yang tepat adalah penting untuk mengurangkan risiko kecederaan atau gangguan oleh haiwan.

Jika hendak membuang air, dilarang di dalam sungai dikhuatiri bakteria masuk dalam saluran kencing. Selain itu, dilarang membuang air di dalam lubang binatang, laluan semut dan perdu pokok. Cara sebaiknya dibuat lubang tanah, duduk, membuang air dan dikambus semula. Kaedah lain, membuang air di tepi batu besar.

Buat parameter di kawasan khemah yang hendak didirikan. Parameter boleh menggunakan tali dan ikat lebih kurang semeter tinggi di pokok-pokok. Jarak bulatan keliling khemah yang berada di tengah dengan diameter di antara 20 langkah. Ini adalah bagi tujuan keselamatan dan dapat memantau sekeliling jika terdapat bahaya dan risiko. Apabila malam, tali parameter boleh dipegang sebagai penunjuk arah (Ramli, 2023)

xvi) Petua tidur

Tidur di dalam hutan juga mempunyai petua dan pantang larang tertentu. Ramli (2023) menyatakan tujuannya untuk mengelak dada sesak, sakit dada dan penyakit. Jika pergi berkumpul perlu mencantum kaki sesama sendiri dan api berada di tengah. Arah tidur tidak menjadi masalah, tetapi penting untuk memastikan tempat tidur bukan merupakan laluan bagi haiwan. Posisi tidur juga perlu diatur dengan teliti, di mana tidur dengan cara telentang kedua tangan diletakkan di kepala adalah disarankan. Atau jika tidur ke kanan atau kiri tangan dialas di kepala dan diletakkan di pipi serta tangan sentiasa terletak di kepala dan satu tangan di paha. Ketika tidur, adalah lebih baik untuk tidur melintang pada permatang menegak, yang dipercayai dapat memberi perlindungan daripada gangguan atau bahaya semasa berada di dalam hutan.

Tujuan Diadakan Petua dan Pantang Larang serta Falsafah di Sebaliknya

i) Menjaga pusaka dan alam sekitar

Menurut Hood et al., (2009) mereka mempunyai sistem perkongsian hidup yang sangat berbeza daripada alam semula jadi. Oleh itu, walaupun telah tinggal di hutan selama berabad-abad, orang asli terus menjaga sumber alam, terutamanya herba yang berharga, untuk diwarisi oleh generasi seterusnya.

Mereka percaya bahawa keperluan dan kepercayaan mereka terhadap hutan akan kekal untuk generasi seterusnya. Mereka juga menekankan bahawa anak-anak mereka harus diajar kedua-dua kemahiran memburu dan pengetahuan tentang flora hutan (Redzuan & Emby, 2008). Oleh itu, sumber hutan akan diambil atau dikeluarkan oleh orang asli apabila diperlukan dan tidak secara berlebihan (Ramle et al., 2014). Untuk mengelakkan roh itu marah, mereka harus menjaga dan menggunakan sumber hutan dengan teliti. Selain itu, mereka percaya bahawa kemarahan atau bencana akan disebabkan oleh pembaziran sumber. Menjaga alam sekitar seperti tidak merosakkan alam sekitar semasa memasuki hutan. Setiap pantang larang yang dicipta mempunyai nilai tersendiri untuk mendidik masyarakat ini supaya menghormati alam semula jadi yang banyak memberi manfaat kepada kehidupan mereka seperti tidak merosakkan flora dan fauna yang tidak diperlukan (Muhammad Syamsul Aznan et al., 2016).

ii) Pembentukan keperibadian

Orang asli menggunakan sumber mereka hanya untuk berburu, membina rumah dan mengubah tanah mereka menjadi kawasan pertanian pindah. Masyarakat peribumi ini tinggal di kawasan hutan dan mempunyai prinsip dan kepercayaan yang kukuh tentang alam sekitar, yang memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka juga mempengaruhi norma, prinsip dan kepercayaan manusia (Marof & Zahid, 2008). Prinsip dan kepercayaan ini, menurut Ramli (2023) membentuk keperibadian yang luhur seperti jujur dalam berniaga seperti mencari hasil hutan yang berkualiti, dapat ditafsirkan ia juga untuk menjaga nama baik atau maruah mereka.

iii) Faktor keselamatan

Ramli (2023) menyatakan keselamatan ketika berada dalam hutan juga sangat penting, iaitu mengelak kemalangan yang melibatkan pertumpahan darah seperti bencana alam, terluka, ditimpa oleh kayu, diserang oleh binatang-binatang buas, dipatuk ular dan boleh juga menyebabkan kematian seperti perkara yang dilarang disentuh, ditegur mahupun dipanggil.

Dikuatkan lagi bahawa alam adalah sebahagian daripada kehidupan mereka, dan ia juga perlu dilindungi supaya kuasa ghaib, roh, penunggu, dewa atau tuhan mereka tidak marah. Kuasa ghaib ini akan melukai mereka. Oleh itu, mereka mempunyai hubungan yang baik dengan persekitaran mereka dan sangat menghormati alam sekitar mereka (Maharam, 2009).

iv) Kepercayaan kepada alam sekitar

Menurut Hood et al., (2009) orang asli memastikan sistem ekologi tumbuhan herba hutan kekal untuk kegunaan generasi akan datang, seperti mengekalkan amalan dan petua untuk mengambil tumbuhan hutan serta kepercayaan tentang roh dan semangat hutan yang mesti dipelihara. Menurut Wan N. (2023) Kepercayaan pada alam juga berkait rapat untuk mendisiplinkan diri dalam hutan agar tidak terkena musibah seperti tidak sesat dalam hutan dan menyebabkan permusuhan sesama manusia. Moral dan kepercayaan mereka sangat dipengaruhi oleh alam sekitar mereka (Itam, 1993). Setiap suku bangsa mempunyai sejarah, iman, adat resam, budaya dan amalan kesihatan yang unik. Walau bagaimanapun, majoriti suku bangsa ini menganut “animisme” yang bermaksud bahawa mereka percaya kepada kuasa-kuasa “ghaib” dan makhluk halus yang mempunyai bentuk binatang (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

Pelestarian Petua dan Pantang Larang Memasuki Hutan

i) Menyemarakkan seni dan budaya orang asli Semai

Kelestarian ialah keadaan di mana amalan ekonomi, politik, budaya dan ekologi berfungsi untuk membolehkan generasi seterusnya menerima kembali sebahagian modal alam semula jadi yang dibahagikan secara adil untuk memenuhi keperluan mereka. Modal ini hendaklah tidak kurang secara per kapita daripada apa yang telah digunakan oleh generasi sebelumnya untuk memenuhi keperluan mereka. Dengan kata lain, istilah itu merujuk kepada mengambil kira dan meninggalkan sebanyak dan sebaik mungkin sumber semula jadi untuk keperluan generasi akan datang, seperti yang telah dinikmati oleh generasi terdahulu (Macaulay et al., 1996)

Menurut Ronnie (2023), usaha perlu dilakukan antaranya menyemarakkan seni dan budaya orang asli Semai Perak. Kerjasama antara agensi kerajaan bersama NGO orang asli perlu giat dilaksanakan. Antara agensi yang boleh terlibat seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Warisan Negara boleh bekerjasama untuk menyemarakkan aktiviti dan program bukan sahaja di kampung malah di bandar

agar ilmu dan pengetahuan orang asli dapat disebar luas. Seterusnya penyemaran ini mampu membantu ekonomi masyarakat orang asli Semai khususnya.

Antara aktiviti yang boleh dijalankan ialah pameran dan jualan produk orang asli Semai, aktiviti masuk hutan dan perkhemahan yang diterajui oleh pakar hutan dalam kalangan orang asli Semai, penerangan dan seminar berkenaan ilmu hutan orang asli serta pameran tunjuk ajar berkenaan ilmu hutan kerjasama orang asli Semai bersama PGA dan Tentera Darat Malaysia. Antara program sampingan termasuk persembahan tarian dan muzik orang asli, serta kostum, sumpit, anyaman, ukiran, perangkap, peralatan, perhiasan, pakaian, alat muzik dan makanan. Pelancong asing juga boleh mengetahui kesenian orang asli negara ini melalui festival ini. Ini secara tidak langsung dapat mengekalkan dan memelihara ilmu hutan orang asli Semai. Minat golongan muda orang asli Semai mempelajari ilmu hutan juga akan meningkat dengan adanya pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Orang asli Semai di Perak mempunyai kepercayaan mendalam terhadap alam sekitar, yang dianggap sebagai sumber kehidupan dan tempat kediaman roh nenek moyang mereka, sehingga mendorong mereka untuk menjaga keseimbangan alam. Seni dan budaya mereka seperti muzik, tarian dan anyaman turut disemarakkan sebagai cara memelihara identiti mereka, manakala usaha membina Perkampungan Budaya Orang Asli menjadi platform penting untuk mempromosikan warisan ini kepada masyarakat luar. Pemeliharaan pengetahuan tradisional dalam bidang perubatan herba, pertanian, dan kehidupan harian menjadi teras untuk memastikan kesinambungan budaya dan identiti kaum Semai, sementara pemuliharaan alam sekitar adalah keutamaan bagi melindungi ekosistem yang menyokong cara hidup mereka.

ii) Membina Perkampungan Budaya Orang Asli

Warisan dan adat kebudayaan orang asli yang luar biasa dan menarik harus menjadi tatapan kepada sesiapa sahaja yang melawatnya. Kerajaan dan kementerian yang bertanggungjawab perlu menyokong pembinaan Perkampungan Budaya di setiap negeri. Ini disebabkan oleh fakta bahawa setiap suku orang asli Malaysia mempunyai identiti dan tradisi yang unik, ditambah pula orang asli Semai Perak merupakan sub etnik orang asli terbesar di Malaysia. Sebagai contoh, Perkampungan Budaya Orang Asli Kaum Mah Meri di Pulau Carey boleh mempromosikan seni ukiran dan anyaman kepada orang di dalam dan luar negara. Mereka juga memainkan tarian dan muzik tradisional mereka. Perkampungan ini berusaha untuk mengekalkan warisan seni budaya orang asli dan memartabatkan nilai seni dan kebudayaan mereka. Ronnie (2023) menyatakan bahawa perkampungan budaya tersebut akan berfungsi sebagai tempat untuk mempromosikan dan memperkenalkan budaya dan gaya hidup orang asli khususnya orang asli Semai di Perak.

iii) Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional dan Pemuliharaan

Sebenarnya, orang asli mempunyai pendedahan dan pengetahuan yang sangat baik tentang alam sekitar mereka berdasarkan pengetahuan empiris dalam persekitaran hidup yang berfungsi. Oleh itu, ia sama ada sains atau gunaan (Hood 2004). Oleh sebab itu, pengetahuan mereka terhadap ilmu hutan sangat tinggi nilainya. Pemeliharaan pengetahuan tradisional dan pemuliharaan sangat penting dalam memastikan warisan ini tidak lenyap. Pelbagai usaha boleh dilaksanakan, memastikan ilmu hutan ini tidak dilupakan kepada generasi penerus. Usaha boleh dilakukan dengan memperbanyakkan kajian ilmiah sama ada artikel, jurnal, manuskrip mahupun buku. Pengkaji atau penulis perlu mendekati golongan pakar ini kerana kemahiran dan ilmu mereka perlu didokumentasikan. Kebanyakan pakar ini menggunakan tradisi lisan dalam menyampaikan ilmu. Maka, peranan penulis dan pengkaji dapat membantu mereka menyusun ilmu mereka ke medium yang lebih mudah untuk disebarluaskan. Usaha ini perlu berterusan agar ilmu ini dapat diperolehi dengan sabar. Selain usaha dokumentasi dalam bentuk penulisan. Usaha juga perlu dilakukan melalui media sosial mahupun dalam bentuk digital. Media sama ada *Facebook*, *Instagram*, *YouTube*, *Tiktok* dan lain lagi boleh menggalakkan golongan muda mengikuti dan seterusnya memupuk minat agar ilmu hutan ini dapat diteruskan dan diamalkan.

RUMUSAN

Petua dan pantang larang masuk hutan orang asli Semai terutama di Perak merupakan satu pengetahuan yang tidak ternilai. Pengetahuan ini merupakan asas yang sangat penting dalam pembinaan jati diri orang asli Semai. Oleh itu, usaha penyelesaian perlu dilakukan oleh pihak berkaitan agar generasi akan datang dapat mengetahui, memperoleh dan seterusnya mempelajari kepelbagaian sosiobudaya iaitu suatu warisan dan budaya nenek moyang mereka. Sumber semula jadi memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan orang asli, terutamanya dalam hal kelestarian. Sumber semula jadi dikatakan lestari apabila ia mampu dikekalkan atau ditingkatkan dari segi keupayaan dan asetnya. Penerimaan dan penyertaan masyarakat luar mahupun orang asli Semai terhadap ilmu ini akan semakin baik jika penerangan dan hebahan giat dijalankan. Diharapkan perkembangan ilmu ini tidak terhenti dan ada generasi baharu yang dapat menggalas tanggungjawab untuk melestarikan ilmu ini. Sehubungan dengan itu, penyelidikan berterusan perlu dijalankan agar lebih banyak maklumat berkenaan ilmu hutan orang asli Semai dapat didokumentasikan. Pelestarian dan pemuliharaan ilmu hutan orang asli Semai amat diperlukan supaya satu khazanah warisan yang amat bernilai supaya terus berada dalam masyarakat Malaysia.

Orang asli Semai di Perak sangat menghargai alam sekitar dan warisan pusaka mereka melalui penggunaan sumber secara lestari dan penjagaan tanah adat. Keperibadian mereka terbentuk daripada nilai tradisional seperti hormat kepada alam, kerjasama, dan kepentingan keluarga yang diwarisi dari generasi ke generasi. Kaedah pencarian sumber seperti memburu dan bercucuk tanam dijalankan secara mapan untuk memastikan kelangsungan alam semula jadi. Selain itu, faktor keselamatan dalam mempertahankan hak tanah adat dan perlindungan kawasan perkampungan menjadi keutamaan bagi mengelakkan pencerobohan dan kehilangan sumber akibat pembangunan.

RUJUKAN

- Alberto Gomes et.al. (1993). *Masyarakat Semai di Perak : Satu Tinjauan Etnografi*. Bangi : Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizalfarizy. 2012. *Melestarikan dan Menjaga Aset Bangsa*. National University of Malaysia, Bangi.
- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli the Oboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Carey, Iskandar.(1970). *The Orang Asli and Social Change*. JFMSM, Jil. XIII.
- Edo, J. dan Fadzil, K.S. (2004). *Socio-Economic Adjustments of the Aborigines: Malaysia. Building on Our Pasta and Investing in Our Future*. National University of Malaysia, Bangi.
- Gomes, A.G. (2004). *Orang Asli in Malaysia*. International Institute for Asian Studies Newslatter, 35:10.
- Haliza Abdul Rahman. (2010). *Penyertaan Dan Penglibatan Masyarakat Mah Meri Dalam Isu Berkaitan Persekitaran: Satu Tinjauan di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor*. The Asian Journal of Humanities.
- Hassan Mat Nor. (1998). *Warga peribumi menghadapi cabaran pembangunan. Kertas kadangkala Bil. 8*. Jabatan Antropologi, & Sosiologi. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh. (2004). *Dunia Peribumi dan Alam Sekitar: Langkah ke Hadapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo. (1993). *Kepercayaan dan Pantang Larang di kalangan Orang Semai*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Macaulay, V. Hill, C. Achilli, et al.. (2005). *Single Rapidcoastal Settlement of Asia Revealed by Analysis of Complete Mitochondrial Genomes*. Science, 308:1034-1036.

- Maharam Mamat. (2009). *Interaksi Masyarakat Peribumi dan Alam Sekitar: Satu Kajian Etika Dalam Novel Jong Chian Lai*, Universitas Padjajaran, Bandung, Indonesia.
- Marof Redzuan dan Zahid Emby. (2008). *Orang Asli: Pembangunan dan Ekologi Hutan*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Syamsul Aznan Ariffin, Candyrilla Vera Bartholomew dan Mohd Tajuddin Abdullah. (2016). *Keterancaman dan Kelestarian Kehidupan Masyarakat Orang Asli*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Budaya, Pantang Larang Dan Amalan Kesihatan Orang Asli*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramle, A. Asmawi, I. Mohamad Hafis, A. S. Nur Hafizah, R. dan Mohd Sukhairi, M.R. (2014). *Pemuliharaan Hutan dalam Kalangan Semaq Beri di Negeri Terengganu, Malaysia*. Malaysia Journal of Society and Spaces, 10: 113-124.
- Redzuan, M. dan Emby, Z. (2008). *Orang Asli: Pembangunan dan Ekologi Hutan. Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rosley, N. A. (2009). *Kajian Impak Pembangunan Terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes Di Kg. Simpang Arang, Johor Bahru*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seow Ta Wee , Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Bin Jamiran. Zainal Zulhilmi Bin Zainal Abidin dan Siti Aminah Binti Mohd Sam. (2013). *Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Siti Aminah binti Mohd Sam & Seow Ta Wee. (2015). *Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Zainon Abu Samah.(1997). *Kajian Etnobotani ke Atas Enam Suku Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Disertasi Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.

TEMU BUAL

1. Nama: Ramli a/l Bah Chak
Umur: 65 tahun
Pakar hutan dan pesara Polis Pasukan Gerakan Am (PGA).
Tempat Bermastautin: Kampung Orang Asli Sungai Limau Sahom, Kampar, Perak
Tarikh Temu Bual: 9 September dan 10 Disember 2023

2. Nama: Wak Ngah a/p Pandak
Umur: 65 tahun
Pakar rujuk adat Orang Asli Semai.
Tempat Bermastautin: Kampung Orang Asli Sungai Peria, Kampar, Perak
Tarikh Temu Bual: 9 September dan 10 Disember 2023

3. Nama: Ronnie bin Bahari
Umur: 44 Tahun
Pengerusi Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Orang Asal Perak
Tempat Bermastautin: Ipoh, Perak
Tarikh Temu Bual: 9 September dan 10 Disember 2023



**KEBAIKAN
PENGUNAAN
BAHAN-BAHAN
MASAKAN DALAM
MAKANAN TRADISIONAL
LAKSA PENANG UNTUK
KESIHATAN**

KEBAIKAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN MASAKAN DALAM MAKANAN TRADISIONAL LAKSA PENANG UNTUK KESIHATAN

Yusri bin Shamdin

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pulau Pinang

Abstrak

Kajian ini meninjau manfaat, faedah dan khasiat pemakanan yang terkandung dalam bahan-bahan masakan yang digunakan untuk menyediakan makanan tradisional rakyat Malaysia iaitu Laksa Penang. Laksa Penang merupakan salah satu variasi daripada pelbagai jenis laksa yang popular di Malaysia. Penyediaannya dianggap sihat kerana tidak menggunakan minyak masak, sebaliknya mengutamakan kaedah rebusan bagi penyediaan laksa dan kuahnya. Selain itu, laksa ini dimakan bersama dengan hirisan ulam-ulaman dan kuah yang disediakan menggunakan isi ikan segar. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana Laksa Penang menyumbang kepada tahap kesihatan melalui kandungan zat dan vitamin dalam bahan-bahan masaknya. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif termasuk temu bual dan sesi praktikal penyediaan menu Laksa Penang. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang manfaat khusus bahan-bahan masakan melalui zat dan vitamin yang menyumbang kepada fungsi tubuh badan serta berpotensi untuk mencegah atau membantu dalam penyembuhan penyakit tertentu.

Kata kunci: Laksa Penang, Bahan Masakan, Herba, Khasiat Ulam-Ulaman

PENGENALAN

Laksa merupakan salah satu makanan tradisional yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia. Hidangan ini termasuk variasinya seperti laksam iaitu mi berwarna putih yang diperbuat daripada beras atau pulut dan biasanya berbentuk silinder atau leper. Laksa dihasilkan secara komersial di kilang dan dipasarkan dalam dua bentuk utama iaitu laksa kering dan laksa basah. Laksa kering perlu direndam dan direbus terlebih dahulu sebelum boleh digunakan dalam penyediaan makanan manakala laksa basah sedia untuk digunakan dengan hanya pemanasan ringan.

Laksa Penang atau Asam Laksa adalah laksa yang mempunyai kuah yang lebih cair dan rasanya masam manis. Asam Laksa berasal daripada masyarakat Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu. Mereka telah menambah nanas dan otak udang dalam laksa yang menjadikan Asam Laksa mempunyai rasa yang unik dan tersendiri. Namun di Seberang Perai pula terkenal dengan Laksa Campur. Laksa Campur berbeza dengan Asam Laksa kerana ia terdiri daripada telur, cucur udang, dan sambal tumis sotong. Kuah Asam Laksa disediakan menggunakan isi ikan kembung yang direbus dan dimasak bersama bawang, cili kisar, asam keping, bunga kantan serta daun kesum. Menu ini dimakan bersama dengan laksa beras yang ditabur dengan hirisan sayur seperti timun batang, daun salad, hirisan bawang besar, potongan limau, ulam serta ditambah dengan hirisan telur rebus (Siti Nurfadillah Ahmad Shariff, 2022). Kuah Laksa Penang mempunyai gabungan rasa masin, masam dan manis yang seimbang melalui gabungan bahan-bahan tadi. Herba atau ulam yang digunakan adalah dari pelbagai jenis seperti daun selom, daun salad, hirisan cili, bawang besar, nanas dan hirisan daun kesum, bunga kantan dan juga pucuk pokok gajus.

Keseimbangan di dalam menu Laksa Penang ini turut menyumbang kepada perolehan manfaat kesihatan kepada tubuh manusia kerana menu Laksa Penang itu lengkap dengan khasiat pemakanan daripada sumber karbohidrat, protein dan pelbagai jenis vitamin daripada herba dan ulaman. Di samping itu, cara penyediaan menu Laksa Penang ini lebih menyihatkan kerana disediakan tanpa menggunakan minyak masak dan santan serta banyak menggunakan herba sebagai ulam bagi melengkapkan ia sebagai menu makanan seimbang dengan ikan segar dan rendah kolesterol.

Kaedah Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi beberapa kaedah utama iaitu kajian perpustakaan, kajian lapangan, temu bual

dan demonstrasi penyediaan makanan. Kajian perpustakaan dilakukan bagi mendapatkan data sekunder yang relevan berkaitan manfaat herba dan ulam-ulaman dalam pemakanan tradisional serta sokongan daripada jurnal, artikel saintifik dan sumber kesihatan yang diiktiraf.

Bagi memastikan ketepatan maklumat berkaitan nilai nutrisi dan kesan kesihatan bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan Laksa Penang, penulis telah menjalankan sesi temu bual bersama-sama Pakar Pemakanan dan Nutrisi yang juga merupakan ketua jabatan dari Jabatan Dietetik dan Khidmat Pemakanan, Hospital Kuala Lumpur (HKL) iaitu Puan Hajah Basmawati binti Baharom. Beliau telah mengesahkan fakta nutrisi dan memberikan pandangan profesional terhadap manfaat serta risiko kesihatan yang mungkin timbul akibat pengambilan bahan tertentu secara berlebihan.

Selain itu, temu bual turut dijalankan bersama dengan seorang tukang masak berpengalaman iaitu Puan Suraini binti Shamsuddin. Beliau telah berkongsi resipi serta demonstrasi penyediaan Laksa Penang termasuk petua dan teknik masakan tradisional yang dipercayai dapat mengekalkan rasa, tekstur dan khasiat asli hidangan tersebut. Dokumentasi yang diperoleh daripada sesi ini telah dianalisis dan disusun bagi memberikan gambaran yang menyeluruh tentang penyediaan Laksa Penang dari sudut praktikal dan kesihatan.

Gabungan kaedah penyelidikan ini membolehkan kajian dijalankan secara holistik dengan menekankan aspek teori, praktikal dan pengesahan daripada pakar yang berautoriti dalam bidang masing-masing.

Faedah Amalan Makanan Seimbang

Amalan pemakanan sihat merupakan satu aspek penting dalam penjagaan kesihatan yang menuntut disiplin serta kawalan diri individu dalam menikmati makanan secara seimbang dan bersederhana. Pendekatan ini dapat membantu mengekalkan keseimbangan zat pemakanan, sekali gus mengelakkan pengambilan nutrien secara berlebihan yang boleh membawa kepada pelbagai komplikasi kesihatan. Setiap orang harus mempunyai kesedaran dan sentiasa berhati-hati dengan kandungan gula dan garam di dalam pemakanan dan minuman seharian yang diserap ke dalam tubuh badan supaya tidak berlebihan. Contohnya, ada makanan dan minuman tertentu yang perlu dielakkan dalam tempoh tertentu seperti wanita berpantang.

Menurut (Noor Hasimah M. Yacob, 2015) sepanjang tempoh berpantang, ibu yang baru bersalin dilarang memakan makanan berminyak dan menyebabkan

kegatalan seperti udang, sotong, telur, ayam dan lain-lain. Ia boleh menyebabkan luka yang dialami lambat sembuh. Makanan sejuk dan berangin juga adalah dilarang seperti ais, nangka, pulut, petai dan laksa. Sesetengah jenis makanan turut dianggap berbisa seperti ikan tongkol, pisang berangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, makanan tersebut perlu digantikan dengan pilihan lain daripada kumpulan makanan yang sama bagi memastikan keperluan zat pemakanan tetap dapat dipenuhi (MyHealth, n.d.).

Faktor keseimbangan dalam pengambilan makanan adalah sangat penting bagi memastikan tubuh badan kekal sihat. Oleh itu, Laksa Penang adalah salah satu menu makanan yang sangat menyokong faktor ini. Walaupun laksa dikatakan sebagai jenis makanan yang 'sejuk' dan 'berangin' oleh masyarakat Melayu, namun tiada kajian dalam dunia perubatan moden dapat membuktikannya. Pokok pangkalnya adalah keseimbangan, di mana laksa mempunyai khasiat pemakanan yang lengkap dan sihat melalui bahan dan cara penyediaannya.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan faedah cara penyediaan makanan secara sihat dengan penggunaan herba dan yang menggunakan cara rebusan atau kukusan tanpa melibatkan penggunaan minyak melalui cara gorengan. Makanan yang disediakan melalui cara sebegini dapat mengekalkan lebih banyak nutrien dan zat makanan yang berfaedah kepada tubuh badan manusia. Penyediaan menu Laksa Penang ataupun Laksa Utara dengan penggunaan herba sebagai ulaman dan kuah daripada isi ikan segar yang direbus berupaya mengekalkan khasiat berbanding penyediaan makanan bergoreng atau dipanggang yang difahamkan dapat memberikan kesan buruk kepada kesihatan tubuh jika diambil secara berlebihan.

Menurut (Dr. Razinah, 2017), makanan tinggi kanji bergoreng didapati mengandungi bahan yang dikenali sebagai *akrilamida* (acrylamide). *Akrilamida* ini merupakan hasil daripada kaedah masakan dengan cara menggoreng, membakar dan memanggang. Kajian yang sama juga mendapati bahawa *akrilamida* tidak terhasil apabila makanan dimasak dengan cara direbus dan mereka mendapati bahawa kandungan *akrilamida* dalam makanan berkanji (karbohidrat) adalah lebih tinggi berbanding daripada sumber protein.

Akrilamida menjadi kebimbangan kerana ia sering dikaitkan dengan risiko kanser dan juga merupakan salah satu bahan toksik kepada tubuh. Isu kehadiran *akrilamida* dalam makanan mula mendapat perhatian global pada tahun 2002 apabila sekumpulan saintis dari Sweden melaporkan kandungan *akrilamida* yang tinggi dalam makanan berkanji yang dimasak pada suhu melebihi 120 darjah celsius. Makanan yang terlibat termasuk kentang goreng, roti dan beberapa makanan ruji lain yang sering dikonsumsi (Maimunah Sanny, 2019).

Secara amnya, cara pemakanan adalah menjadi tanggungjawab diri sendiri untuk menjaga amalan dan tabiat pemakanan bagi memastikan kesihatan tubuh badan dapat dijaga dan dikekalkan. Pemilihan jenis makanan dan bentuk diet pemakanan harus diberikan perhatian. Sehubungan itu, manfaat pemakanan Laksa Penang adalah bertepatan dengan amalan pemakanan sihat dan mempunyai rasa yang lazat.

Khasiat Ulaman yang Digunakan di dalam Resipi Laksa

Terdapat beberapa jenis ulaman yang sering digunakan sebagai pelengkap kepada resipi Laksa Utara Semenanjung Malaysia ataupun Laksa Penang. Herba atau ulaman tersebut mempunyai khasiat tersendiri kepada kesihatan manusia. Menurut Siti Fauziah dalam Takrifan Ulaman (2012), takrifan bagi ulam ialah sayuran yang terdiri daripada pucuk, daun, batang, umbut, biji, buah, ubi dan bunga yang dimakan mentah, dicelur, distim atau direbus sebelum dimakan. Laksa Penang bukan sahaja dikenali dengan keunikan rasa dan aromanya, malah turut diperkaya dengan pelbagai bahan semula jadi seperti herba dan ulam-ulaman yang memberikan nilai pemakanan yang tinggi. Setiap bahan yang digunakan bukan sekadar sebagai pelengkap rasa, malah mempunyai khasiat tersendiri yang memberi manfaat kesihatan kepada tubuh badan. Berikut adalah antara herba dan ulam yang biasa digunakan dalam Laksa Penang termasuk kandungan zat, manfaat kesihatan dan pandangan pakar nutrisi.

Bunga Kantan – herba ini disediakan sebagai ulaman di dalam resipi laksa secara hirisan untuk ditabur sebagai ulam dan juga direbus bersama dengan kuah laksa. Bunga Kantan atau Kecumbrang atau nama saintifiknya ialah *Etlingera elatior*, digunakan di dalam resipi laksa bagi mendapatkan aroma harumnya. Kandungan khasiat dan vitaminnya dalam setiap 100g mengandungi 89.2g air, 1.6g protein, 1.3g lemak, 5.5g karbohidrat, 1.4g serat, 54mg kalsium, 11mg fosforus, 3.4mg ferum, 11mg natrium, 453mg kalium, vitamin B1, vitamin C dan niasin. Menurut Nur Izzati (2023), penggunaan herba seperti bunga kantan di dalam masakan di Malaysia sangat berfaedah untuk kesihatan. Terdapat kandungan *kaempferol* dan *antosianin* juga bersifat anti radang dan anti toksik. Antara khasiat lain bunga kantan adalah dapat memberikan kesan awet muda dan antioksidan serta sesuai dimakan oleh mereka yang mempunyai masalah angin badan, wanita selepas bersalin dan mereka yang tiada selera makan (Siti Fauziah, Ulaman Di Sekeliling Anda, 2012). Walau bagaimanapun, jika diambil secara berlebihan dan tidak dibersihkan daripada racun perosak, ia boleh menyebabkan cirit-birit.

Daun Kesum – herba ini dicampurkan dalam rebusan kuah isi ikan laksa yang akan memberikan aroma harum kepada kuah laksa. Daun Kesum atau nama saintifiknya

ialah *Polygonum minus*. Daun kesum juga dikenali sebagai Daun Cenohom. Daun ini berwarna hijau muda kemerahan dan bertukar menjadi hijau tua bila matang. Mengandungi karbohidrat, air, serat, kalium, kalsium, fosforus, aliphatic, flavaonoid, vitamin A, vitamin C dan lain-lain yang dapat memberikan manfaat kesihatan seperti merawat kencing tidak lawas, rawatan ibu selepas bersalin, sakit perut dan masalah penghadaman. Selain itu daun ini juga dapat memberikan kesan awet muda, antioksidan dan memberi selera makan. (Siti Fauziah, Ulaman Di Sekeliling Anda, 2012). Namun, seperti herba lain, pengambilan berlebihan berisiko menyebabkan gangguan perut.

Daun Selom — herba ini berbatang lembut dan tumbuh meliar di kawasan lembap air tawar, tepi sungai dan ditanam di kebun dan perkarangan rumah. Tumbuh di kawasan air bertakung dan terdedah kepada cahaya matahari. Daunnya berbentuk bujur dan bergerigi, dihiris dan dimakan sebagai ulam bersama laksa. Selom atau naman saintifiknya ialah *Oenanthe javanica* (Blume) atau nama lain Pangpung atau Piopo dan *Water Celery* mengandungi air, karbohidrat, protein, lemak, serat, kalsium, fosforus, ferum, magnesium, kalium, karotena, vitamin A, vitamin B1, vitamin B2, vitamin C, niasin dan alkaloid. Manfaat kesihatan ialah awet muda, menambah selera makan, mampu membersihkan darah dan toksin dalam badan. Merawat penyakit susah kencing, kencing berdarah, angin dalam perut dan usus, tekanan darah tinggi, kencing manis dan darah tinggi serta kolesterol tinggi dan juga sebagai sumber antioksidan (Siti Fauziah, Ulaman Di Sekeliling Anda, 2012). Pengambilan secara sederhana disarankan kerana sekiranya berlebihan boleh menyebabkan cirit-birit khususnya jika tercemar dengan racun tumbuhan.

Mentimun — tumbuhan ini tumbuh menjalar dan nama saintifiknya *cucumis sativus* linn. Buahnya berbentuk silinder yang memanjang dan dimakan sebagai ulaman dalam pelbagai resipi masakan. Tumbuhan ditanam di halaman rumah dan di kebun-kebun sayur. Hirisan buah timun boleh dimakan begitu sahaja bersama dengan nasi, dicicah sambal, mi goreng dan laksa. Mengandungi air, serat, mineral, vitamin, sedikit protein dalam kadar 0.65%, lemak 0.1% dan karbohidrat 2.2% turut mengandungi kalsium, zat besi, magnesium, fosforus, vitamin A, B1, B2 dan C, niasin, potassium. Zat Cucurbitasin menyebabkan timun berasa pahit. Juga dikenali sebagai agen penyejuk badan dan membantu menyahtoksik tubuh. Sayur ini bagus untuk merawat demam, masalah pencernaan kotor, sakit tekak, panas badan, tekanan darah tinggi, berat badan terlalu gemuk atau terlalu kurus, disenteri, badan bertoksik, gastrik, gout, arthritis, sakit sendi, batu karang dan sembelit ianya bagus untuk kesan awet muda dan tiada selera makan (Siti Fauziah, Ulaman Di Sekeliling Anda, 2012). Namun, seperti bahan mentah lain, pengambilan secara berlebihan boleh mendatangkan ketidakselesaan pada perut.

Bawang Besar – kulitnya dikupas, dihiris nipis dan dimakan bersama dengan ulaman lain di dalam sepinggan laksa atau hidangan lain seperti sate dan nasi himpit dan juga burger. Nama saintifik bagi bawang besar ialah *allium cepa*. Mengandungi air, asid amino, kalsium, mangan, aliin, alisin, alil propil disulfide, flavonoid, asid fenolat, asid fumarate, asid elagat, fosfot, fitosterol, kuersetin, kalsium, pektin, sterol, saponin, sikloanliin, niavin, sulfur, curcumin, kromium, vitamin A, B1, B6, C dan E. Bawang besar bermanfaat untuk merawat lemah tenaga batin, kolesterol tinggi, kencing manis, tekanan darah tinggi, masalah kekurangan sperma, tiada selera makan, cegah darah bergumpal, cegah kanser, cegah diabetes, cegah serangan jantung, cegah serangan strok, menguatkan tulang, antioksidan, kesan awet muda dan menambah tenaga dan kekuatan badan (Siti Fauziah, Ulaman Di Sekeliling Anda, 2012). Namun, ia juga boleh menyebabkan nafas dan badan berbau jika diambil dalam kuantiti berlebihan.

Cili Besar – cili besar hijau atau merah, juga disebut sebagai cabai atau lada dalam masyarakat Melayu, ditanam di kebun-kebun pertanian dan mudah didapati di pasar. Nama saintifiknya ialah *capsicum annuum linn*. Buahnya berbentuk bujur dan panjang serta terdapat biji di dalamnya yang berbentuk bulat pipih. Cili yang kurang pedas menjadi pilihan untuk menambah rasa di dalam resipi masakan. Cili muda berwarna hijau akan bertukar berwarna merah bila sudah masak. Selalunya cili ditumbuk untuk dijadikan sambal belacan dan juga dihiris untuk dimakan sebagai ulaman di dalam laksa dan hidangan lain seperti mi goreng, bihun dan sebagainya. Mengandungi vitamin A, B dan C kompleks, protein, karbohidrat dan karotena. Cili juga mengandungi mineral yang tinggi seperti besi, kalsium, fosforus, sodium dan potassium. Semakin tinggi kandungan capsaicin, semakin pedas rasa cili itu. Ia turut berperanan sebagai agen antikanser dan antiradang. Capsaicin adalah agen pelindung melawan ulser peptic serta agen penghalang kepada zat kimia karsinogen yang menyebabkan penyakit kanser. Manfaatnya untuk kesihatan tubuh manusia adalah mempunyai kesan awet muda, menambah kepada yang tiada selera makan, memulihkan penyakit berkaitan obesiti, melancarkan peredaran darah, mengatasi masalah sakit kerongkong, mencegah penyakit darah beku atau thrombosis. Walau bagaimanapun, ia tidak sesuai untuk individu yang mengalami masalah gastrousus jika diambil secara berlebihan.

Cili Api – cili api atau cili padi adalah sejenis cili kecil yang mempunyai rasa yang lebih pedas berbanding cili besar. Bagi mereka yang menyukai rasa yang lebih pedas dalam masakan cili api digunakan sebagai rencah resipi atau sebagai hirisan ulaman bersama kuah kicap soya. Nama saintifiknya ialah *capsicum frutescens linn*. Di dalam resipi laksa, cili api dimakan sebagai ulam pilihan kepada cili besar untuk mendapatkan rasa yang lebih pedas. Cili api kecil mengandungi Capsaicin, Capsantin, Carotenoids, alkaloid, asiri, resin, minyak menguap, vitamin A dan C.

Capsaicin menyebabkan rasa pedas dan melancarkan aliran air dan merangsang kulit. Bijinya mengandungi solanine, solamidine, solamargine, solasodine, solasomine, steropid saponin (Capsisidin) yang bermanfaat sebagai antibiotik. Manfaat untuk kesihatan tubuh manusia adalah seperti kesan awet muda, sebagai penambah selera makan, mengurangkan penyakit migrain, kencing tidak lawas, sistem saraf bermasalah dan badan masuk angin. Namun, penggunaannya perlu dikawal kerana tahap kepedasan tinggi boleh menyebabkan iritasi kepada sistem penghadaman.

Daun Salad – tumbuhan ini ditanam sebagai sayuran di kebun di tanah tinggi. Daunnya berwarna hijau muda, tersusun berlapis-lapis di perdu batang lembut separa kayu. Daunnya berlapis seperti sejambak bunga. Nama saintifiknya ialah *Lactuca sativa* dan juga dikenali sebagai Lettuce. Daun mentahnya dicuci dan dihiris untuk dinikmati bersama-sama menu seperti laksa, burger dan sebagai ulaman untuk menu lain. Daun ini juga mengandungi air, karbohidrat, serat, kalsium, kalium, zink, zat besi, fosforus, magnesium, sodium, riboflavin, niacin, potassium, lemak, karotena, lactucarium, alkaloid, asid folik (B9), vitamin A, vitamin C. Manfaat bagi kesihatan tubuh adalah sebagai kesan awet muda, antioksidan, merawat sembelit, buasir, kencing manis, gout, kolesterol tinggi, sakit jantung, tekanan darah tinggi, sistem pernafasan pencernaan yang bermasalah. Dapat mengurangkan tekanan dan meningkatkan tahap imunisasi. Seperti bahan lain, penggunaannya mesti dipastikan bersih daripada bahan kimia sebelum dimakan mentah.

Nanas – Buah nanas mempunyai kandungan khasiat Vitamin C yang tinggi yang amat diperlukan untuk kesihatan dalam membantu menyembuhkan luka atau cedera di samping penyerapan zat besi ke dalam saluran darah. Kandungan Vitamin B di dalam buah nanas terutamanya B1 (thiamin) juga berfungsi membantu proses penghadaman dan melicinkan proses pencernaan dalam usus manakala Vitamin B3 (niacin) bersama dengan kandungan karbohidratnya dapat mengawal sistem penghadaman agar sentiasa sihat. Kandungan potassium dan sodium buah nanas dapat mengawal parasimbangan air dalam tubuh manusia. Buah nanas juga mengandungi sejenis enzim yang sangat berguna dalam sektor perubatan iaitu enzim Bromelin, yang digunakan dengan meluas semasa pembedahan dalam mengawal pembengkakan, jangkitan dan menghalang berlakunya kepekatan dan seterusnya pembekuan darah. Ia membantu proses pencernaan, mengurangkan radang, mencegah osteoporosis dan menggalakkan pertumbuhan tisu. Ia juga membantu dalam pengurusan haid wanita dan kehamilan yang sihat. Namun, pengambilan berlebihan boleh menyebabkan kegatalan pada lidah dan peningkatan kadar gula darah.

Daun pucuk Gajus – tumbuhan ini mempunyai buah dan kacang gajus yang tumbuh di luar buahnya. Pucuk muda berwarna keperangan, sering kali dimakan bersama dengan nasi dan laksa sebagai ulaman. Daun pucuk gajus mempunyai khasiat *tannin-galat* dan *flavanol* yang bermanfaat bagi wanita menjaga kesihatan faraj dan bermanfaat untuk semua bagi meningkatkan selera makan, mengurangkan risiko darah bertoksik, cirit-birit, mual dan muntah serta sebagai awet muda dan antioksidan. Ia membantu melambatkan proses penuaan dan menyingkirkan radikal bebas. Walaupun berkhasiat, penggunaannya harus berpeda-pada kerana berlebihan boleh menyebabkan gangguan usus.

Berdasarkan hasil kajian kualitatif yang melibatkan temu bual bersama dengan Pakar Pemakanan dan Nutrisi dari Jabatan Dietetik dan Khidmat Pemakanan, Hospital Kuala Lumpur, serta demonstrasi penyediaan resipi oleh tukang masak berpengalaman, didapati bahawa bahan-bahan utama dalam penyediaan Laksa Penang bukan sahaja penting dari aspek rasa dan tradisi, malah kaya dengan khasiat pemakanan. Setiap bahan seperti ikan segar, herba, ulam-ulaman dan rempah dipilih bukan sekadar untuk memenuhi keperluan rasa, tetapi turut memberi manfaat kepada kesihatan tubuh berdasarkan kandungan zat, vitamin dan mineral yang tersendiri. Jadual di bawah menghuraikan pernyataan terperinci tentang bahan-bahan utama yang digunakan dalam laksa dan kuahnya berserta dengan khasiat, manfaat kesihatan dan ulasan daripada pakar nutrisi.

Bil.	Bahan	Kegunaan	Zat / Vitamin	Kesan / Manfaat	Pengesahan & Komentor Pakar Nutrisi
1.	Tepung beras, pulut	Dijadikan mi laksa	Karbohidrat	Tenaga	Diakui fakta-fakta yang dinyatakan, namun jika berlebihan akan mendatangkan kemudaratkan seperti menukar karbohidrat menjadi gula yang akan meningkatkan berat badan

2.	Ikan Kembung, Sardin, Selayang dsb.	Isi ikan dijadikan kuah rebusan	Protein	Pertumbuhan tisu tubuh	Jika berlebihan, unsur <i>purine</i> akan menyebabkan penyakit gout akibat terjadi banyak asid urik dalam badan serta mengganggu fungsi buah pinggang
3.	Telur ayam rebus	Dihiris sebagai penambah rasa	Protein	Pertumbuhan tisu tubuh	Pesakit jantung tidak digalakkan untuk mengambil terlalu banyak telur
4.	Pes cili dan cili merah serta cili padi	Pes cili direbus bersama isi ikan dan hirisan cili merah sebagai ulam	vitamin A, B dan C kompleks, protein karbohidrat dan karotena	Faedah seperti kebaikan cili	Berlaku cirit-birit jika diambil berlebihan
5.	Asam keping dan asam jawa	Memberikan rasa masam ke dalam kuah laksa	Kandungan vitamin C dan anti oksida flavonoid	Menggalakkan pengeluaran mukus cecair daripada paru-paru.	Jika berlebihan akan menjadikan badan berasid
6.	Garam, serbuk perasa, gula	Memberikan keseimbangan rasa kuah laksa	Manfaat seperti mengambil garam tetapi tidak berlebihan.	Keperluan garam dalam badan tanpa rasa masin	Jika berlebihan akan membawa kepada tekanan darah tinggi.

Jadual 1: Jadual Pernyataan Bahan Masakan Utama Laksa dan Kuah Serta Khasiat

Proses Penyediaan Laksa

Penyediaan Laksa Penang melibatkan beberapa langkah penting yang memerlukan pemilihan bahan-bahan segar serta teknik memasak yang betul untuk menghasilkan hidangan yang kaya dengan rasa dan khasiat. Berikut adalah langkah-langkah dalam penyediaan Laksa Penang:

Mi laksa yang telah direbus hendaklah ditoskan sebelum dihidang bersama dengan kuah dan bahan hiasan dan pastikan ia tidak terlalu lembik agar teksturnya kekal kenyal dan sedap dimakan



Antara daun dan ulam-ulaman yang dihidangkan bersama laksa ialah daun selom, daun salad, bawang besar, mentimun, cili merah, cili hijau serta bahan sampingan seperti limau nipis dan telur ayam rebus yang menambahkan lagi keenakan hidangan.



Kuah laksa diperbuat daripada isi ikan yang telah dikisar dan direneh bersama dengan bahan-bahan lain seperti asam jawa, daun kesum, pes cili serta sedikit garam, gula dan serbuk perasa bagi menghasilkan rasa yang enak dan seimbang	
Laksa Penang sedia dihidang dengan mi laksa, kuah ikan, ulam dan telur rebus	

Jadual 2: Proses penyediaan laksa

Sumber: Koleksi peribadi Puan Suraini binti Shamsuddin

KESIMPULAN

Diharapkan dengan terhasilnya penulisan jurnal ini, dapat dikongsi serba sedikit maklumat berkaitan manfaat dan khasiat pemakanan Laksa Penang. Amalan penyediaan makanan yang sihat perlu diberi penekanan agar kehidupan kita lebih terpelihara daripada pelbagai penyakit yang berkait rapat dengan tabiat pemakanan tidak sihat. Hal ini termasuk penyediaan makanan yang menggunakan bahan-bahan masakan secara berlebihan, khususnya yang tinggi kandungan garam, gula dan kolesterol yang boleh menjejaskan kesihatan tubuh badan.

RUJUKAN

- Asyikin, M. b. (2023, July 12th). *Hello Doktor*. Retrieved from Hello Doktor web site: <https://hellodoktor.com/kesihatan-wanita/wanita-lain/khasiat-nenas-untuk-wanita/>
- Dr. Razinah, S. b. (2017, January 05). *Awasi Makanan Bergoreng Dalam Diet Anda*. Retrieved from Majalah Sains: <https://www.majalahsains.com/awasi-makanan-bergoreng-dalam-diet-anda/>
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodolgi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 17-24.
- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. (2023, Ogos 20). *Khasiat Nanas*. Retrieved from Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia: <https://www.mpib.gov.my/khasiat-nanas>
- Maimunah Sanny (2019). Elakkan Pengambilan Makanan Yang Hangus. https://food.upm.edu.my/artikel/elakkan_pengambilan_makanan_yang_hangus-46385?L=bm
- Ministry of Health Malaysia. (2005). *Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Noor Hasimah M. Yacob, N. H. (2015). Pantang Larang Tradisional Di Kalangan Masyarakat Melayu. *UiTM Journal*, pp. 25-32.
- Nur Izzati, S. (2023). *10 Khasiat Bunga Kantan Yang Anda Perlu Tahu*. Retrieved from Root of Science: <https://rootofscience.com/blog/2021/kesihatan/pemakanan/khasiat-bunga-kantan-yang-anda-perlu-tahun/>
- Siti Fauziah, Y. b. (2012). Takrifan Ulaman. In *Ulaman Di Sekeliling Anda* (pp. 15-16). Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah Sdn Bhd.
- Siti Fauziah, Y. b. (2012). *Ulaman Di Sekeliling Anda*. (D. M. Usop, Ed.) Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah Product Sdn Bhd.
- Siti Nurfadillah Ahmad Shariff, S. N. (2022). Makanan Asli Warisan Negeri Sembilan, Pahang Dan Utara. In P. D. Zahari, *Pelestarian Warisan Makanan Tradisional Melayu* (p. 119). Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara (JWN).

TEMU BUAL

1. Puan Hajah Basmawati binti Baharom
Ketua Jabatan
Jabatan Dietetik dan Sajian, Hospital Kuala Lumpur (HKL)
2. Puan Suraini binti Shamsuddin
Pengusaha
Laksa Penang



**MEK MULUNG:
CABARAN DAN HALA TUJU
JABATAN KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN NEGARA, KEDAH
SEBAGAI PENTADBIR SENI**

MEK MULUNG: CABARAN DAN HALA TUJU JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, KEDAH SEBAGAI PENTADBIR SENI

Zahir bin Ahmad

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pulau Pinang

Abstrak

Mek Mulung merupakan satu bentuk kesenian warisan rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang terkenal di utara Semenanjung Malaysia. Tradisi persembahan Mek Mulung dikategorikan sebagai teater tradisional Melayu yang mempunyai pengaruh budaya dari Thailand. Aspek persembahannya merangkumi elemen penceritaan, lakonan, nyanyian, tarian dan permainan muzik. Warisan kesenian ini biasanya diturunkan secara lisan daripada satu generasi ke generasi berikutnya dalam kalangan ahli keluarga atau komuniti terdekat. Namun, proses pewarisan ini turut mewujudkan situasi yang tidak jelas terhadap beberapa aspek persembahan akibat perubahan yang berlaku. Pada masa kini, hanya satu kumpulan yang masih aktif mempersembahkan Mek Mulung iaitu Kumpulan Mek Mulung Wang Tepus yang bergiat bersama-sama Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Kedah (AKRAB) dan Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kedah. Situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap kelangsungan Mek Mulung sebagai sebahagian daripada warisan budaya Melayu. Oleh itu, JKKN Kedah telah mengambil inisiatif dan langkah proaktif dalam usaha memelihara serta memulihara kesenian ini. Kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan JKKN dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan kelangsungan Mek Mulung, menilai usaha-usaha yang telah dilaksanakan berdasarkan Pelan Strategik JKKN, mencadangkan pelestarian melalui cadangan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang berkesan demi memastikan kesinambungan kesenian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian lapangan yang melibatkan temu bual mendalam bersama-sama informan daripada JKKN dan Kumpulan Mek Mulung Wang Tepus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa JKKN Kedah telah menjalankan pentadbiran yang baik dalam melestarikan kesenian Mek Mulung, namun penekanan terhadap strategi jangka pendek yang lebih efektif amat diperlukan bagi memastikan hasil dan impak jangka panjang yang mampan.

Kata kunci: Mek Mulung, Wang Tepus, teater tradisional Kedah

PENDAHULUAN

Sejarah telah membuktikan bahawa negeri Jelapang Padi iaitu Kedah, mempunyai kebudayaan dan kesenian yang sangat erat kaitannya dengan kehidupan masyarakat setempat. Keadaan ini sejajar dengan kedudukannya sebagai salah satu kerajaan terawal di rantau ini melalui kewujudan Kedah Tua yang menjadi asas kepada perkembangan tamadun awal dalam sejarah negara. Dari sudut kehidupan masyarakat, evolusi budaya dan perlakuan manusia dapat dilihat melalui pelbagai aspek seperti amalan, warisan, peradaban dan sejarah yang saling berkait rapat. Dalam ranah kesenian pula, wujud sebuah bentuk seni tradisional yang masih bertahan hingga kini iaitu Mek Mulung yang menjadi simbol kesinambungan warisan budaya negeri Kedah.

Liku perjalanan pengiktirafan Mek Mulung mencerminkan usaha berterusan pelbagai pihak dalam memastikan pemeliharaan, pemuliharaan, penyemarakan dan kelestarian seni persembahan tradisional ini. Bermula dengan pengiktirafan sebagai Seni Warisan Negeri Kedah pada 24 Oktober 2014, Mek Mulung kemudiannya telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan pada 11 Ogos 2015 di bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Sumbangan tokoh-tokoh penting dalam memartabatkan kesenian ini turut mendapat pengiktirafan apabila Ketua Kumpulan Mek Mulung Wang Tepus, Allahyarham Saad bin Taib dinobatkan sebagai Tokoh Warisan Orang Hidup (WAKOH) pada tahun 2018. Lebih membanggakan, pada tahun 2023, Mek Mulung telah menerima pengiktirafan pada peringkat antarabangsa apabila disenaraikan dalam *List of Intangible Cultural Heritage in Need of Urgent Safeguarding UNESCO*, semasa Sesi Ke-18 Jawatankuasa Antara Kerajaan untuk Pemeliharaan Warisan Budaya Tidak Ketara yang berlangsung di Afrika. Pengiktirafan ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan Mek Mulung sebagai seni warisan negara, malah membuktikan betapa pentingnya usaha bersepadu dalam memastikan kesinambungan kesenian tradisional yang semakin terancam oleh arus modenisasi dan kepupusan pewarisan.

Dalam usaha untuk memelihara, memulihara serta memartabatkan kesenian Mek Mulung ini, gabungan yang mantap dan usaha yang jitu antara kerajaan, swasta dan awam amat penting. Hal ini turut melibatkan perubahan atau anjakan paradigma dalam kalangan para penggiat sendiri agar memberikan impak yang dinamik terhadap kelangsungan warisan kesenian Mek Mulung ini.

LATAR BELAKANG

Mek Mulung merupakan teater tradisional masyarakat Melayu di Kedah yang popular sejak dahulu lagi. Ia merupakan hiburan masyarakat dahulu yang masih terpelihara dan aktif dimainkan sebagai acara rakyat melalui pelbagai aktiviti atau program seni warisan. Teater Mek Mulung mempunyai nilai keunikan yang tersendiri. Persembahan ini menggabungkan elemen muzik, nyanyian, tarian dan lakonan. Mohd Taib (1982), menggolongkan teater Mek Mulung sebagai sebuah persembahan dalam bentuk tradisi lisan, manakala Mohamad Ghouse Nasuruddin (2000) menyatakan bahawa Mek Mulung merupakan sebuah warisan penting di utara Semenanjung dalam kelompok ‘teater tradisional Melayu’.

Memandangkan pewarisan Mek Mulung dilakukan secara lisan, tidak menghairankan sekiranya terdapat unsur tokok tambah dalam naratif sejarah serta kandungan cerita yang dipersembahkan. Perbezaan latar generasi dan individu yang terlibat memungkinkan berlakunya perubahan atau pengolahan dalam aspek cerita dan persembahan. Dalam konteks seni persembahan teater tradisional, Mek Mulung bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, tetapi turut mencerminkan sejarah, adat dan budaya masyarakat Melayu setempat, khususnya masyarakat Melayu Kedah. Selain menjadi hiburan, Mek Mulung juga berperanan dalam konteks perubatan tradisional dan terapi pemulihan yang melibatkan unsur-unsur ritual dalam persembahannya. Menurut Rahmah Bujang (2007: 135–136), persembahan ini mengandungi elemen upacara yang bertujuan untuk penyembuhan dan keseimbangan rohani, menjadikan Mek Mulung sebagai satu bentuk seni yang sarat dengan nilai *spiritual* dan sosial dalam masyarakat.

Bersesuaian dengan pandangan para pengkaji teater tradisional, Alan Dundes (1996:83), yang mengakui bahawa tidak ada ‘*forklore*’ yang tidak membawa sebarang ‘*worldview*’ masyarakat dalam sesuatu persembahan atau cerita, manakala Simon J.Bronner (2008:53), menyatakan bahawa ‘*forklore*’ juga sebagai cerminan budaya. Oleh itu, Mek Mulung juga berpotensi besar sebagai sumber sejarah bagi memahami ‘*worldview*’ dan estetika yang memaparkan tahap kebijaksanaan akal budi masyarakat Melayu khususnya di Kedah. Atas dasar ini JKKN Kedah selaku pentadbir seni budaya negeri bersama-sama Badan Bukan Kerajaan dan penjaga Mek Mulung merancang untuk terus menerapkan seni warisan Mek Mulung secara berkesan. Kepakaran, kebolehan dan keupayaan melestarikan Mek Mulung yang ada akan membantu program atau aktiviti yang dilakukan dapat berkembang baik dan mencapai matlamat yang diinginkan bagi memelihara dan memulihara seni warisan ini hingga peringkat yang lebih tinggi.

Permasalahan Dalam Mek Mulung

Hasil penelitian, semakan dan tinjauan yang dilakukan oleh JKKN Kedah terhadap Kumpulan Mek Mulung Wang Tepus ini mendapati ia berada dalam situasi semakin terancam dan berkemungkinan hilang keasliannya. Hal ini wujud terutamanya dari sudut pengamal kesenian itu sendiri melibatkan aspek perwarisan, perbezaan fahaman dan amalan serta perantisan. Masalah ini menjadi tunjang utama kepada pelbagai masalah yang lain yang berkaitan.

Teater Mek Mulung merupakan antara bentuk seni persembahan tradisional yang mempunyai ciri unik dari segi bahasa, naratif dan elemen persembahan. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran menghambat usaha pemeliharaan dan pewarisan seni ini, baik dari aspek sumber manusia, infrastruktur, mahupun penerimaan masyarakat. Antara isu-isu utama yang dikenal pasti seperti berikut:

i) Kekurangan Pelapis

Isu paling mendesak dalam kelangsungan Mek Mulung adalah kekurangan pelapis yang berkemampuan meneruskan tradisi ini. Majoriti golongan muda dilihat tidak mempunyai minat yang mendalam terhadap seni tradisional, lebih-lebih lagi Mek Mulung yang menuntut kemahiran dalam tiga aspek serentak iaitu nyanyian, lakonan dan tarian. Tambahan pula, hanya empat tokoh utama yang masih aktif dalam bidang ini, namun mereka turut berhadapan dengan masalah kesihatan. Ketiadaan generasi pelapis yang berkemahiran menyulitkan usaha pewarisan seni ini secara organik dan lestari.

ii) Isu Bangsal Latihan

Bangsal merupakan elemen penting dalam latihan dan pementasan Mek Mulung. Namun, bangsal asal di Wang Tepus dibina di atas tanah TOL (Lesen Pendudukan Sementara), bukan milik kekal keluarga penggiat. Status tanah ini menyulitkan proses pembinaan kekal atau penambahbaikan infrastruktur. Walaupun Jabatan Warisan Negara bersedia memberikan peruntukan, hal ini tetap menjadi penghalang kepada kelangsungan latihan berkala. Hanya pada tahun 2023, usaha penambahbaikan oleh JKKN Kedah telah dilakukan untuk membaik pulih bangsal sedia ada.

iii) Kesukaran Penguasaan Loghat dan Bahasa Kedah Tua

Bahasa yang digunakan dalam persembahan Mek Mulung menggunakan loghat Kedah Tua serta lenggok bahasa yang unik dan halus. Aspek ini menjadi

cabaran utama kepada pelapis baharu kerana kesukaran untuk memahami dan menguasainya. Lenggok nyanyian yang sukar dikuasai turut menuntut masa dan latihan intensif menjadikan proses pembelajaran lebih mencabar berbanding bentuk seni moden lain.

iv) Kekangan Peruntukan Kewangan

Kekurangan sumber kewangan membataskan aktiviti penggiat dan pewaris seni ini. Tanpa peruntukan yang mencukupi, sukar untuk menganjurkan latihan, pementasan, mahupun aktiviti promosi seni Mek Mulung. Selain itu, ganjaran atau insentif kepada pewaris juga terhad, menjadikan aktiviti ini kurang menarik bagi generasi muda yang memerlukan jaminan ekonomi.

v) Pertikaian Hak Sepunya dan Ketidaksefahaman Versi Persembahan

Dalam kalangan penggiat dan pewaris seni, wujud pelbagai versi dan interpretasi terhadap bentuk persembahan Mek Mulung. Ketidaksefahaman ini sering mencetuskan pertikaian dari segi hak persembahan dan keseragaman kandungan. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk menyeragamkan elemen persembahan melalui pelaksanaan paten atau hak cipta bersama yang melibatkan JKKN, pewaris dan penggiat seni.

vi) Tanggapan Negatif daripada Masyarakat Sekitar

Unsur *ritual* dalam persembahan Mek Mulung, terutamanya upacara Buka dan Tutup Panggung telah mencetuskan pelbagai tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat. Ada pihak yang menganggap unsur ini sebagai bertentangan dengan nilai agama sekali gus mengurangkan sokongan masyarakat terhadap pementasan. Persepsi ini mengurangkan keterlibatan masyarakat dalam memelihara dan menyokong seni budaya warisan.

vii) Kurangnya Pengiktirafan kepada Pewaris Asal

Pewaris dan penggiat asal Mek Mulung masih belum mendapat pengiktirafan sewajarnya daripada pihak berwajib. Kurangnya anugerah atau penghormatan rasmi menjadikan usaha mereka memelihara seni ini kurang diberi perhatian. Hal ini turut menjejaskan semangat dan motivasi pewaris untuk terus aktif dalam memperjuangkan seni ini pada peringkat nasional.

viii) Cabaran dalam Pendokumentasian

Aspek dokumentasi juga menjadi kekangan serius. Tiada modul khusus, skrip rasmi atau arkib rakaman video yang sistematik untuk dijadikan rujukan akademik atau latihan. Walaupun satu bengkel telah dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 1–3 November 2021 di bawah program Insentif Seni, hasil dokumentasi masih belum dibukukan secara menyeluruh dan disebarkan kepada khalayak umum atau institusi berkaitan. Namun begitu, pada 2024, JKKN mengambil inisiatif mewujudkan modul dan silibus bagi tujuan pembelajaran khususnya dalam Program Bimbingan Seni Budaya.

ix) Perselisihan dalam Kalangan Pewaris

Perselisihan pandangan dalam kalangan pewaris sering mengakibatkan perbezaan ketara dari segi gaya, susunan naratif atau bentuk pementasan. Fenomena ini bukan sahaja mewujudkan tidak seiring dalam penyampaian seni tetapi juga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penonton dan penyelidik yang berusaha memahami bentuk asli Mek Mulung. Tambahan pula, konflik dalaman ini boleh menggugat kerjasama di antara pewaris dan institusi budaya, sekali gus menyukarkan pelaksanaan program latihan dan pemindahan ilmu kepada generasi baharu. Dalam konteks pemeliharaan warisan, perpaduan dan kesepakatan dalam kalangan pewaris adalah aspek yang kritikal. Tanpa usaha untuk menyelaraskan persefahaman dan membina konsensus tentang elemen asas persembahan, Mek Mulung berisiko untuk terus terpecah kepada pelbagai versi yang tidak seragam, seterusnya menghakis nilai autentiknyanya sebagai warisan budaya tak ketara.

Cadangan Pelestarian dan Pemerkasaan Berdasarkan Pelan Strategik Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Berdasarkan Pelan Strategik JKKN dalam usaha melestarikan kesenian persembahan Mek Mulung, terdapat lima teras dengan matlamat yang menumpukan kepada usaha mendidik kesedaran dan kefahaman terhadap generasi muda bagi menangani permasalahan perantisan dan warisan dalam kesenian Mek Mulung. Acara persembahan merupakan usaha memelihara dan memulihara bagi menyemarakkan kewujudannya dalam pelbagai peringkat dan komuniti.

Selain itu, usaha memperkukuhkan tadbir urus dalam memastikan Mek Mulung kekal dalam industri seni dilakukan melalui hebahan, penerbitan dan pemetaan


budaya pada pelbagai peringkat. Usaha memperkukuh jaringan kerjasama kebudayaan dapat dilaksanakan melalui pengedaran penerbitan berkaitan Mek Mulung pada pelbagai peringkat, kerjasama antara jabatan dan kementerian serta pelaksanaan dan penglibatan promosi pada di pelbagai program setempat, negeri, antara negara dan antarabangsa.

PELAN STRATEGIK	MATLAMAT	PERKARA/ HURAIAN
TERAS 1	Memperluaskan Asuhan dan Kemahiran Seni Budaya Untuk Pembangunan Modal Insan	▪ Pelaksanaan Modul Mek Mulung dalam kalangan pelajar sekolah melalui program Bimbingan Seni Budaya (BSB) ▪ Program anak angkat Mek Mulung di Sekolah/Institut Pengajian Tinggi ▪ Program Hujung Minggu di Kompleks JKKN Kedah (Terbuka)
TERAS 2	Ringkasan Usaha-Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan Seni dan Budaya	▪ Pemerkasaan Kumpulan Perantisan ‘Mek Mulung’ bagi tempoh 2023-2025 (Kumpulan Mek Mulung Sri Mahawangsa): ○ Kumpulan Kesenian JKKN ○ Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya (AKRAB) ○ Mek Mulung Kampung Wang Tepus ○ Pengambilan terbuka melalui ujibakat ▪ Inisiatif untuk membangunkan modul identiti negeri selaras dengan pengiktirafan teater tradisi Mek Mulung oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Inisiatif ini sedang dilaksanakan mulai tahun 2024.

TERAS 3	Meningkatkan Kebolehcapaian Perkhidmatan Seni dan Budaya Kepada Komuniti Bagi Kesejahteraan Rakyat	Penyemarakan dan pelestarian Mek Mulung melalui persembahan <table border="1" data-bbox="642 336 1177 1136"> <thead> <tr> <th>TAHUN</th><th>CADANGAN</th><th>PELAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2023</td><td> - Persembahan Mek Mulung sempena <i>Living Arts Culture Festival 2023</i> - Panggung Seni Tradisional </td><td> Pelan Jangka Pendek Pelan Jangka Pendek </td></tr> <tr> <td>2024-2025</td><td> - Simposium Mek Mulung 2024 - Jerayawara Pementasan Mek Mulung </td><td> Pelan Jangka Pendek Pelan Jangka Pendek </td></tr> <tr> <td>2026</td><td> - Penerbitan Modul Pembelajaran Mek Mulung. </td><td>Pelan Jangka Pendek</td></tr> <tr> <td>2027</td><td> - Kecemerlangan Seni: Persembahan Mek Mulung di luar negara </td><td>Pelan Jangka Panjang</td></tr> </tbody> </table> Penyemarakan dan pelestarian Mek Mulung melalui medium digital/lain-lain: - Animasi Mek Mulung - Komik	TAHUN	CADANGAN	PELAN	2023	- Persembahan Mek Mulung sempena <i>Living Arts Culture Festival 2023</i> - Panggung Seni Tradisional	Pelan Jangka Pendek Pelan Jangka Pendek	2024-2025	- Simposium Mek Mulung 2024 - Jerayawara Pementasan Mek Mulung	Pelan Jangka Pendek Pelan Jangka Pendek	2026	Penerbitan Modul Pembelajaran Mek Mulung.	Pelan Jangka Pendek	2027	Kecemerlangan Seni: Persembahan Mek Mulung di luar negara	Pelan Jangka Panjang
TAHUN	CADANGAN	PELAN															
2023	- Persembahan Mek Mulung sempena <i>Living Arts Culture Festival 2023</i> - Panggung Seni Tradisional	Pelan Jangka Pendek Pelan Jangka Pendek															
2024-2025	- Simposium Mek Mulung 2024 - Jerayawara Pementasan Mek Mulung	Pelan Jangka Pendek Pelan Jangka Pendek															
2026	Penerbitan Modul Pembelajaran Mek Mulung.	Pelan Jangka Pendek															
2027	Kecemerlangan Seni: Persembahan Mek Mulung di luar negara	Pelan Jangka Panjang															
TERAS 4	Memperkukuhkan Tadbir Urus Seni Budaya Untuk Penyemarakkan Industri	Hebahan mengenai penerbitan Mek Mulung: Bangkitnya Warisan Turun-temurun A <i>Heritage Rediscovered</i> dilakukan dalam pelbagai format — buku fizikal, <i>e-book</i>, audio, AR dan CD lagu. Buku ini telah disenaraikan dalam “50 Best Malaysian Titles for International Right”. Sesi bedah buku dan pengenalan melalui platform seperti Pemetaan Budaya dan <i>ichLinks</i> membantu memperluaskan akses dan pemahaman terhadap seni ini pada peringkat global.															

TERAS 5	Memperkukuhkan Jaringan Kerjasama Kebudayaan bagi Kecemerlangan Seni Budaya	▪ Edaran buku Mek Mulung ‘Bangkitnya Warisan Turun-Temurun’/’<i>A Heritage Rediscovered</i>’ kepada perpustakaan institut pengajian tinggi dalam dan luar negara yang bersesuaian ▪ Kerjasama serampang dua mata antara Kementerian Pelajaran Malaysia: a. Program Bimbingan Seni Budaya b. Cetakan AR Mek Mulung berkaitan karakter Mek Mulung dalam teks pelajar ▪ Bengkel Khas Mek Mulung bersama dengan sekolah terpilih ▪ Kerjasama dengan entiti dalam bidang seni budaya seperti ASWARA, Istana Budaya, Jabatan Warisan Negara, Balai Seni Negara, Yayasan Hasanah, ASK Dance dan sebagainya.
---------	---	---

Jadual 1: Cadangan Pelestarian dan Pemerkasaan Mek Mulung berdasarkan Pelan Strategik JKKN



Gambar 1: Penerbitan buku ‘Bangkitnya Warisan Turun-Temurun’/’*A Heritage Rediscovered*’ telah disenaraikan dalam “50 Best Malaysian Titles for International Right 2022/2023”

Selain itu, bagi memelihara dan mewujudkan keseragaman dalam corak persembahan Mek Mulung di samping meneruskan kelangsungan tradisi kesenian ini, sebuah kumpulan Mek Mulung telah ditubuhkan di bawah pengurusan JKKN Kedah. Penubuhan kumpulan ini melibatkan kerjasama antara para pengamal Mek Mulung Wang Tepus, aktivis budaya tempatan iaitu Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB) dan Artis Budaya JKKN Kedah. Kumpulan tersebut dikenali sebagai Kumpulan Mek Mulung Seri Mahawangsa yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2012 menerusi Program Perantisan Seni. Penubuhan ini bukan sahaja bertujuan untuk melatih generasi baharu, tetapi sebagai usaha strategik untuk memastikan kesenian Mek Mulung kekal lestari dan relevan dalam konteks budaya semasa. Berdasarkan rekod, program Perantisan Seni tersebut telah berjaya melahirkan seramai 36 perintis dan sebahagian daripada mereka masih aktif serta terlibat dalam pelaksanaan Program Perantisan Mek Mulung 2.0 yang bermula pada tahun 2023 dan diteruskan hingga kini. Pendekatan ini turut menekankan kepentingan mengekalkan nilai eksklusif dalam komuniti asal seni persembahan sebagai satu strategi dalam mewujudkan *Subject Matter Expert* (SME) dalam kalangan generasi muda. Usaha ini juga selaras dengan kehendak UNESCO yang menekankan bahawa pemeliharaan warisan tidak ketara seharusnya dipacu dan diperjuangkan oleh komuniti asal yang memiliki kesenian tersebut.

Kumpulan ini mendapat didikan dan tunjuk ajar secara langsung daripada tokoh dan pewaris Mek Mulung iaitu Salleh Embut (Pak Leh) yang lebih menumpukan kepada tari dan nyanyian, Saad Taib (Pak Ad) bidang muzik dan Ahmad Shahadan (Abang Mat-Putera) dalam bidang lakon dari Kampung Wang Tepus, Kedah. Turut membantu ialah Razali Ismail, tokoh seni tari negeri Kedah dan Saipol Bahari Mohamad Iman, pengarah teater tersohor negeri Kedah yang juga merupakan pengerusi bagi Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB) hingga tahun 2023. Kini kumpulan ini digerakkan oleh legasi baharu Mek Mulung antaranya Othman bin Ariff, Mohamad Yusuf bin Azizan, Ali Ariff, Shamsun Nadia Zulkifli, Abdul Halim Saad iaitu waris Mek Mulung Wang Tepus generasi ke-13, Kamaruddin Debak, Ishak Man dan ramai lagi.



Gambar 2: Persembahan Teater Tradisional Mek Mulung sempena Festival Merakytakan Seni Budaya - Mek Mulung @ Wang Tepus 2024 oleh Kumpulan Perantisan Mek Mulung

Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah



Gambar 3: Persembahan Perantisan Mek Mulung sempena Festival Tari Malaysia Zon Utara Kedah 2024

Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah



Gambar 4: Sesi pembelajaran program Perantisan Mek Mulung yang dilaksanakan 2023 - 2025

Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah

KESIMPULAN

Pelbagai usaha pelestarian dan pemerkasaan giat dilakukan oleh JKKN Kedah bersama-sama Kumpulan Mek Mulung Wang Tepus serta AKRAB sejak tahun 2014. Hal ini dibuktikan melalui pencapaian dan pengiktirafan terhadap Mek Mulung pada peringkat antarabangsa melalui UNESCO. Pengiktirafan ini merupakan pemangkin kepada usaha jangka panjang dalam memastikan Mek Mulung berupaya menghadapi pelbagai cabaran sepanjang zaman. Ternyata kredibiliti JKKN Kedah telah terbukti selaku pentadbir kepada kelestarian seni Mek Mulung di Kedah.

Oleh itu, berdasarkan cadangan yang telah dikenal pasti bagi mengatasi masalah utama melibatkan kelangsungan Mek Mulung melalui Perantisan Seni, usaha memupuk minat dan mendidik pada pelbagai peringkat adalah satu cadangan langkah jangka panjang yang perlu dijadikan misi utama dalam pelaksanaan jangka pendek. Dalam mengatasi masalah dalaman melibatkan perbezaan fahaman dan amalan aspek persembahan Mek Mulung, JKKN perlu menguatkuasakan paten yang sah untuk persembahan Mek Mulung. Paten dan manual ini berupaya menjamin keaslian dan keseragaman warisan kesenian ini. Hal ini akan memudahkan proses langkah perantisan apabila satu pendidikan yang seragam dan jelas dalam aspek persembahan dapat dilaksanakan.

Seiring dengan dua cadangan tersebut, pelbagai usaha promosi, penerbitan dan persembahan akan berjaya mencapai hasil yang sewajarnya dalam jangka panjang. Langkah-langkah ini juga berupaya menangani semua permasalahan apabila dana atau tajaan dapat diperolehi daripada pelbagai pihak serta sokongan bagi

melaksanakan segala usaha kelestarian dalam pendidikan, jelajah persembahan, promosi, program atau penerbitan.

Penafian:

Allahyarham Zahir Ahmad telah meninggal dunia pada 17 Oktober 2023. Penulisan ini diselesaikan oleh Dr. Azrul Azizi Amirrul dan Siti Fatimah Abdul Manaf berdasarkan hasil penulisan dan kajian Allahyarham Zahir Ahmad. Segala idea, pandangan dan hasil kajian yang terdapat dalam artikel ini adalah sepenuhnya daripada usaha dan dedikasi Allahyarham Zahir Ahmad.

RUJUKAN

- Bronner, S. J. (2008). *Folklore: The basics*. Routledge.
- Dundes, A. (1996). *Folklore matters*. University of Tennessee Press.
- Mohamed Ghouse Nasruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib. (1982). *Mek Mulung: Tradisi dan persembahan*. Universiti Malaya Press.
- Rahmah Bujang. (2007). *Sejarah kesenian Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta Warisan Kebangsaan 2005 [National Heritage Act 2005] (Act 645). (2005). The Commissioner of Law Revision, Malaysia.



KEUNIKAN SENI PERSEMBAHAN WAYANG KULIT KELANTAN

KEUNIKAN SENI PERSEMBAHAN WAYANG KULIT KELANTAN

Mohd Zanidizam bin Mohd Dila

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan

Abstrak

Penulisan ini mengkhususkan kepada keunikan Wayang Kulit Kelantan, sebuah seni persembahan tradisional yang memainkan peranan penting dalam mencerminkan dan menyampaikan nilai-nilai budaya masyarakat Melayu. Wayang Kulit Kelantan, yang berakar umbi daripada pengaruh Hindu-Buddha dan kemudiannya disesuaikan dengan nilai-nilai Islam, berfungsi bukan sahaja sebagai medium hiburan, tetapi juga sebagai alat pendidikan, pengubatan, dan ritual keagamaan yang mendalam. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen-elemen unik dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan, mengkaji peranannya dalam struktur sosial masyarakat, serta mengkaji cabaran yang dihadapi dalam usaha pemeliharaannya di era moden. Kekurangan dan dokumentasi kajian yang menumpukan kepada keunikan Wayang Kulit Kelantan menjadi permasalahan dalam penulisan ini, walaupun seni ini memiliki ciri-ciri yang membezakannya daripada variasi Wayang Kulit lain di Nusantara. Kajian ini, diharapkan dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam usaha mendokumentasikan serta memahami kepentingan Wayang Kulit Kelantan sebagai warisan budaya yang perlu dipelihara dan dihargai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Wayang Kulit Kelantan memiliki ciri-ciri unik dari segi teknik persembahan, struktur naratif, dan peranan dalang yang menjadikan seni ini tetap relevan dan berpengaruh dalam konteks budaya tempatan. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk perubahan sosial dan teknologi, usaha pemeliharaan seni tradisional ini adalah penting untuk memastikan ia terus hidup dan dihargai oleh generasi masa depan.

Kata kunci: Wayang Kulit Kelantan, seni persembahan tradisional, peranan dalang, warisan budaya

PENGENALAN

Wayang Kulit Kelantan merupakan salah satu bentuk seni persembahan yang penting dan unik dalam warisan budaya Malaysia. Warisan tidak ketara yang berakar umbi dalam tradisi purba ini telah berkembang selama berabad menggabungkan elemen-elemen keagamaan, sosial dan budaya yang membentuk identitinya dalam dunia Melayu. Diperkenalkan di Kelantan sekitar abad ke-13 hingga ke-14, wayang kulit mempunyai sejarah yang panjang dan kaya. Perkembangannya bermula daripada pengaruh Hindu-Buddha yang kemudiannya diadaptasi agar selari dengan nilai-nilai Islam yang menjadi teras kepada identiti masyarakat Melayu (Kim, 1982; Othman, 2011). Meskipun pada asalnya wayang kulit berkait rapat dengan kisah-kisah epik Hindu seperti *Ramayana* dan *Mahabharata*, versi Kelantan telah mengalami penyesuaian yang signifikan untuk mencerminkan norma-norma Islam. Dalang sebagai pengendali utama dalam persembahan ini, memainkan peranan penting dalam mengubah elemen cerita agar lebih relevan dengan masyarakat Melayu Islam.

Persembahan Wayang Kulit Kelantan merupakan satu bentuk seni bayang yang unik, di mana patung-patung yang diperbuat daripada kulit lembu atau kerbau digunakan untuk menggambarkan pelbagai watak dalam cerita. Patung-patung ini diukir dengan motif yang halus serta sarat dengan simbolisme budaya. Dalang akan menggerakkan patung-patung tersebut di hadapan sebuah layar putih yang diterangi oleh lampu minyak atau cahaya elektrik, menghasilkan bayang-bayang yang bergerak di atas layar. Selain menggerakkan patung, dalang turut melakonkan semua watak dalam cerita dengan menggunakan pelbagai intonasi dan gaya suara bagi mencerminkan keperibadian setiap watak, sekali gus menjadikan persembahan lebih hidup dan mengesankan.

Wayang Kulit Kelantan biasanya mengisahkan cerita-cerita epik seperti *Hikayat Seri Rama* dalam versi Melayu dari epik *Ramayana*. Naratif ini dipenuhi dengan elemen-elemen keagamaan, moral dan mitos yang berfungsi untuk menyampaikan pengajaran kepada penonton. Selain cerita-cerita epik, Wayang Kulit Kelantan juga sering mengadaptasi cerita rakyat tempatan yang lebih dekat dengan kehidupan harian masyarakat Kelantan. Dalang akan memasukkan elemen-elemen kontemporari atau humor untuk menarik minat penonton, menjadikan persembahan bukan sahaja sebagai medium hiburan tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan kritikan sosial atau pandangan politik secara tersirat.

Selain berfungsi sebagai hiburan, Wayang Kulit Kelantan mempunyai peranan yang mendalam dalam kehidupan masyarakat. Secara tradisional, ia digunakan sebagai alat pendidikan, di mana cerita-cerita yang disampaikan melalui persembahan ini

berfungsi untuk memberikan nilai-nilai moral, ajaran agama dan nasihat sosial kepada penonton. Wayang kulit juga dipersembahkan dalam upacara keagamaan dan ritual pengobatan. Persembahan wayang kulit turut diadakan sebagai sebahagian daripada upacara penyembuhan atau sebagai usaha memohon perlindungan daripada roh-roh jahat, sekali gus menambahkan dimensi rohaniah kepada seni ini. Dalam konteks sosial pula, wayang kulit menjadi medium utama hiburan sebelum munculnya media moden seperti televisyen dan filem. Persembahan wayang kulit biasanya diadakan semasa majlis-majlis keramaian, perkahwinan atau perayaan dan turut berperanan sebagai medium untuk menyatukan masyarakat serta mengukuhkan ikatan sosial dalam komuniti.

Wayang Kulit Kelantan merupakan satu bentuk seni persembahan yang kaya dengan sejarah, budaya dan nilai sosial. Ia bukan sahaja mencerminkan warisan budaya yang mendalam, tetapi juga berperanan untuk menyampaikan nilai-nilai penting dalam masyarakat Melayu-Islam. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam era moden, usaha pemeliharaan dan pengadaptasian Wayang Kulit Kelantan adalah amat penting untuk memastikan seni tradisional ini terus relevan dan dihargai oleh generasi muda (Zain et al., 2019).

Walaupun keunikan dan nilai budaya Wayang Kulit Kelantan diiktiraf, kekurangan sokongan dan perhatian daripada masyarakat serta kerajaan terhadap usaha pemeliharaan seni ini telah menimbulkan kebimbangan mengenai kelestarian Wayang Kulit Kelantan dalam menghadapi arus pemodenan (Azrul Azizi Amirrul, 2022). Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk mendokumentasikan dan menganalisis keunikan Wayang Kulit Kelantan serta mengenal pasti usaha pemeliharaan yang berkesan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tiga objektif utama:

1. Mengetahui dan menganalisis elemen-elemen unik dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan dari segi struktur, naratif dan teknik penceritaan.
2. Mengetahui peranan dan kepentingan Wayang Kulit Kelantan dalam masyarakat tempatan, khususnya dalam konteks pendidikan, hiburan dan ritual tradisional.
3. Mengetahui pasti cabaran yang dihadapi dalam usaha pemeliharaan Wayang Kulit Kelantan serta mencadangkan strategi-strategi pemeliharaan yang berkesan untuk kelangsungan seni ini.

SOROTAN KAJIAN

Kajian mengenai wayang kulit telah lama menarik minat para penyelidik, terutamanya dalam aspek sejarah, struktur persembahan dan peranan sosialnya dalam budaya Melayu. Wayang kulit sebagai satu bentuk teater bayangan memainkan peranan penting dalam budaya Melayu, khususnya dalam konteks penyampaian naratif-naratif epik seperti “Hikayat Seri Rama” yang berakar daripada tradisi Hindu-Buddha tetapi diadaptasi dengan unsur-unsur Islam (Matusky & Tan, 2017). Wayang kulit juga digunakan dalam upacara keagamaan dan sebagai medium pendidikan, menjadikannya alat yang penting dalam penyebaran nilai-nilai budaya dan agama. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu kebanyakannya menumpukan perhatian kepada wayang kulit secara umum tanpa memberikan fokus khusus kepada variasi dan elemen-elemen unik yang terdapat dalam Wayang Kulit Kelantan.

Kajian oleh Sweeney (1972) misalnya, memberikan gambaran yang luas tentang fungsi sosial wayang kulit dalam masyarakat Melayu, tetapi kurang menekankan perbezaan unik antara variasi-variasi seperti Wayang Kulit Kelantan dan Wayang Kulit Jawa. Sheppard (1965) dalam kajiannya mengenai teater tradisional Melayu hanya menyentuh secara umum tentang wayang kulit tanpa mendalami perbezaan-perbezaan khusus antara pelbagai jenis wayang kulit. Kajian ini menunjukkan keperluan untuk meneliti variasi-variasi unik dalam Wayang Kulit Kelantan khususnya dari segi struktur, naratif dan teknik penceritaannya.

Kajian yang lebih khusus mengenai Wayang Kulit Kelantan telah dilakukan oleh Azrul Azizi Amirul (2018) yang meneliti reka bentuk pentas dalam falsafah persembahan Wayang Kulit Kelantan. Beliau menjelaskan bahawa wayang kulit merupakan teater tradisional yang menjadi medium hiburan utama kepada masyarakat sekitar tahun 60-an. Seni persembahan ini melibatkan permainan bayang yang terhasil daripada pancaran patung boneka yang dicahaya dari belakang dan dipamerkan pada skrin. Pengurusan boneka ini melibatkan pelbagai aspek seperti penceritaan, dialog, alat muzik dan pergerakan, menjadikannya satu seni persembahan yang kompleks dan kaya dengan teknik penceritaan yang unik.

Selain itu, Azrul Azizi Amirrul & Azizi Bahauruddin (2016) dalam kajiannya tentang reka bentuk panggung persembahan wayang kulit di Kelantan menyentuh mengenai perbezaan fizikal antara panggung Wayang Kulit Kelantan di Gelanggang Seni Kota Bharu dan panggung wayang kulit tradisional. Beliau menekankan bahawa elemen seperti tiang seri di bahagian tepi panggung, yang dianggap sebagai nadi atau ‘nyawa’ bagi sesebuah panggung wayang kulit sudah tidak wujud lagi. Perubahan reka bentuk ini menunjukkan bagaimana tradisi Wayang Kulit Kelantan telah berkembang mengikut peredaran zaman dan konteks sosial yang berubah.

Kajian oleh N. Ghazali (2014) pula memberi tumpuan kepada asal usul dan cerita asli serta watak-watak utama dalam seni persembahan wayang kulit tradisional Kelantan. Melalui kajian ini, beliau menghuraikan secara terperinci watak-watak utama yang menjadi teras kepada penceritaan Wayang Kulit Kelantan, yang kemudiannya dijadikan sebagai produk komersial untuk pelancong luar. Usaha ini bukan sahaja memperkenalkan identiti budaya masyarakat Melayu di Kelantan, tetapi juga menggalakkan pemeliharaan seni persembahan tradisional ini.

Dalam kajian lain, Rosnani Md Zain menjelaskan perkembangan wayang kulit dari segi sumbangan dan cabaran yang dihadapi oleh seorang dalang. Tokoh-tokoh seni persembahan ini memainkan peranan penting dalam memperjuangkan warisan budaya bangsa dan telah memberikan banyak sumbangan kepada perkembangan wayang kulit di Kelantan. Mereka bukan sahaja terlibat dalam persembahan, tetapi juga dalam pengajaran dan penyebaran seni wayang kulit sebagai sebahagian daripada identiti budaya tempatan.

Artikel “*Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan: Kajian Archetypal Reka Bentuk Gambalan*” menyentuh tentang dimensi hubungan antara penonton, pemuzik, dan dalang yang menyebabkan timbulnya unsur-unsur spiritual dalam seni persembahan wayang kulit ini. Namun, menurut Fara Dayana (2018), tiada unsur-unsur mistik yang ditemukan dalam hubungan dimensi tersebut seperti mana yang diuar-uarkan oleh sesetengah masyarakat tempatan. Beliau juga meneliti bagaimana hubungan yang dinamik antara watak-watak dan teknik manipulasi dalang seperti perubahan suara, bunyi, warna, dan pergerakan memberikan daya tarikan kepada penonton, khususnya apabila watak Sri Rama yang merupakan protagonis muncul dari belakang kelir berbanding watak antagonis.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa Wayang Kulit Kelantan bukan sahaja merupakan satu bentuk hiburan tradisional, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pendidikan, ritual, dan pemeliharaan identiti budaya. Elemen-elemen unik seperti struktur, naratif, teknik penceritaan, dan reka bentuk panggung menjadikan Wayang Kulit Kelantan sebagai satu warisan budaya yang kaya dan perlu terus dikaji dan dipelihara.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui kajian kepustakaan untuk meneroka keunikan Wayang Kulit Kelantan. Kaedah kajian ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mengumpul dan menganalisis maklumat sedia ada berkaitan topik ini daripada pelbagai sumber sekunder seperti jurnal akademik, buku, artikel dan

laporan penyelidikan yang relevan. Pendekatan ini adalah sesuai untuk kajian ini kerana ia membolehkan pengumpulan data yang komprehensif mengenai sejarah, estetika, bentuk penceritaan, simbolisme serta nilai budaya Wayang Kulit Kelantan.

Proses pengumpulan data melibatkan pemilihan dokumen-dokumen yang relevan berdasarkan kriteria tertentu seperti penerbitan dalam tempoh masa terkini, penulisan oleh pakar dalam bidang kebudayaan dan kesenian tradisional dan keutamaan kepada kajian yang memberi fokus khusus kepada Wayang Kulit Kelantan. Sumber-sumber ini diperoleh daripada pangkalan data dalam talian seperti Google Scholar, Jurnal Kesenian Melayu dan repositori universiti.

Setelah dokumen dikumpul, analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan keunikan Wayang Kulit Kelantan. Teknik analisis tematik pula digunakan untuk mengkategorikan data mengikut aspek-aspek seperti teknik persembahan, instrumen muzik, watak dan pengaruh budaya tempatan. Data yang dikumpul dianalisis secara kritikal untuk mengungkap elemen-elemen keunikan dalam bentuk persembahan, penceritaan dan nilai simbolik Wayang Kulit Kelantan.

Pendekatan kajian kepustakaan ini membolehkan kajian yang mendalam dan komprehensif tanpa terikat kepada batasan logistik seperti pengumpulan data lapangan dan sesuai untuk kajian yang menekankan analisis konseptual dan teoretikal mengenai warisan budaya seperti Wayang Kulit Kelantan.

Peranan dan Kepentingan Wayang Kulit Kelantan dalam Masyarakat Tempatan: Pendidikan, Hiburan, dan Ritual Tradisional

Wayang Kulit Kelantan, sebagai salah satu seni persembahan tradisional yang terkenal di Malaysia, memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial dan budaya masyarakat tempatan. Ia bukan sekadar bentuk hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan dan medium dalam ritual tradisional. Elemen-elemen ini menjadikan Wayang Kulit Kelantan sebagai satu warisan budaya yang unik dan berpengaruh dalam konteks masyarakat setempat.

a. Pendidikan

Wayang Kulit Kelantan berperanan sebagai medium pendidikan yang berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai moral, sosial, dan agama. Cerita-cerita yang dipersembahkan, seperti “Hikayat Seri Rama” yang diadaptasi daripada epik Hindu “Ramayana” bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mendidik penonton tentang nilai-nilai seperti keberanian, kejujuran dan keadilan. Naratif ini diadaptasi dengan

elemen-elemen Islam yang menggambarkan bagaimana wayang kulit digunakan untuk menyuntik nilai-nilai keagamaan kepada masyarakat, terutama pada zaman dahulu ketika pendidikan formal tidak begitu meluas.

Selain itu, persembahan wayang kulit sering kali melibatkan unsur-unsur didaktik yang disampaikan melalui dialog antara watak-watak dalam cerita. Dalang yang memainkan peranan utama dalam persembahan menggunakan kebolehannya untuk mengaitkan cerita dengan isu-isu semasa yang relevan dengan kehidupan harian masyarakat. Ini memberikan peluang kepada penonton untuk merenung dan mengambil pengajaran daripada cerita yang dipersembahkan.

Selain itu, Wayang Kulit Kelantan juga berfungsi sebagai alat pendidikan seni. Pelajar seni dan budaya sering kali mempelajari teknik-teknik persembahan, pengurusan patung, muzik iringan dan seni bercerita melalui kajian wayang kulit ini. Hal ini bukan sahaja membantu melestarikan seni ini tetapi juga memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah dan falsafah di sebalik Wayang Kulit Kelantan.

b. Hiburan

Kebanyakan seni persembahan tradisional berfungsi sebagai seni hiburan, hal ini juga tidak terkecuali dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Sejak zaman dahulu, ia menjadi salah satu bentuk hiburan utama bagi masyarakat Kelantan dan kawasan sekitarnya. Persembahan wayang kulit biasanya diadakan semasa pesta, kenduri kahwin dan acara-acara adat di mana ia menarik minat penonton dari pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira umur.

Hiburan dalam Wayang Kulit Kelantan bukan sahaja terletak pada cerita yang dipersembahkan tetapi juga dalam teknik penceritaan dan persembahan oleh dalang. Dalang menggunakan pelbagai teknik seperti perubahan suara, iringan muzik tradisional dan manipulasi boneka yang menarik untuk menghidupkan watak-watak dalam cerita. Keupayaan dalang untuk memanipulasi boneka dengan penuh kehalusan dan kreativiti mencipta pengalaman menonton yang menyeronokkan dan menghiburkan.

Selain itu, elemen humor sering kali dimasukkan ke dalam persembahan, di mana watak-watak seperti Pak Dogol, Wak Long, Wak Yah dan sebagainya digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej lucu dan menghiburkan. Hal ini bukan sahaja memecahkan ketegangan dalam cerita, tetapi juga menambah dimensi hiburan yang membuatkan penonton sentiasa tertarik untuk mengikuti jalan cerita. Hiburan

ini turut berperanan sebagai terapi, memberi kesempatan kepada penonton untuk melepaskan tekanan setelah penat bekerja di waktu siang.

c. Ritual Tradisional

Wayang Kulit Kelantan juga mempunyai peranan penting dalam konteks ritual tradisional. Ia sering kali diadakan sebagai sebahagian daripada upacara adat seperti “semah” (ritual pemujaan) dan upacara penyucian yang biasanya dilakukan untuk meminta keberkatan atau perlindungan daripada kuasa ghaib. Dalam konteks ini, wayang kulit berfungsi sebagai medium komunikasi di antara manusia dan alam ghaib, di mana dalang memainkan peranan sebagai perantara.

Elemen-elemen rohaniah dalam Wayang Kulit Kelantan juga dapat dilihat melalui penggunaan mantera, sajian dan muzik yang dipercayai dapat membuka dimensi lain atau menarik roh-roh tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa wayang kulit bukan sahaja sekadar bentuk hiburan atau pendidikan, tetapi juga mempunyai fungsi ritual yang penting dalam kehidupan masyarakat tradisional. Sebagai contoh, sesetengah komuniti di Kelantan masih mengadakan persembahan wayang kulit dalam konteks ritual tertentu seperti “menjaga kampung” atau sempena menyambut perayaan tertentu.

Dalam ritual-ritual ini, persembahan wayang kulit bukan sahaja memenuhi tujuan keagamaan dan rohaniah tetapi juga berfungsi sebagai satu bentuk komunikasi sosial yang memperkukuhkan hubungan dalam komuniti. Kehadiran bersama dalam upacara-upacara sebegini mencipta ikatan sosial yang lebih kuat dan mempromosikan rasa kebersamaan dan identiti kolektif dalam kalangan masyarakat tempatan. Setelah kedatangan Islam, mantera, sajian dan ritual yang memuja telah dimansuhkan. Perkara-perkara ini telah ditukar dengan doa, kenduri kesyukuran dan sebagainya mengikut undang-undang dan syariat Islam.

Wayang Kulit Kelantan memainkan peranan penting dalam konteks pendidikan, hiburan dan ritual tradisional dalam masyarakat tempatan. Sebagai alat pendidikan, ia menyampaikan nilai-nilai moral dan sosial serta menjadi bahan kajian seni. Sebagai medium hiburan, ia menghiburkan masyarakat melalui cerita-cerita yang menarik, watak-watak yang dinamik dan teknik penceritaan yang kreatif. Sebagai komponen dalam ritual tradisional, ia mengukuhkan hubungan rohaniah dan sosial dalam kalangan komuniti. Peranan pelbagai aspek Wayang Kulit Kelantan ini menjadikannya satu warisan budaya yang penting dan perlu dipelihara untuk generasi akan datang.



Gambar 1: Antara karakter yang terdapat dalam Wayang Kulit Kelantan



Gambar 2: Dalang Wayang Kulit Kelantan merupakan individu yang memainkan peranan utama dalam persembahan. Dalang bukan sekadar tukang gerak patung, tetapi juga pengarah, pelakon suara, pemuzik dan pencerita dalam satu masa



Gambar 3: Pemuzik memainkan peranan penting untuk menghidupkan suasana dan emosi cerita

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Wayang Kulit Kelantan merupakan salah satu seni persembahan tradisional yang memiliki nilai sejarah dan budaya yang mendalam. Persembahan ini bukan sahaja popular dalam kalangan masyarakat tempatan di Kelantan tetapi juga diiktiraf sebagai salah satu warisan seni yang bernilai di Malaysia. Wayang Kulit Kelantan memiliki keunikan tersendiri yang membezakannya daripada variasi wayang kulit lain seperti Wayang Kulit Jawa dan Bali. Keunikan ini terletak pada struktur persembahan, teknik penceritaan, muzik iringan dan naratif yang memadukan unsur-unsur budaya tempatan dengan pengaruh budaya luar seperti Hindu, Buddha dan Islam. Namun, di sebalik keunikan ini, terdapat pelbagai cabaran yang mengancam kelangsungan seni ini. Justeru, esei ini akan membincangkan keunikan persembahan Wayang Kulit Kelantan serta cabaran yang dihadapi dalam usaha pemeliharaannya dan mencadangkan strategi-strategi pemeliharaan yang berkesan untuk memastikan seni ini terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Wayang Kulit Kelantan dikenali dengan pelbagai elemen unik yang mencerminkan identiti budaya dan seni tempatan. Keunikan ini dapat dilihat dalam beberapa aspek penting seperti struktur panggung, teknik penceritaan oleh dalang dan watak-watak dalam naratif cerita yang dipersembahkan.

a. Struktur dan Reka Bentuk Panggung Persembahan

Reka bentuk panggung persembahan Wayang Kulit Kelantan adalah satu ciri yang sangat penting dan berbeza dengan variasi wayang kulit yang lain. Menurut kajian Azizi Bahauruddin (2016), panggung persembahan Wayang Kulit Kelantan di Gelanggang Seni Kota Bharu memiliki reka bentuk fizikal yang berbeza daripada panggung tradisional lain, terutamanya dari segi ukuran fizikal dan elemen-elemen tradisional seperti tiang seri. Tiang seri dianggap sebagai nadi atau 'nyawa' bagi sesebuah panggung wayang kulit dan ini menunjukkan betapa pentingnya elemen tradisional dalam seni persembahan ini. Walau bagaimanapun, beberapa panggung wayang kulit moden telah mengalami perubahan reka bentuk dan tidak lagi mengekalkan elemen-elemen tradisional ini yang boleh menyebabkan kehilangan aspek budaya yang penting dalam persembahan.

b. Teknik Penceritaan dan Peranan Dalang

Dalang adalah individu penting dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan yang berfungsi sebagai narator dan penggerak utama cerita. Teknik penceritaan yang digunakan oleh dalang adalah sangat dinamik dan kompleks yang melibatkan manipulasi boneka secara terperinci serta perubahan suara dan dialog yang kreatif. Menurut kajian Fara Dayana (2018), keunikan persembahan Wayang Kulit Kelantan terletak pada kebolehan dalang untuk menghidupkan watak-watak dalam cerita melalui perubahan suara, iringan muzik tradisional dan manipulasi boneka. Setiap watak yang dimainkan mempunyai karakter tersendiri yang ditonjolkan melalui teknik persembahan yang kreatif dan inovatif. Elemen humor, perubahan suara dan muzik gamelan yang digunakan oleh dalang menambah dimensi hiburan yang menarik perhatian penonton dan menjadikan persembahan ini unik dan menghiburkan.

c. Naratif dan Watak-watak Tradisional

Naratif dalam Wayang Kulit Kelantan sering kali diambil daripada epik Hindu seperti Ramayana tetapi telah diadaptasi dengan unsur-unsur tempatan dan Islam. Ini menjadikan cerita-cerita yang dipersembahkan relevan dengan konteks budaya Melayu. Kajian oleh Matusky dan Tan (2017) menunjukkan bahawa wayang kulit memainkan peranan penting dalam menyampaikan cerita-cerita epik seperti Hikayat Seri Rama yang diadaptasi dengan elemen-elemen Islam untuk disesuaikan dengan nilai-nilai tempatan. Kajian oleh N. Ghazali (2014) pula menekankan bahawa watak-watak utama seperti Sri Rama, Sita Dewi dan Hanuman diberikan interpretasi baharu yang mencerminkan nilai-nilai budaya dan kepercayaan masyarakat Melayu. Watak-watak ini sering kali mempunyai elemen komedi dan kepahlawanan yang menarik yang membantu menarik minat penonton.

Cabaran dalam Pemeliharaan Wayang Kulit Kelantan

Walaupun Wayang Kulit Kelantan mempunyai keunikan dan kepentingan yang mendalam dalam masyarakat tempatan, pemeliharaan seni ini menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian serius. Antara cabaran utama yang dikenal pasti termasuk kekurangan generasi pelapis dalang, kepupusan elemen tradisional dalam reka bentuk panggung, pengaruh globalisasi dan komersialisasi, serta kekurangan sokongan institusi dan pembiayaan.

a. Kekurangan Generasi Pelapis Dalang

Salah satu cabaran terbesar dalam pemeliharaan Wayang Kulit Kelantan ialah kekurangan generasi pelapis dalang. Ramai dalang tradisional sudah berusia, dan tidak ramai generasi muda yang berminat atau berupaya untuk mewarisi seni ini. Faktor ini berpunca daripada kurangnya minat terhadap seni tradisional, perubahan gaya hidup moden yang lebih terarah kepada teknologi dan hiburan digital, serta kurangnya pendidikan dan pendedahan terhadap seni ini dalam kalangan generasi muda (Rosnani Md Zain, 2019). Kekurangan generasi pelapis dalang ini boleh menyebabkan seni Wayang Kulit Kelantan hilang jika tidak ada usaha bersepadu untuk menarik minat dan melatih generasi muda dalam seni ini.

b. Kepupusan Elemen Tradisional dalam Reka Bentuk Panggung

Kajian Azizi Bahauruddin (2016) menunjukkan bahawa reka bentuk panggung wayang kulit di beberapa lokasi tidak lagi mengekalkan elemen-elemen tradisional seperti tiang seri. Kepupusan elemen-elemen ini mencerminkan kekurangan pemahaman dan penghargaan terhadap aspek-aspek budaya yang mendalam yang terkandung dalam seni ini. Perubahan dalam reka bentuk panggung dan pengubahsuaian kontemporari ini boleh membawa kepada kehilangan identiti dan keunikan Wayang Kulit Kelantan sebagai satu seni persembahan yang autentik.

c. Komersialisasi dan Globalisasi

Globalisasi dan komersialisasi turut membawa cabaran kepada pemeliharaan Wayang Kulit Kelantan. Pengaruh hiburan moden dan komersialisasi boleh menyebabkan perubahan dalam cara persembahan dilakukan untuk menarik penonton yang lebih luas. Ini kadangkala boleh mengorbankan elemen-elemen tradisional dan merosakkan keaslian seni tersebut. Menurut N. Ghazali (2014), walaupun terdapat usaha untuk menjadikan elemen-elemen wayang kulit sebagai produk komersial untuk pelancong, ia juga membawa risiko kehilangan nilai tradisional. Dalam usaha menarik minat audiens yang lebih luas, ada kalanya elemen-elemen penting seperti naratif dan teknik tradisional terpaksa diubah suai atau disesuaikan untuk memenuhi permintaan komersial.

d. Kekurangan Sokongan Institusi dan Pembiayaan

Kurangnya sokongan daripada institusi-institusi kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan juga menjadi cabaran dalam usaha pemeliharaan Wayang Kulit Kelantan. Tanpa bantuan kewangan dan infrastruktur yang mencukupi, adalah sukar untuk melaksanakan program-program yang memfokuskan kepada pendidikan dan pelatihan generasi muda dalam seni wayang kulit ini. Sokongan institusi sangat diperlukan untuk menggerakkan usaha pemeliharaan ini dengan lebih berkesan dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha bersama mengekalkan warisan budaya ini.

Strategi Pemeliharaan Wayang Kulit Kelantan

Berdasarkan cabaran-cabaran yang dikenal pasti, terdapat beberapa strategi yang boleh dicadangkan untuk memastikan kelangsungan Wayang Kulit Kelantan:

a. Pendidikan dan Latihan Generasi Muda

Pendidikan adalah kunci utama dalam usaha memelihara Wayang Kulit Kelantan. Memperkenalkan program-program pendidikan yang memfokuskan kepada seni tradisional di sekolah dan universiti boleh membantu menarik minat generasi muda. Kursus-kursus khas atau bengkel latihan untuk melatih dalang muda perlu diperkenalkan dengan sokongan daripada institusi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan serta komuniti seni wayang kulit sendiri. Ini juga termasuk dokumentasi teknik persembahan dan penceritaan untuk memastikan ia tidak hilang ditelan zaman. Pihak berkuasa pendidikan juga boleh memasukkan elemen-elemen wayang kulit ke dalam kurikulum seni dan budaya pada peringkat sekolah bagi mendedahkan generasi muda kepada seni ini sejak awal.

b. Pameran dan Persembahan yang Mempromosikan Elemen Tradisional

Menganjurkan pameran dan persembahan yang menonjolkan elemen-elemen tradisional dalam Wayang Kulit Kelantan boleh membantu meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap seni ini. Persembahan-persembahan ini boleh disokong oleh pihak kerajaan atau swasta untuk dijadikan sebahagian daripada acara-acara kebudayaan atau festival seni. Ini bukan sahaja memberi peluang kepada penonton untuk menikmati seni ini tetapi juga membantu dalam memperkenalkan dan mendidik masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan elemen-elemen tradisional dalam seni persembahan.

c. Penggunaan Teknologi untuk Dokumentasi dan Promosi

Menggunakan teknologi digital untuk mendokumentasikan persembahan Wayang Kulit Kelantan serta mempromosikannya di platform digital seperti media sosial dan *YouTube* boleh menarik minat generasi muda yang lebih terdedah kepada teknologi moden. Pendekatan ini boleh membantu menjangkau audiens yang lebih luas dan mempromosikan seni ini secara global. Selain itu, aplikasi digital dan multimedia boleh dibangunkan untuk pendidikan interaktif mengenai seni wayang kulit termasuk sejarah, teknik persembahan dan cara membuat boneka.

d. Sokongan Institusi dan Pembiayaan Sokongan

Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan perlu menyediakan sokongan kewangan dan infrastruktur untuk melaksanakan program pemeliharaan yang berkesan. Ini termasuk memberikan insentif kepada dalang, mengadakan program latihan dan pendidikan serta menyokong usaha-usaha pameran dan persembahan. Bantuan kewangan berterusan adalah penting untuk menyokong aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan pembangunan seni ini, termasuk pembinaan panggung persembahan yang mengekalkan elemen-elemen tradisional.

KESIMPULAN

Wayang Kulit Kelantan adalah satu warisan budaya yang kaya dengan elemen-elemen unik yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang. Keunikan persembahan wayang kulit ini terletak pada struktur panggung, teknik penceritaan oleh dalang dan naratif watak-watak tradisional yang mencerminkan identiti budaya tempatan. Namun, cabaran-cabaran seperti kekurangan generasi pelapis, komersialisasi dan kurangnya sokongan institusi mengancam kelangsungan seni ini. Untuk memastikan Wayang Kulit Kelantan terus berkembang dan relevan, adalah penting untuk melaksanakan strategi-strategi pemeliharaan yang komprehensif termasuk pendidikan dan latihan generasi muda, promosi elemen-elemen tradisional, penggunaan teknologi dan sokongan institusi yang berterusan. Hanya dengan usaha bersama, warisan seni ini dapat dipelihara dan dihargai oleh generasi akan datang.



Gambar 4: Dalang cilik adik Aqfierudzar Rizq atau lebih dikenali sebagai Pyu telah mempelajari seni wayang kulit seawal usia 3 tahun hasil didikan ayahnya.

RUJUKAN

- Amirul. A. A. (2018). *Reka Bentuk Pentas Dalam Falsafah Persembahan Wayang Kulit Kelantan*. Tesis Ijazah. Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my/43626/>
- Amirul. A. A. (2022). *Evolusi Pencapaian Persembahan Wayang Kulit Kelantan*. Gendang Alam. Jilid 12 (1). Pusat Pengajian Seni. Universiti Sains Malaysia. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/download/1925/2493/14339>
- Husain. R. N. (2007). *Analisa Skrip Terhadap Cerita Wayang Kulit Kelantan: Kajian Skrip "Jintan Emas"*. Universiti Sarawak Malaysia. [https://ir.unimas.my/6372/1/NOR%20RAIHANAH%20HUSAIN\(24%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/6372/1/NOR%20RAIHANAH%20HUSAIN(24%20pages).pdf)
- Hussin. M. K. (2021). *Tok Dalang Hussin Yusoff Tokoh Pedalangan Wayang Kulit Kelantan*. Jurnal Melayu. Universiti Teknologi Mara. <http://journalarticle.ukm.my/18388/1/52627-173038-1-SM.pdf>
- Kim. K. K. (1982). *Beberapa Aspek: Warisan Kelantan*. Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan II. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Matusky, P., & Beng, T.S. (2017). *The Music of Malaysia: The Classical, Folk and Syncretic Traditions (2nd ed.)*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315223025Mohd>.

- F. D. Yusoff. M. J. et all (2014). *Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK): Kajian Archetypal Reka Bentuk Gambalan*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my/id/eprint/46086>
- Othman. M. D. (Julai 2011). *Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan*, Suatu Perspektif.
- R. Zain, Z. Mohamad, N. Affendi et all (2019). *Tokoh Lagenda Wayang Kulit Kelantan*. Jurnal Kesidang.
- Tajuddin. N. R (Mei 2007). *Wayang Kulit Gedek*. Jurnal Artikel. Universiti Teknologi Mara. https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=wayang+kulit+gedek&btnG=#d=gs_qabs&t=1694274297694&u=%23p%3D-e_9jm41pPEJ
- Yusof. S. G. Khor. K. K et all (April 2017). *Wayang Kulit Kelantan: Kajian Perwatakan Dan Boneka*. Jurnal Teater Asia. Universiti Tunku Abdul Rahman. 34(1):1-25.
- Zain. M. R, Muhammad. Z, Affendi. R. N et all. (2019). *Tokoh Lagenda Wayang Kulit*. Jurnal Kesidang. Pengantar Sains Sosial. Universiti Putra Malaysia. Volume 2018: 92-105 <https://www.studocu.com/my/document/universiti-kebangsaan-malaysia/pengantar-sains-sosial/wayang-kulit-idk/29992139>



NILAI-NILAI FALSAFAH DALAM SILAT SEMERAP

NILAI-NILAI FALSAFAH DALAM SILAT SEMERAP

Jaafar bin Rani

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pulau Pinang

Abstrak

Artikel ini membincangkan Silat Semerap, sebuah seni persembahan silat tradisional berasal dari Pulau Pinang dan memainkan peranan penting dalam konteks sosial dan budaya masyarakat Melayu setempat. Silat ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiburan dalam majlis rasmi dan tidak rasmi, tetapi juga menyampaikan nilai-nilai falsafah yang mendalam berkaitan penyatuan komuniti, adat dan keindahan pergerakan seni bela diri. Silat Semerap mengekspresikan tema kebahagiaan rumah tangga, kesopanan, dan tanggungjawab sosial melalui elemen penceritaan serta simbolisme yang terserlah dalam penggunaan tepak sirih berbentuk burung merak. Pengkaji menyoroti peranan dua tokoh penting, iaitu Haji Zainal Abidin bin Sheikh Awab dan *Grand Master* Dr. Haja Mohaideen bin Abu Backer dalam melestarikan dan memperjelas nilai asal Silat Semerap. Artikel ini turut membincangkan bagaimana percampuran budaya pelbagai kaum di Pulau Pinang mempengaruhi evolusi silat ini, di samping cabaran yang dihadapi dalam memastikan keasliannya tidak terhakis oleh modenisasi dan pengaruh media baharu. Penelitian ini menekankan pentingnya kerjasama komuniti, penggiat seni dan institusi budaya untuk mengangkat semula Silat Semerap sebagai warisan tidak ketara yang bernilai tinggi dan relevan dalam membina jati diri generasi baharu.

Kata Kunci: Silat Semerap, Seni Silat Tradisional, Simbolisme Budaya

PENGENALAN

Silat Semerap atau dikenali juga sebagai *Silat Sila*, merupakan satu bentuk persembahan silat keraian yang cukup sinonim dengan budaya masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Persembahan ini lazimnya dipentaskan dalam pelbagai majlis, sama ada rasmi mahupun tidak rasmi. Silat Semerap menampilkan gabungan elemen silat dan naratif penceritaan. Keunikan budaya masyarakat Melayu Pulau Pinang telah membentuk persembahan ini dengan nilai-nilai estetika dan falsafah tersendiri yang memperkaya maksud dan fungsi silat tersebut. Unsur penceritaan dan falsafah yang terkandung dalam silat ini turut mempengaruhi pelbagai aspek lain dalam budaya setempat seperti lagu rakyat, permainan tradisional dan cerita-cerita lisan yang diwarisi secara kolektif oleh komuniti dan bukan sebagai milik individu tetapi sebagai khazanah budaya bersama.

Dalam struktur sosial tradisional masyarakat Melayu, silat dianggap sebagai satu elemen penting dan berperanan besar dalam pembentukan jati diri individu. Seseorang yang menguasai ilmu dan kemahiran bersilat bukan sahaja dipandang tinggi, malah dihormati serta sering diangkat sebagai figura berpengaruh dalam komuniti. Selain berfungsi sebagai medium pertahanan diri terhadap ancaman fizikal, silat turut memainkan peranan dalam konteks sosial dan budaya khususnya sebagai medium hiburan dan penyeri majlis keramaian seperti perkahwinan, sambutan tetamu kehormat serta acara-acara rasmi lain. Dalam konteks majlis sosial, silat dipersembahkan dalam bentuk yang lemah lembut dan penuh estetika, berbeza dengan bentuk asalnya yang lebih keras, agresif dan melibatkan penggunaan senjata.

SEJARAH

Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai *Pulau Ka-Satu* dan dinamakan *Prince of Wales Island* oleh penjajah British, terkenal dengan warisan budaya dan sejarahnya yang unik. Kepelbagaian etnik dan budaya yang wujud di pulau ini merupakan hasil daripada sinergi komuniti yang telah terbentuk sejak lebih 400 tahun lalu. Interaksi berterusan antara pelbagai kelompok masyarakat telah mewujudkan identiti lokal yang kaya dengan nilai peradaban. Keunikan ini menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan antarabangsa termasuk pengiktirafan sebagai antara tiga pulau terbaik untuk didiami selepas persaraan pada tahun 2021 (Utusan Malaysia, 17 April 2021).

Penduduk Pulau Pinang, khususnya di bandar George Town yang juga dikenali sebagai Tanjong, terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik antaranya tersebut berhijrah ke Pulau Pinang pada zaman pemerintahan British kerana peluang

ekonomi yang lebih baik, terutamanya dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Percantuman kaum ini telah melahirkan pertukaran budaya yang berlaku secara tidak langsung yang melibatkan masakan, pakaian, percantuman bahasa kaum India, Melayu dan Cina sehinggalah kepada ilmu bela diri. Keadaan ini membuktikan berlakunya penularan dan adaptasi budaya antara pelbagai etnik yang tinggal bermastautin di Pulau Pinang.

Pulau Pinang adalah sebuah pulau yang terletak antara dua selat dengan susur galur dan sejarah panjang yang mencerminkan perjalanan penuh liku, dari kegembiraan hingga kesedihan semangat perjuangan hingga melankolia. Sejarah ini terakam dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam seni mempertahankan diri. Terdapat pelbagai elemen yang berkait rapat dengan seni mempertahankan diri di Pulau Pinang, antaranya termasuk pertandingan kombat, persembahan seni tari, simposium serta wacana ilmiah. Kesemua elemen ini mencerminkan usaha berterusan dalam memperkasa, mempersembah dan mendalami warisan seni bela diri sebagai sebahagian daripada identiti budaya tempatan. Acara-acara keraian masyarakat seperti kenduri kahwin atau majlis rasmi pemimpin bersama dengan rakyat kerap diserikan dengan persembahan seni silat. Malah terdapat acara bertaraf antarabangsa yang menjadikan silat ini sebagai acara hiburan atau selingan. Evolusi dalam seni mempertahankan diri di Pulau Pinang berlaku apabila persatuan seni silat saling berlumba ingin mempamerkan kelebihan mereka. Maka secara tidak langsung persembahan mereka diperindah dan ditambah baik sesuai dengan kemasih dikekalkan supaya generasi akan datang dapat mempelajari dan mengenali secara mendalam.

Menurut *Grand Master* Dr. Haja Mohaideen bin Abu Backer iaitu seorang pengamal dan pendidik persilatan di Pulau Pinang mengatakan Silat Semerap semakin kehilangan ketulenan dan sudah banyak ditokok tambah. Silat ini banyak nilai falsafah, namun tidak diteroka dan dijadikan panduan. Permasalahan ini sedang diteroka dan usaha sedang digembleng bagi mencari jalan tengah agar warisan budaya ini dapat terus dipertahankan serta kembali diminati oleh masyarakat negeri ini. Diharapkan ia mampu meraih semula tempatnya sebagai elemen penting dalam acara-acara rasmi dan majlis perkahwinan, sekali gus mengukuhkan peranannya dalam memperkaya identiti budaya tempatan. Ketulenan Silat Semerap ini sukar ditemui kerana telah ditokok tambah mengikut selera guru dan amalan dan keselesaan sesebuah komuniti itu. Namun di beberapa tempat silat ini masih utuh dan diminati.

Haji Zainal Abidin bin Sheikh Awab, seorang aktivis silat tua berpandangan bahawa golongan muda masa kini kurang meminati Silat Melayu (Semerap). Beliau

mengatakan tindakan perlu dilakukan untuk menyemarakkan semula silat ini. Harapan yang disuarakan oleh Haji Zainal dilihat berpotensi untuk direalisasikan memandangkan permintaan terhadap persembahan Silat Semerap kini menunjukkan peningkatan yang ketara. Perubahan ini menunjukkan bahawa masyarakat mulai menerima peranan Silat Semerap sebagai pelengkap kepada budaya penyatuan komuniti, terutama apabila diadakan majlis perkahwinan atau acara-acara rasmi di Pulau Pinang.

Silat Semerap bukanlah dicipta sebagai silat tempur semata-mata. Jika dilihat dari sudut peranannya, silat ini lebih kepada seni penyatuan komuniti. Walaupun terdapat gerak seperti gerak tempur, kelembutan seni dalam silat ini juga terserlah. Dunia hari ini dikuasai media baharu yang secara rakusnya memenangi cita rasa anak muda dan menyebabkan seni budaya makin dilupakan. Tawaran yang disediakan oleh media baharu ini adalah tanpa had dan menyebabkan hiburan tradisi makin terpinggir. Yang penting, jalan harus dicari supaya budaya tradisi ini mampu memenangi semula hati generasi baharu untuk ia kekal diwarisi dan diamalkan.

NILAI-NILAI FALSAFAH

Silat sebagai medium bela diri dan medium persembahan atau keraian masing-masing mempunyai kaedah dan cara persembahan yang tersendiri. Silat itu sendiri mempunyai sejarah yang panjang mengambil falsafah atau ciri kepercayaan semangat binatang dan tumbuh-tumbuhan ataupun dewa (Hinduism) dan kemudian Buddha (Buddhism) dan akhir sekali agama Islam. Setiap kesenian dan budaya pastinya terdapat nilai-nilai falsafah di dalamnya yang boleh kita teroka sebagai panduan dan ikutan. Perkara yang baik pastinya digunakan sebagai pedoman dan yang kurang elok diketepikan. Jika dikaitkan dengan Silat Semerap, banyak falsafah yang boleh ditemui. Menurut Haji Zainal Abidin bin Sheikh Awab, sirih memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu dan menjadi hidangan penting semasa meraikan dan menyambut tetamu. Seni Silat Semerap dan tepak sirih yang cantik dapat menaik taraf sesuatu keraian itu. Tepak sirih dari India yang mempunyai tema atau berbentuk burung merak menjadi pilihan. Oleh kerana jenis tepak sirih berbentuk burung merak ini sering digunakan dalam persembahan *Silat Sila* semasa majlis perkahwinan, maka silat ini mula dikenali sebagai Silat Semerap, yang dipercayai berasal daripada sebutan “se-merak”, merujuk kepada bentuk hiasan tepak tersebut.

Dalam konteks ini, hiasan pada tepak sirih yang digunakan oleh wanita lebih cantik dan meriah berbanding dengan tepak sirih yang digunakan oleh pesilat lelaki, menunjukkan perbezaan yang mendalam antara dua peranan dalam kehidupan. Setiap tepak sirih membawa makna yang simbolik, menggambarkan dua suasana kehidupan yang berbeza, iaitu rumah tangga dan dugaan hidup.

Suasana pertama melambangkan rumah tangga yang perlu dijaga dengan penuh tertib dan keharmonian. Dalam konteks ini, setiap pergerakan dalam silat mesti dilakukan dengan kemas dan tersusun. Langkah yang diambil oleh pesilat yang mewakili rumah tangga perlu tepat, mencerminkan kehidupan rumah tangga seharusnya dijalani dengan penuh kesempurnaan dan keharmonian. Suasana kedua pula mewakili dugaan hidup yang lebih agresif dan penuh dengan cabaran akan menunjukkan pergerakan yang lebih tegas dan keberanian dalam menghadapi rintangan hidup. Pemakaian topeng juga menjadi silat ini unik. Namun begitu, pemakaian topeng bukan menjadi sesuatu yang menonjol dalam silat ini.

Secara keseluruhan, kedua-dua tepak sirih ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiasan, tetapi juga menyampaikan mesej yang mendalam tentang keseimbangan antara ketenangan dalam rumah tangga dan keteguhan dalam menghadapi cabaran hidup. Silat Semerap, dengan simbolisme tepak sirihnya, mengajarkan kita nilai-nilai yang penting dalam menjalani kehidupan, termasuk keharmonian dalam keluarga dan keberanian dalam menghadapi dugaan hidup.

Menurut *Grand Master* Dr. Haja Mohaideen bin Abu Backer, Silat Semerap yang dimainkan di Pulau Pinang hari ini bukan lagi Silat Semerap yang asli. Banyak pergerakan telah ditokok tambah selaras dengan perkembangan zaman. Persembahan Silat Semerap dimainkan dengan diiringi Gendang Panjang (Gendang Keling) dan lagu marhaban. Ada juga di sesetengah tempat, silat diiringi dengan paluan kompang. Tepak sirih pula berbentuk burung merak. Tepak sirih ini suatu ketika dahulu sangat popular dan ia lebih cantik, tidak mudah terlerai dan ada kekunci. Berbanding tepak sirih kini yang berbentuk empat segi, yang kadangkala amat sukar untuk dikawal semasa dalam persembahan. Tepak sirih adalah unsur yang sangat penting dalam Silat Semerap. Ia melambangkan maruah kedua-dua pengantin yang perlu dijaga.

Grand Master Dr. Haja Mohaideen bin Abu Backer juga berpendapat, Silat Semerap bermaksud kegembiraan dan keterujaan pasangan pengantin lelaki dan perempuan memasuki alam rumah tangga. Saat janji dan harapan dimeterai menandakan bermulanya kehidupan yang baharu. Kehidupan yang pastinya ada ranjau dan durinya. Kekuatan kasih sayang dan mental mereka untuk menghadapi hari-hari mendatang amat dituntut supaya hubungan ikatan suami isteri terus kekal utuh dan bahagia.

Menurut Tuan Haji Zainal, acara silat ini melibatkan dua pesilat yang mewakili pengantin lelaki dan perempuan. Tugas dan tujuan pesilat wakil pengantin lelaki adalah untuk mematikan langkah pesilat wakil pengantin perempuan. Pesilat kedua-

dua belah pihak perlu memahami gerak dan langkah lawan masing-masing. Dalam persembahan tersebut akan ditemukan dua tepak sirih wakil dari kedua belah pihak melalui pesilat masing-masing.

Kaedah asas silat ini ialah wakil pengantin lelaki (pesilat) bergerak memasuki kawasan pengantin perempuan. Pergerakan tersebut dilakukan dalam gerak silat bersama dengan tepak sirih manakala pesilat wakil pengantin perempuan pula cuba menahan supaya pihak pengantin lelaki tidak mudah memasuki dan menawan kawasan mereka. Biasanya pesilat wakil pengantin perempuan akan bergerak secara mengereng bagi menahan kemaraan pesilat wakil pengantin lelaki. Malah silat ini juga biasa dimainkan secara duduk dan berdiri.

Falsafah acara ini diwujudkan adalah untuk melihat kemampuan dan kehebatan pengantin lelaki dan kesediaannya untuk menjaga bakal isterinya nanti. Gerak silat wakil pengantin lelaki dari awal dibaca dan diterjemahkan oleh seorang guru silat dari pihak pengantin perempuan. Biasanya guru silat tidak menonjolkan dirinya. Orang ramai juga tidak menyedari keberadaannya. Hanya orang-orang tertentu sahaja yang tahu. Guru silat ini mampu menilai kehebatan, kekuatan, keikhlasan dan kesungguhan pengantin lelaki melalui gerak silat wakil mereka.

Apabila aksi atau pergerakan silat tersebut telah mencapai tahap kemuncak, akan ada seorang yang bertugas untuk meleraikan pergaduhan itu supaya acara silat itu lebih harmoni. Malah tidak dinafikan pada zaman dahulu pernah berlaku pergaduhan apabila ketegangan tidak mampu dikawal hingga akhirnya pendamai akan membawa pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan. Pengantin perempuan akan menunggu ketibaan pengantin lelaki di rumahnya.

Acara ini dimulai oleh pesilat wakil pengantin lelaki. Apabila pesilat wakil pengantin lelaki hampir memasuki kawasan pengantin perempuan barulah pesilat wakil pengantin perempuan datang menghalang dalam gerakan silat. Maka berlakulah acara berlawan dan mengacah sambil membawa tepak sirih masing-masing yang perlu dijaga dengan penuh berhati-hati dan cermat. Tepak sirih itu melambangkan maruah pengantin dan tepak sirih ini tidak boleh jatuh atau terlerai. Sebab itulah mereka menyediakan pendamai atau pelerai apabila berlaku pergaduhan.

Pemain Silat Semerap perlulah berpengalaman dalam mengaksikan silat ini. Silat ini mempunyai pergerakan yang tertib dan bersopan, serta penuh dengan adat dan adab. Pergerakannya tidak menggunakan kekerasan dan seboleh-bolehnya kedua-dua belah pihak cuba untuk tidak tercedera, terjatuh atau membuatkan tepak sirihnya terburai. Keharmonian dalam falsafah Silat Semerap ini dijaga dengan sebaiknya.

Silat ini sangat menitikberatkan nilai-nilai budaya, keindahan, keseragaman dan kesopanan bukan dengan niat menjatuhkan lawan atau memalukan. Yang pasti pemenang ialah pihak perempuan. Tugas pesilat pihak lelaki cuma menunjukkan kesungguhan untuk masuk ke kawasan perempuan.

Persilatan Melayu mempunyai pergerakan asas iaitu keras dan lembut dan pesilat harus menguasai kedua-dua sifat ini, supaya semasa pertarungan pesilat mampu menangani serangan dari dua keadaan tersebut. Pesilat juga harus bijak dan tahu untuk membeza dan membuat gerakan mewakili jantan dan betina. Budaya Melayu mementingkan kesederhanaan, keseimbangan dan simetri, dan setiap pergerakan adalah berpasang-pasangan yang dipanggil jantan/betina.

Dalam falsafah hidup, istilah *Yin Yang* diajar dan dipraktikkan dalam seni bela diri Cina seperti kung fu adalah sama dengan falsafah budaya Melayu. Falsafah keras dan lembut, terang dan gelap, sama luas, sama setengah daripada satu kesatuan telah diamalkan dalam kehidupan seharian. Masyarakat yang berbilang kaum serta falsafah dan budaya mereka juga menjadi gambaran atau rumusan pada Silat Semerap ini yang boleh dikatakan sinonim dengan komuniti Pulau Pinang dari masyarakat etnik Melayu, Jawi, Peranakan Cina, India Muslim, Siam, Burma dan sebagainya.

Asal usul Silat Semerap masih kabur, dan menurut Tuan Haji Zainal, masyarakat Aceh juga mengakui Silat Semerap ini milik mereka. Terdapat pihak mendakwa Silat Semerap mungkin berasal dari golongan Jawi Pekan (Melayu Campuran), kerana masyarakat Jawi pada masa itu kerap mengadakan persembahan Silat Semerap bukan sahaja untuk majlis perkahwinan, malah pada acara-acara lain baik yang bersifat rasmi atau pun tidak.

KESIMPULAN

Silat Semerap bukanlah silat tempur atau sejenis silat yang sangat popular. Silat ini sejenis silat yang lebih mementingkan seni dalam pergerakan dan nilai falsafah yang cuba disampaikan melalui gerak sama ada yang tersurat atau tersirat. Biasa sering dipersembahkan di majlis kahwin atau majlis rasmi. Silat ini amat sinonim dengan kehidupan orang Pulau Pinang. Apabila terdapat majlis rasmi ataupun tidak rasmi, Silat Semerap akan memainkan peranannya sebagai penyeri selain peranan utamanya untuk menyatukan pasangan pengantin.

Meneliti pandangan dan maklumat dua orang tokoh tersohor Silat Semerap iaitu Haji Zainal Abidin bin Sheikh Awab, seorang aktivis silat tua dan *Grand Master*

Dr. Haja Mohaideen bin Abu Baker, seorang penggiat dan pendidik silat di Pulau Pinang ini, jelas menunjukkan mereka mempunyai pandangan yang sedikit berbeza.

Namun kedua-dua tokoh ini tetap menegaskan peri pentingnya peranan Silat Semerap dalam sosiobudaya masyarakat Pulau Pinang sejak dari dulu lagi. Silat ini sebagai satu budaya yang wajib dalam sesuatu majlis perkahwinan dan juga sebagai agen penyatuan komuniti dan bangsa. Kedua-dua tokoh ini memberi definisi dan nilai falsafah yang berbeza tentang makna Silat Semerap ini disebabkan pengalaman, pembelajaran dan perguruan diterima sejak dari awal.

Silat ini masih mempunyai ramai pengikut dan peminatnya. Ia masih mampu untuk terus melonjak dan memenangi hati masyarakat, terutama golongan muda. Perlu ada usaha penggemblengan untuk mengangkatnya kembali. Penggiat, komuniti, peminat dan agensi kerajaan mesti bergabung untuk mencari titik tolak untuk mengangkat Silat Semerap supaya terus kekal diminati dan diamalkan.

Silat Semerap mempunyai banyak nilai falsafah yang baik, yang boleh diikuti dan diamalkan. Sopan santun, hormat-menghormati, dan nilai-nilai penyatuan kaum dan komuniti yang pastinya boleh membentuk generasi baharu yang lebih baik melalui terapi seni silat ini jika diteroka nilai falsafahnya dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

Pulau Pinang ketiga terbaik sebagai pulau untuk bersara, Utusan Malaysia, 17 April 2021. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/04/pulau-pinang-ketiga-terbaik-sebagai-pulau-untuk-bersara/>

Seni Budaya Digital Silat Semerap (2021) https://www.youtube.com/watch?v=wvaF0siz_I0

TEMU BUAL

Temu bual bersama Tuan Haji Zainal Abidin bin Sheikh Awab - aktivis silat tua

Temu bual bersama Grand Master Dr. Haja Mohaideen bin Abu Baker - penggiat dan pendidik silat di negeri Pulau Pinang



**KHASIAT TELUR PINDANG:
KAJIAN KANDUNGAN TELUR
AYAM, DAUN HERBA DAN
REMPAH SEBAGAI
MAKANAN WARISAN JOHOR**

KHASIAT TELUR PINDANG: KAJIAN KANDUNGAN TELUR AYAM, DAUN HERBA DAN REMPAH SEBAGAI MAKANAN WARISAN JOHOR

Nor Hafizah binti Hasan

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor

Abstrak

Kajian ini menelusuri khasiat Telur Pindang yang dikatakan sebagai salah satu makanan Johor terutamanya di daerah Muar dan Batu Pahat. Dahulu Telur Pindang merupakan hidangan golongan berada dan bangsawan sahaja. Ini kerana cara penyediaannya sangat rumit, mengambil masa yang lama dan tambahan lagi resipinya tidak diketahui ramai. Keunikannya juga terletak pada warna dan rasa yang terkandung pelbagai herba. Dek kerana keistimewaan dan keunikan telurnya, ia sering kali dijadikan cenderahati kepada tetamu di majlis perkahwinan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji khasiat Telur Pindang dari sudut kesihatan yang menggunakan bahan telur ayam, daun herba dan rempah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pemerhatian pengkaji serta kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati kandungan bahan masakan Telur Pindang mempunyai banyak kebaikan dari sudut kesihatan dan juga bersifat ekonomik kerana murah dan menjimatkan kos bagi menyediakannya. Oleh itu amalan penyajian Telur Pindang dalam majlis-majlis tertentu di Johor bukan sahaja dapat meneruskan amalan tradisi malah dapat mengekalkannya sebagai makanan warisan kebanggaan rakyat di negeri tersebut.

Kata Kunci: Telur Pindang, kelebihan, khasiat, tradisi, pedagang, relevan, perayaan, warisan, amalan.

PENGENALAN

Telur Pindang merupakan sejenis makanan tradisional yang terkenal di Johor, sebuah negeri di selatan Semenanjung Malaysia. Hidangan ini mempunyai nilai warisan budaya yang signifikan dan sering dikaitkan dengan identiti masyarakat Johor. Menurut sumber sejarah, Telur Pindang dipercayai berasal daripada makanan tradisional masyarakat Tionghoa di China, yang dikenali sebagai “Telur Teh” (Kosmo, 2014). Telur ini terkenal dengan aroma yang harum serta rasa yang kaya hasil penggunaan pelbagai jenis rempah seperti kulit kayu manis, bunga lawang, adas, cengkih, kicap, dan daun teh hitam. Selain di China, variasi Telur Teh turut ditemui di Hong Kong, Taiwan, Indonesia, dan Malaysia. Setiap hidangan mempunyai beberapa perbezaan dari segi ramuan seperti penggunaan garam dan kicap. Nama ‘Telur Pindang’ pula merujuk kepada kaedah penyediaannya daripada proses merebus telur dalam larutan garam dan bahan pewarna semula jadi. Antara bahan pewarna yang digunakan termasuk daun jambu batu, kulit bawang merah, daun jati dan selain larutan teh.

Sejarah dan asal usul Telur Pindang di Johor dikatakan berkait dengan kedatangan pengembara dan pelaut orang Bugis dan Jawa yang berasal dari Indonesia. Mereka datang ke Johor dengan membawa Telur Pindang sebagai bekalan makanan yang tahan lama dan mudah dibawa ke mana-mana. Makanan ini akhirnya terus tersebar kepada masyarakat khususnya di daerah Batu Pahat dan Muar sehingga menjadi terkenal pada hari ini. Rasanya yang unik dan kaya dengan rempah serta melalui proses masakan yang agak rumit menjadikan Telur Pindang jarang menjadi makanan harian dan kebanyakannya disajikan sempena perayaan atau majlis tertentu misalnya majlis perkahwinan, majlis cukur jambul (Pu’putan), majlis kenduri berkhitan atau jualan komersial. Kelebihan Telur Pindang ini adalah ia tahan lama untuk dimakan selama beberapa hari dan minggu (Mohd Anim Hosnan, 2012)

Telur Pindang merujuk kepada hidangan tradisional yang menggunakan telur ayam yang direbus dengan campuran pelbagai daun herba dan ramuan aromatik. Ia mampu bertahan lama untuk dimakan kerana proses masakannya yang agak rumit dan kelebihan inilah menjadikannya amat istimewa sehingga masih diteruskan oleh masyarakat Johor. Tempoh ketahanan Telur Pindang adalah hingga dua minggu atau sebulan tanpa menjejaskan kualitinya kerana telur dimasak/awet dengan menggunakan beberapa daun herba dan rempah tertentu. Di Johor biasanya daun-daun herba yang digunakan adalah terdiri daripada tujuh jenis iaitu daun salam, daun senduduk (berbunga ungu), daun jambu batu, daun serai wangi, daun manggis, daun mengkudu dan daun bebuas, manakala bahan rempah yang digunakan pula ialah serai, lengkuas, halia, jintan manis, jintan putih, ketumbar, rempah kari, kicap, asam keping, cuka serta garam. Bahan-bahan tersebut sama ada dikisar, dipotong

dan dibasuh dengan bersih akan dimasukkan secara berlapis-lapis antara lapisan telur ayam. Kesemua daun yang digunakan ini selain bertujuan untuk mengalaskan telur, ia juga untuk memastikan telur-telur tersebut tidak pecah dan menghasilkan ramuan serta rempah ratus yang memberi aroma yang enak dan rasa pada telur serta membuat telur tahan lama (Kosmo, 2014).

Telur ayam merupakan sumber protein yang mudah didapati serta menjadi pilihan utama dalam pelbagai penyediaan makanan disebabkan rasanya yang digemari ramai. Dua biji telur ayam bersamaan kira-kira 100 gram telur ayam jika dimakan boleh memberikan kandungan nutrisi, antaranya kalori (148 kalori), lemak (11 gram), protein (12 gram), sodium, (142 miligram), kolin (251 miligram), kalsium (86 miligram), kalium (118 miligram) dan fosfor (258 miligram). Proses pembuatan Telur Pindang menggunakan telur ayam dan tidak menggunakan telur puyuh atau telur itik kerana selain kandungan nutrien lebih baik berbanding kedua-dua jenis telur tadi, kos untuk mendapatkan telur ayam lebih murah dan senang didapati (Maulida, 2024). Kandungan Vitamin A, D, E dan Omega 3 pada telur ayam juga sebagai faktor pemilihan di samping adanya campuran daun herba dan rempah ratus pastinya menambahkan lagi kandungan khasiat kepada sesiapa sahaja yang memakan Telur Pindang tersebut. Ditambah lagi dengan khasiat ramuan daun herba inilah menjadikannya makanan ini bertambah istimewa dan disukai.

Penghasilan Telur Pindang dibuat dengan proses yang rumit kerana perlu direbus sekurang-kurangnya dua hari dua malam untuk menjamin kesemua tujuh jenis daun herba dan campuran rempah dapat diserap di dalam setiap biji (Kosmo, 2014). Warna telur yang sekata serta ketiadaan rekahan pada kulit mahupun permukaan telur yang telah dikupas lazimnya menjadi indikator kepada kualiti telur yang tinggi. Kebiasaannya telur yang digunakan adalah telur berkualiti dan gred A.



Gambar 1: Telur Pindang yang telah direbus selama dua hingga tiga hari menghasilkan warna merah pada kulit telur

Sumber: Koleksi peribadi penulis

Khasiat Telur Pindang dengan Campuran Daun Herba dan Rempah

Daun salam mempunyai pelbagai nutrien seperti gizi, vitamin, mineral dan baik untuk kesihatan jika digunakan dalam masakan. Kandungan *etanol* dalam daun salam boleh melawan bakteria dalam badan (Kebun Sejagat, 2023). Selain itu, unsur *metanol* yang terdapat pada daun salam amat berkesan sebagai ubat anti cacing.

Penggunaan daun jambu batu pula dapat mengurangkan berat badan serta membantu mengurangkan kolesterol dalam darah. Jus daun jambu batu dapat memperlahankan karbohidrat kompleks diubah menjadi gula dengan cepat dan dapat mengelakkan dari terkumpulnya lemak yang berlebihan (Amirul Fikry, 2020). Komponen aktif dalam daun jambu batu mengandungi khasiat zat tanin yang mampu menyerap racun dan dapat mengawetkan telur ayam. Oleh yang demikian, telur ayam pindang yang direbus bersama-sama daun herba dan rempah-rempah termasuk mencampurkan kulit bawang merah atau pun daun jambu batu akan menghasilkan warna merah pada kulit telur. (Petikan dari Suprapti, 2002).



Gambar 2: Kaedah tradisional menyimpan telur menggunakan kulit bawang, daun herba dan rempah serta tahan lama, jimat dan mesra alam

Sumber: Siakap Keli

Warna kemerahan pada kulit luar Telur Pindang boleh dihasilkan melalui penambahan kulit bawang merah semasa proses perebusan yang memberikan warna akhir yang lebih menarik. Selain itu, daun jambu batu yang digunakan dalam proses ini mengandungi zat tanin iaitu sebatian semula jadi yang bersifat antioksidan dan berperanan sebagai agen penyembuh luka ringan termasuk



Gambar 3: Penyimpanan telur cara tradisional menggunakan bahan dapur dan alam serta mudah, jimat dan mesra alam
Sumber: Siakap Keli

menghentikan pendarahan. Tanin juga bertindak sebagai bahan penyerap toksin dan berupaya menggumpalkan protein sekali gus menutup liang-liang pada permukaan telur dan melindungi bahagian dalam telur daripada unsur luar yang boleh merosakkan kualitinya.

Rebusan Telur Pindang bersama dengan penggunaan daun serai bukan sahaja memberi aroma yang menyenangkan, malah dipercayai mempunyai khasiat dalam melegakan kesakitan otot dan turut bertindak sebagai anti septik semula jadi yang telah digunakan secara tradisional dalam bidang perubatan serta pembersihan sejak turun-temurun. Selain daun-daun yang telah disebutkan, antara daun lain yang digunakan ialah daun bebuas atau nama saintifiknya *Premna spp.* Air rebusan daun ini dipercayai oleh masyarakat Melayu mampu meredakan masalah pening kepala. Pokok bebuas mengandungi pelbagai komponen berkhasiat seperti karbohidrat, air, serat, alkaloid serta mineral seperti kalium, kalsium, zink, zat besi dan fosforus termasuk vitamin A, C dan E. Daun manggis pula sering dikaitkan dengan manfaat kesihatan seperti membantu merawat penyakit kencing manis, menurunkan tekanan darah tinggi dan berat badan serta berpotensi sebagai agen antikanser.

Daun senduduk (*Melastoma malabathricum* L.), menurut laporan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula digunakan dalam perubatan tradisional melalui rebusan daun bagi membantu mencegah pembentukan parut luka, merawat masalah cirit-birit, membuang angin serta sebagai rawatan sokongan selepas bersalin.

KHASIAT REMPAH RATUS

Kajian sains moden telah mengesahkan bahawa pelbagai jenis rempah ratus mempunyai manfaat kesihatan yang signifikan. Penyediaan Telur Pindang turut melibatkan campuran rempah seperti lengkuas, jintan manis, jintan putih, ketumbar, halia, rempah kari, bawang putih, asam keping, cuka dan garam. Gabungan rempah ini bersama dengan lapisan daun herba yang digunakan semasa proses merebus bukan sahaja menghasilkan aroma yang unik, malah turut menyumbang kepada nilai pemakanan dan khasiat Telur Pindang apabila dinikmati.

Artikel daripada *The Malaya Post* bertarikh 28 Februari 2020 menerangkan tentang pelbagai khasiat rempah ratus untuk kesihatan. Antaranya ketumbar dipercayai dapat merawat masalah penghadaman, hidung tersumbat, perut berangin, jangkitan luka, serta membantu dalam pengawalan penyakit seperti kencing manis, hipertensi dan artritis. Bawang putih juga dikenali dengan keupayaannya untuk melawan penyakit selesema. Halia pula dapat mengurangkan paras gula dalam darah secara signifikan dan memperbaiki faktor risiko penyakit jantung. Selain itu, serai diketahui sebagai agen pencegah kanser dan berperanan dalam proses detoksifikasi tubuh.

Selain itu, banyak manfaat yang diperolehi dengan menggunakan jintan manis dalam rebusan Telur Pindang. Jintan manis adalah sejenis herba yang berserat tinggi, yang bertindak seperti ‘julp’ untuk mencuci usus kecil dan usus besar secara sederhana. Herba ‘pelawas’ ini melancarkan proses perkumuhan dan mencuci dinding usus daripada toksin, kotoran dan mendapan degil. Selain itu, jintan manis dapat mengatasi kembung perut akibat terlebih angin, gas dan asid. Bagi yang mempunyai masalah perut buncit mungkin inilah penyelesaiannya. Jintan manis juga berupaya dalam mengawal tahap kolesterol kerana ia kaya dengan vitamin C, B dan A, yang bermanfaat mengekalkan daya tahan badan terhadap serangan penyakit di samping mengurangkan kadar kolesterol berbahaya dalam badan (Maria Firdz, 2017).

Jintan manis juga dapat merawat bengkak sendi, sakit badan dan lenguh-lenguh otot kerana ia mengandungi ‘anethole’ yang diyakini dapat mengurangkan risiko keberulangan penyakit kanser. Selain itu, jintan manis dapat mengekang selera makan, menyegarkan nafas, menurunkan panas badan, merawat jangkitan mata, meredakan sakit tekak, memulih batuk serta membuang kahak.

Bukan itu sahaja, rempah lain yang dimasukkan dalam rebusan Telur Pindang iaitu jintan putih berupaya untuk mengatasi masalah pencernaan termasuk cirit-birit, kolik, kekejangan dan angin. Selain itu, ia juga meningkatkan aliran air kencing untuk melegakan kembung (sebagai diuretik).

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah salah satu cara bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan pemakanan Telur Pindang dalam gaya hidup mereka sebagai salah satu cara bagi menjamin kesihatan yang baik. Menurut maklumat daripada blog *MyFitnessPal* menyatakan bahawa memakan Telur Pindang akan menghasilkan 77 kalori iaitu bersamaan dengan 0.6g karbohidrat (3%), 5.3g lemak (63%) dan 6.3g protein (33%). Kandungan khasiat herba dan rempah ratus dan khasiat dalam telur itu sendiri memang sama sekali tidak dapat disangkal kerana ia telah dibuat rumusan dan kajian akan khasiat bahan asas Telur Pindang.

Kajian ini adalah salah satu usaha bagi memelihara dan melestarikan pemakanan Telur Pindang dalam kalangan masyarakat dari pelbagai peringkat usia. Ini secara tidak langsung dapat menjaga warisan leluhur sehingga generasi seterusnya. Selain itu, kajian ini sebagai satu daripada usaha pendokumentasian dalam memastikan pengamalan memakan Telur Pindang dan ilmu pembuatannya dapat diteruskan oleh generasi akan datang.

Mohd Anim Hosnan (2012), menyatakan kajian terhadap khasiat Telur Pindang berdasarkan pengalamannya tinggal di kampung dan beberapa pembacaan. Menurutnya, bagi menghasilkan Telur Pindang yang berkualiti, iaitu tahan lama, cantik, sedap dan tidak banyak yang pecah ia memerlukan ilmu teknikal yang mudah tetapi kritikal. Misalnya susunan daun perlu dilapis dengan betul bagi memastikan telur tidak akan pecah akibat direbus terlalu lama dan daun-daun bertindak sebagai alas atau pelapis ketika air panas mendidih. Selain itu hasil serapan daun-daun herba ke atas telur amat berkhasiat kerana direbus selama dua hingga tiga hari.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian perpustakaan dan pemerhatian, didapati objektif kajian telah dapat dicapai. Melalui analisis yang dibuat didapati bahawa kelebihan Telur Pindang diperkuatkan dengan adunan campuran daun-daun herba dan kandungan rempah ratus. Kesemua elemen ini sememangnya memberikan khasiat kesihatan pada tubuh badan dan jika disebarluaskan lagi penggunaannya kepada masyarakat di luar sana, banyak manfaat yang akan diperolehi. Bukan sahaja menyihatkan tubuh badan, para penternak ayam telur dan para pembuat atau pengusaha Telur Pindang akan dapat meningkatkan pendapatan mereka. Peningkatan ekonomi juga dapat dirasakan oleh para penanam tumbuhan herba-herba kampung dan peniaga rempah ratus kerana akan mendapat permintaan dalam menghasilkan Telur Pindang. Seterusnya jika masyarakat sentiasa konsisten memakan Telur Pindang, ia dapat memelihara warisan makanan tradisional ini sehingga generasi akan datang.

RUJUKAN

- Amirul Fikry, (2020). Petua Rahsia Daun Jambu Batu Untuk Kesihatan dan Kecantikan. <https://murai.my/2020/82690/petua-rahsia-daun-jambu-batu-untuk-kesihatan-dan-kecantikan/>
- Blog MyFitness Pal, Telur Pindang
- Suprapti, M. Lies. 2002. Pengawetan Telur. Yogyakarta: Kanisius.
- Kebun Sejagat, (2023). Kegunaan Daun Salam Untuk Tubuh Manusia. <https://www.kebunsejagat.com/kegunaan-daun-salam/>
- Kosmo (2014). Buah Tangan Warisan. https://web.archive.org/web/20140112033312/http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=1111&pub=kosmo&sec=varia&pg=va_01.htm
- Mohd Anim Hosnan, (2012). Telur Pindang. Malaysia Anim Agro Technology. <https://animhosnan.blogspot.com/2012/04/telur-pindang.html>
- Maria Firdz (2017), Tujuh Kelebihan Jintan Manis Yang Ramai Orang Tak Tahu. <https://www.mariafirdz.com/2017/12/7-kelebihan-jintan-manis-yang-ramai-orang-tak-tahu.html>
- Maulida, (2024). Ketahui 7 Manfaat Telur Pindang yang Jarang Diketahui. <https://iainbukittinggi.ac.id/manfaat-telur-pindang-2/>
- Taman Etnobotani & Pusat Interaktif Sains IPGKTAR (2021), Pokok Bebuas, Pokok Senduduk. <https://ipgmktar.edu.my/etnobotani/>
- The Malaya Post (2020), Ketahui Khasiat Rempah Ratus untuk Kesihatan. <https://themalayapost.my/rempah-ratus-bermanfaat-untuk-kesihatan-jom-baca/>



**BUDAYA NILAI TINGGI
DALAM MASYARAKAT MELAYU DI
KAMPUNG PAHANG TUA
MELALUI AKTIVITI
MENGEMPING PADI**

BUDAYA NILAI TINGGI DALAM MASYARAKAT MELAYU DI KAMPUNG PAHANG TUA MELALUI AKTIVITI MENGEMPING PADI

Milyana binti Arshad

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang

Abstrak

Kajian ini meneliti aspek budaya nilai tinggi masyarakat melalui aktiviti atau tradisi mengemping di Kampung Pahang Tua Kuantan. Aktiviti mengemping adalah suatu budaya masyarakat yang wajar dilestarikan. Objektif pertama penelitian ini ialah mengenal pasti aspek budaya nilai tinggi dalam masyarakat Melayu. Seterusnya objektif kedua ialah mengenal pasti ciri-ciri aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua, manakala objektif ketiga ialah menghuraikan budaya nilai tinggi yang diaplikasikan oleh masyarakat Melayu dalam aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua. Budaya Nilai Tinggi yang diterapkan dalam tradisi atau aktiviti mengemping merupakan aspek kajian yang masih menjadi kelompangan dalam penelitian terhadap aktiviti mengemping padi di Kampung Pahang Tua. Justeru, permasalahan kajian yang utama dalam kajian ini ialah apakah aspek budaya nilai tinggi dalam masyarakat Melayu? Seterusnya permasalahan kedua ialah apakah ciri-ciri aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua? Manakala permasalahan ketiga ialah bagaimana budaya nilai tinggi digarap oleh masyarakat Melayu dalam aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua? Rencana ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan pengumpulan data dilakukan dengan cara perpustakaan, laman sesawang, pemerhatian dan temu bual separa berstruktur terhadap tokoh, pakar rujuk dan informan. Seterusnya kajian ini terbatas pada aktiviti dan budaya mengemping di Kampung Pahang Tua Kuantan yang mempunyai populasi 90 % pengusaha sawah padi. Kajian ini akan memberikan fokus kepada budaya nilai tinggi yang merupakan salah satu teras dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

Kata Kunci: Budaya Nilai Tinggi, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN), Mengemping, Budaya Tradisi, Kampung Pahang Tua.

PENGENALAN

Aktiviti mengemping adalah satu budaya tradisi yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu dan masyarakat asal di Nusantara. Aktiviti mengemping menjadi penting pada satu ketika dahulu sebagai salah satu proses penyimpanan makanan tertentu supaya ia lebih tahan lama dan ia dapat memberi variasi kepada makanan yang berasaskan tumbuh-tumbuhan sebagai makanan ringan. Antara makanan berasaskan tumbuh-tumbuhan yang dikenal pasti dibuat emping seperti padi, buah belinjo, biji rambutan dan juga jagung. Kebiasaannya, aktiviti atau budaya mengemping dilaksanakan di kawasan-kawasan yang mengusahakan pertanian berasaskan tumbuh-tumbuhan.

Di Malaysia, budaya mengemping ini kebanyakan dikaitkan dengan pertanian padi. Antara negeri yang melaksanakan budaya mengemping ialah Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Terengganu dan Pahang. Budaya mengemping adalah salah satu budaya tradisi yang dapat dikaitkan dengan konsep pemupukan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Justeru kajian ini akan mengupas ciri-ciri budaya mengemping di Kampung Pahang Tua yang mempunyai populasi 90% pesawah dengan memaparkan aspek nilai-nilai murni masyarakat dalam kalangan petani di kawasan berkenaan. Ciri-ciri tersebut dapat mengangkat nilai kebersamaan dan nilai jati diri masyarakat setempat seterusnya mencerminkan budaya tradisi sebagai asas kepada kesatuan dan pembangunan budaya bangsa.

Bagi maksud penelitian dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi penumpuan kepada Budaya Nilai Tinggi yang dipupuk melalui aktiviti mengemping padi di Kampung Pahang Tua Kuantan di Pahang. Pengkaji akan membuat analisis terhadap nilai-nilai murni yang terdapat dalam Budaya Nilai Tinggi yang merupakan teras pertama dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Daripada penelitian umum pengkaji, nilai-nilai murni yang dirangkumkan dalam teras Budaya Nilai Tinggi tersebut tergarap dalam aktiviti mengemping padi. Hal ini kerana aktiviti mengemping merupakan suatu kerja berpasukan yang menitikberatkan nilai-nilai kemasyarakatan supaya aktiviti itu dapat dijalankan dengan lancar dan dalam keadaan yang harmoni.

Terdapat banyak kajian oleh sarjana yang telah menyentuh dan membincangkan aspek nilai-nilai murni dalam masyarakat melalui karya-karya sastera seperti novel, puisi dan drama. Namun belum ada kajian yang mengaitkan Budaya Nilai Tinggi dalam budaya seharian masyarakat. Menyedari kelompangan tersebut, maka wajarlah diberi perhatian terhadap Budaya Nilai Tinggi yang digariskan sebagai salah satu teras dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

Selain daripada kelompangan tersebut, pengkaji mendapati bahawa terdapat sarjana tempatan yang membincangkan nilai-nilai murni dalam masyarakat secara umum dengan membuat perbandingan nilai-nilai murni antara kaum di Malaysia. Sebagai contoh, artikel berjudul *Penghayatan Nilai-Nilai Murni dalam Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia* yang disediakan oleh Fatimi Hanafi dan Mohd Zamani Ismail. Artikel tersebut mengupas penghayatan nilai-nilai murni yang wujud dalam masyarakat Melayu, Cina dan India yang mempunyai amalan budaya dan agama yang berbeza, namun mempunyai matlamat yang sama iaitu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Perbezaan gaya hidup dan agama disatukan dengan penghayatan nilai murni seterusnya membentuk masyarakat Malaysia yang mampu berinteraksi sesama sendiri, menghormati budaya, adat resam serta agama masing-masing. Justeru, pengkaji ingin mengupas nilai-nilai murni melalui aspek Budaya Nilai Tinggi dalam masyarakat Melayu dengan meneliti apakah aspek Budaya Nilai Tinggi dalam masyarakat Melayu?

Permasalahan tersebut timbul apabila pengkaji mendapati terdapat kajian berjudul *Nilai Murni dalam Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak* oleh Mohammad Syawal Narawi yang memberi penumpuan kepada nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2013) dengan mengupas 18 prinsip nilai murni seperti amanah, tanggungjawab, ikhlas, benar, sederhana, tekun, bekerjasama, berdisiplin, bersih, berperibadi mulia, bermuafakat, bersyukur, bertoleransi, bertimbang rasa, bersatu padu, amalan hidup orang berbudi, tidak mementingkan diri sendiri dan tiada perasaan curiga atau syak wasangka dan beretika. Oleh kerana nilai-nilai murni ada digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021 maka pengkaji memberi tumpuan terhadap Teras Pertama pembentukan dasar ini iaitu Budaya Nilai Tinggi.

Seterusnya, pengkaji meneliti salah satu subjek atau aktiviti tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Melayu iaitu aktiviti mengemping padi. Melalui pemerhatian pengkaji, aktiviti tersebut kurang mendapat perhatian para sarjana kerana aktiviti ini dilakukan oleh masyarakat petani di kawasan tertentu sahaja dan ia tidak dilakukan secara komersial. Justeru, permasalahan kedua yang menjadi perhatian pengkaji ialah apakah ciri-ciri aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua di negeri Pahang? Pengkaji akan mengupas ciri-ciri aktiviti mengemping yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua di Pahang.

Permasalahan yang terakhir ialah bagaimana Budaya Nilai Tinggi digarap oleh masyarakat Melayu dalam aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua? Permasalahan ini akan dirungkaikan dengan mengadakan satu demonstrasi aktiviti mengemping bersama dengan komuniti Kampung Pahang Tua Kuantan yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung

(JPKK) selaku pakar rujuk. Selain itu, maklumat diperolehi daripada informan terpilih secara temu bual separa berstruktur mengenai aspek nilai-nilai murni dalam masyarakat yang diperolehi daripada aktiviti mengemping padi.

Justeru, ketiga-tiga permasalahan kajian ini perlu dibincangkan agar cakupan kajian terhadap garapan Budaya Nilai Tinggi oleh masyarakat Melayu melalui aktiviti mengemping dapat diterjemahkan seterusnya menjadikan aktiviti ini kekal relevan sebagai aktiviti masyarakat yang perlu dipertahankan. Hal ini seterusnya dapat memanfaatkan sarjana sastera yang lain bagi meneliti keistimewaan aktiviti mengemping padi masyarakat Melayu dalam kajian lanjutan yang berkaitan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada nilai-nilai murni yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan prinsip nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2013). Tumpuan diberikan kepada salah satu aspek atau teras dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 iaitu Budaya Nilai Tinggi. Kajian ini bertepatan dengan salah satu peranan DAKEN 2021 iaitu untuk mencorak seni, budaya dan warisan negara secara lebih terarah dan kompetitif pada masa akan datang. Usaha pembangunan dasar perlu seiring dengan tindakan pada peringkat akar umbi bagi mengenal pasti budaya atau cara hidup masyarakat Malaysia yang wajar diketengahkan.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek Budaya Nilai Tinggi dalam masyarakat Melayu, mengenal pasti ciri-ciri aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua dan menghuraikan Budaya Nilai Tinggi yang diaplikasikan oleh masyarakat Melayu melalui aktiviti mengemping di Kampung Pahang Tua.

Selain itu, kajian ini melibatkan sepuluh (10) nilai bersama yang terkandung dalam teras Budaya Nilai Tinggi. Nilai bersama tersebut merupakan nilai-nilai murni yang perlu ada dalam sesebuah masyarakat bagi membangunkan sebuah negara bangsa yang harmoni, berjati diri, bertamadun dan berjaya. Kajian ini juga penting untuk mengangkat keunikan aktiviti tradisi masyarakat Melayu yang menerapkan nilai-nilai murni dalam gaya hidup kemasyarakatan. Kajian ini seterusnya akan memperlihatkan kebijaksanaan dan ketajaman pemikiran orang Melayu lama dalam menyediakan peralatan yang bersesuaian bagi mempelbagaikan aktiviti dalam masyarakat seterusnya membentuk gaya hidup dan budaya yang sihat.

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa kajian ini adalah penting bagi membuktikan bahawa wujudnya Budaya Nilai Tinggi dalam aktiviti mengemping oleh masyarakat Melayu. Hal ini seterusnya menjadikan aktiviti ini kekal relevan

untuk dipraktikkan oleh masyarakat Malaysia dalam usaha membangunkan negara bangsa berjati diri dan beridentiti.

Nilai-nilai Murni Dalam Masyarakat

Terdapat beberapa tinjauan terhadap kajian sebelum ini yang memberi fokus pada aspek nilai yang menjurus kepada budaya nilai tinggi iaitu aspek nilai-nilai murni dalam masyarakat. Justeru, pengkaji meneliti beberapa kajian lepas yang membincangkan seputar isu nilai murni dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian-kajian lepas tentang nilai murni dalam masyarakat Melayu ini dijadikan panduan oleh pengkaji untuk mencari kelompangan kajian bagi menghasilkan sebuah kajian yang boleh dimanfaatkan serta mencakupi eksplorasi baharu dalam kajian budaya masyarakat Melayu.

Antaranya ialah pembentangan kertas kerja berjudul *Nilai Budaya Sopan Santun Dalam Tortor Pada Upacara Perkahwinan Masyarakat Simalungan* oleh Ruth Hertami Dyah Nugrahaningsih dalam *International Conference on Local Knowledge (ICLK) 2016*. Kertas kerja tersebut mengupas mengenai nilai sopan yang terpamer dalam masyarakat Simalungan melalui pelaksanaan aktiviti *tortor* semasa upacara perkahwinan yang disebut sebagai *marhajabuan*. Sistem adat dalam masyarakat tersebut membolehkan nilai sopan santun tetap terjaga. Kajian beliau menyimpulkan bahawa masyarakat Simalungan masih berpegang teguh kepada adat dan nilai-nilai kesopanan melalui amalan upacara tersebut dan kehidupan seharian biasa.

Seterusnya pengkaji turut meninjau kertas kerja berjudul *Nilai Murni dalam Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak* oleh Mohammad Syawal Narawi dalam *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA 2016*. Tumpuan kertas kerja ini adalah mengenai elemen nilai murni yang dititikberatkan dalam kesenian bermukun dan bergendang di Sarawak. Bermukun merupakan kesenian menyampaikan pantun secara berirama mengikut pukulan gendang. Kebiasaannya di Sarawak orang perempuan yang digelar sebagai 'Seh Gendang' akan bermukun sambil memukul gendang, manakala orang lelaki berperanan untuk menari atau bertandak semasa aktiviti bermukun tersebut. Bait-bait pantun dalam lafaz mukun tersebut dikarang oleh orang tua secara spontan dan ada juga secara bertulis. Biasanya karangan tersebut mengandungi unsur nasihat dan pengajaran serta nilai-nilai murni untuk disampaikan kepada pendengar atau penonton. Mesej-mesej yang terdapat dalam pantun yang disampaikan menjadi cerminan kepada amalan nilai-nilai murni yang diterapkan oleh golongan tua kepada generasi muda di Sarawak. Pengkaji menggunakan 18 prinsip yang terkandung dalam *Prinsip Nilai-nilai Murni*, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2013) sebagai panduan untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam persembahan bermukun dan bergendang di negeri Sarawak.

Selain itu tinjauan turut dibuat terhadap kertas kerja berjudul *Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar* oleh Mohamad Khairi bin Haji Othman dalam *Journal of Human Development and Communication Vol 3 (Special Issue)*, 2014 [81-92] Universiti Utara Malaysia. Data kajian ini diperolehi daripada kaedah tinjauan deskriptif iaitu melalui soal selidik yang melibatkan 448 orang pelajar pelbagai bangsa di sekolah menengah harian terpilih di Semenanjung Malaysia sebagai responden. Pengkaji mendapati penerapan nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu di Sekolah mempunyai hubungan dengan penghayatan pelajar berkaitan aplikasi nilai tersebut dalam kehidupan sebenar bersama dengan kawan-kawan dan masyarakat. Pengkaji menggunakan 17 senarai nilai murni yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2005) dan tujuh teknik Pendekatan Penanaman Nilai (2001). Semua item dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 17.0. Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini bersesuaian dengan hasrat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 untuk melahirkan pelajar yang bersahsiah terpuji dan insan yang seimbang.

Selain penelitian terhadap aspek nilai-nilai murni, pengkaji turut meneliti kajian lepas mengenai aktiviti mengemping. Antara kajian yang dilihat adalah *Pengolahan Buah dan Biji Rambutan sebagai Makanan Tradisional Koktail, Manisan, Emping Biji Rambutan dan Obat Herbal Yang Berkhasiat* oleh Nuni Widiarti, Sri Wahyuni dan F.Widhi Mahatmanti dalam Jurnal Rekayasa (2013). Dapatan daripada kertas kerja ini ialah buah dan biji rambutan yang diolah menjadi emping dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat selain dapat menikmati buah-buahan yang dibuat emping pada sepanjang tahun dan bukan sewaktu musim ia berbuah sahaja. Selain itu, khasiat biji dan buah rambutan didapati mampu mengurangkan kadar kolesterol dalam darah, justeru ia boleh dimakan dan dijadikan ubat alternatif yang berguna dalam melahirkan masyarakat yang sihat. Pengkaji ada menghuraikan ringkasan aktiviti untuk menjadikan biji dan buah rambutan ini sebagai emping. Antara lain adalah meliputi proses-proses seperti memilih buah, mengupas buah dan biji, mengasingkan biji, memipihkan, merendam air garam, menjemur dan menggoreng. Aktiviti untuk menjadikan buah dan biji rambutan sebagai emping memerlukan nilai- kesabaran dan kesepakatan dalam masyarakat. Hal ini kerana kebiasaannya aktiviti seumpama ini dilakukan secara beramai-ramai secara harmoni.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kelompangan untuk dibincang serta dikupas kerana Budaya Nilai Tinggi yang digagaskan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan 2021 merupakan teras panduan nilai-nilai murni yang masih belum diteroka secara meluas oleh para pengkaji. Justeru, pengkaji

mengambil inisiatif untuk mengupas teras ini dengan meneliti penerapan Budaya Nilai Tinggi dalam aktiviti mengemping padi dalam kalangan masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua, Kuantan Pahang.

Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian dibuat melalui kajian perpustakaan, laman sesawang, pemerhatian dan temu bual separa berstruktur. Tumpuan kajian ini adalah mengenal pasti Budaya Nilai Tinggi yang diterapkan semasa aktiviti mengemping padi dalam masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua, Kuantan Pahang.

Sesi pemerhatian dilakukan terhadap orang-orang Kampung Pahang Tua yang dijemput berkampung selama dua (2) hari di Kompleks JKKN Pahang untuk melakukan demonstrasi aktiviti mengemping padi sambil menghasilkan beberapa jenis makanan emping yang sedia untuk dijual dan dihidangkan kepada tetamu.



Gambar 1 dan 2 : Emping Raja sedia untuk dihidangkan kepada tetamu

Pelbagai perisa emping ada disediakan serta dijual sepanjang tempoh pemerhatian ini. Emping Raja mendapat tempat dalam kalangan pengunjung kerana rasanya yang begitu unik dan istimewa. Selain itu Emping Kerabu yang dicampur dengan ikan membuka selera dan dapat memperkenalkan makanan tradisi kepada pengunjung terutama generasi muda. Emping Kelapa Parut dan Emping Serawa turut diperkenalkan kepada pengunjung yang hadir. Selain daripada itu, proses aktiviti mengemping serta hubungan sesama komuniti tersebut dengan para pengunjung turut diperhatikan bagi menilai sejauh mana budaya nilai tinggi diterapkan oleh mereka semasa melakukan aktiviti mengemping padi tersebut.



Gambar 3 dan 4 : Penduduk Kampung Pahang Tua berbesar hati membantu pengunjung yang berminat untuk cuba mengemping padi.



Gambar 5 dan 6 : Tingkah alu lesung menghasilkan sebuah irama tanda sepakat.

Temu bual separa berstruktur diadakan dengan bertanyakan beberapa soalan terancang kepada tokoh yang berpengalaman dengan asal usul aktiviti mengemping di Pahang. Sesi temu bual telah diadakan seperti berikut:

- a) Temu bual bersama dengan tokoh, YH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan telah diadakan pada 5 September 2023 di kediaman beliau yang terletak di Jalan Tengku Muhammad Kuantan.
- b) Temu bual bersama dengan pakar rujuk aktiviti mengemping iaitu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pahang Tua iaitu Encik Zaki Afandi bin Haji Abdul Rahman pada 29 Oktober 2023 di Kompleks JKKN Pahang.

- c) Temu bual seterusnya adalah bersama dengan informan/pendemo, Puan Noor Wahyuni binti Mohamed Yatim dan Encik Shamsul Ahmad bin Yusof serta beberapa orang lagi penduduk Kampung Pahang Tua pada 29 Oktober 2023 di Kompleks JKKN Pahang.

Dapatan Kajian

Dapatan pertama adalah hasil temu bual bersama tokoh warisan dan sejarah negeri Pahang iaitu YH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan. Beliau merupakan Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Pahang serta mantan Naib yang Di Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Resam Negeri Pahang. Beliau mempunyai pengetahuan serta pengalaman luas dalam susur galur aktiviti mengemping padi dalam masyarakat Melayu di Pahang.


Beliau berkongsi pengalaman melakukan aktiviti mengemping padi sedari zaman kanak-kanaknya semasa di Kampung Chenor Maran. Beliau melihat perkembangan aktiviti tersebut mengikut peredaran zaman. Kemeriahan dan keindahan aktiviti yang digambarkan oleh beliau memberi idea kepada pengkaji untuk memahami konsep aktiviti tradisi tersebut.



Gambar 7 : Penyelidik bersama tokoh sejarah negeri Pahang memaklumkan bahawa aktiviti sosial tersebut menjadi medan pertemuan anak-anak muda zaman dahulu.

Ketika aktiviti mengemping diadakan para pemuda kampung berpeluang mencari pasangan hidup atau berkenalan dengan gadis-gadis kampung yang sopan santun dan baik budi pekerti. Anak-anak muda ini bergaul dan bersosial di bawah pengawasan orang-orang tua. Nilai-nilai dan adab tradisi orang Melayu dijaga dan dipelihara agar tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dalam masyarakat.

Selain itu, beliau juga berkongsi pengetahuan berkaitan proses dan peralatan yang digunakan untuk mengemping padi. Antara peralatan yang digunakan ialah lesung antan, lesung hindik, kayu gelegar, nyiru/tampi, alu, sudip, kayu pengurup, cupak, kuali dan banyak lagi. Uniknyanya lesung yang digunakan biasanya dibuat sendiri oleh para petani menggunakan kayu berkualiti tinggi dan tahan lasak seperti merbau, cengal dan meranti. Bagi lesung antan yang memerlukan penggunaan kayu pemukul atau alu, kebiasaannya alu dibuat sendiri mengikut keselesaan penggunaan serta tenaga masing-masing.



Rajah 1: Lakaran lesung hindik atau lesung kaki berserta beberapa peralatan yang digunakan untuk aktiviti mengemping padi. Lakaran dihasilkan sendiri oleh YH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan.



Gambar 8: YH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan



Gambar 9 : Pengkaji bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pahang Tua iaitu, Encik Zaki Afandi bin Haji Abdul Rahman

Dapatan seterusnya diperolehi daripada Encik Zaki Afandi bin Haji Abdul Rahman. Beliau seorang individu berwawasan dan sayang akan budaya tradisi masyarakat Melayu yang semakin ditinggalkan oleh generasi baharu. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pahang Tua, beliau berusaha mengetengahkan tradisi mengemping padi agar tidak hilang ditelan arus kemodenan. Melalui JPKK, beliau pernah menyertai beberapa ekspo dan program keusahawanan peringkat nasional dan membawa produk makanan tradisi seperti Emping Raja, Emping Serawa, Emping Kelapa Parut dan Emping Kerabu.

Beliau berkongsi pengalamannya menyantuni pengunjung-pengunjung ekspo yang kebanyakannya berasa teruja dan kurang didedahkan dengan makanan tradisi emping yang masih diusahakan di Kampung Pahang Tua. Justeru, beliau berhasrat untuk mempertahankan populasi petani sedia ada di kampung tersebut tanpa memberi peluang untuk sewaan tapak sawah mereka kepada pengusaha padi secara komersial (pihak ketiga). Beliau juga berhasrat memulihara budaya tradisi masyarakat Melayu dan menjadikan Kampung Pahang Tua sebagai sebuah lokasi tarikan ekopelancongan dan seterusnya menjadikan kampung tersebut sebagai sebuah kampung yang mempunyai identiti tersendiri.

Menurut Encik Zaki Afandi, melalui aktiviti mengemping padi, banyak nilai-nilai murni yang dapat diterapkan kepada masyarakat Melayu setempat. Antaranya kepatuhan kepada pemimpin, bekerjasama, bermuafakat, bergotong-royong, bertolak ansur, bersopan santun, berhemah tinggi, hormat-menghormati, bersyukur, amanah, jujur dan bersifat terbuka serta bersedia menerima inovasi dan ilmu-ilmu baharu.



Gambar 10: Pengkaji bersama informan dan pendemo Encik Shamsul Ahmad bin Yusof, salah seorang petani dan penduduk Kampung Pahang Tua Kuantan.

Dapatan seterusnya diperolehi daripada temu bual separa berstruktur dengan informan dan pendemo yang melakukan demonstrasi mengemping padi. Para informan memaklumkan bahawa aktiviti mengemping mempunyai proses tertentu yang perlu dilalui seperti berikut:

- i. Memilih padi muda berusia sekitar 90 hari
- ii. Padi direndam dalam air semalaman
- iii. Padi ditoskan menggunakan penapis
- iv. Padi digoreng atau disangai tanpa minyak di dalam kualiti menggunakan sudip yang diperbuat daripada sabut kelapa. Ia digoreng sehingga ia mula meletup-letup seperti bertih
- v. Bertih padi dimasukkan ke dalam lesung untuk ditumbuk
- vi. Semasa ditumbuk, kulit padi akan terlerai daripada padi
- vii. Padi tersebut seterusnya ditampi untuk mengasingkan kulit daripada emping yang diperolehi
- viii. Emping yang dihasilkan digoreng sekali lagi untuk mendapatkan tekstur yang rangup
- ix. Emping ditumbuk sekali lagi dalam lesung hingga halus atau mengikut selera masing-masing
- x. Emping diperasakan mengikut selera tradisi.



Gambar 11:
Padi yang
ditoskan



Gambar 12:
Proses
menggoreng
tanpa
minyak



Gambar 13:
Proses
menumbuk
nyiru



Gambar 14:
Proses
menampi
menggunakan
nyiru

Proses yang dilalui untuk menghasilkan emping padi berkualiti memerlukan penerapan nilai-nilai murni seperti kesabaran, ketelitian, kerjasama, kesopanan, ketekunan, kerajinan, kepatuhan kepada pemimpin, kreativiti dan inovasi.

Aktiviti Mengemping Padi dan Aspek Budaya Nilai Tinggi dalam Teras Pertama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 Dalam Masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua

Aspek Budaya Nilai Tinggi merupakan salah satu teras dalam membangunkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). DAKEN dibangunkan untuk dijadikan dokumen dasar yang lengkap sebagai rujukan dan panduan dalam pelbagai aspek seperti punca kuasa perundangan, rujukan kewangan, pendidikan, kelestarian seni, budaya dan warisan. Dokumen ini masih mengekalkan semangat Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang digubal pada tahun 1971 di bawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan.

Budaya Nilai Tinggi merangkumi tatacara, tatasusila dan tahap keintelektualan yang didukung oleh amalan nilai-nilai murni yang mencakupi sepuluh (10) Nilai Bersama seperti berikut:

- i. Kerohanian
- ii. Budi
- iii. Muafakat
- iv. Kemuliaan Ilmu
- v. Kesaksamaan
- vi. Kesejahteraan
- vii. Kesetiaan
- viii. Kejujuran/Tulus Ikhlas
- ix. Keindahan
- x. Kebersihan

Kesemua Nilai Bersama yang disenaraikan merupakan nilai-nilai murni dan nilai-nilai positif yang perlu diterap dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia pelbagai kaum dalam usaha membentuk sebuah negara bangsa yang berketerampilan serta bertamadun.

CIRI-CIRI AKTIVITI MENGEMPING PADI DI KAMPUNG PAHANG TUA

Penduduk Kampung Pahang Tua Kuantan terdiri daripada kaum Melayu sahaja. Demografi pekerjaan di kampung tersebut menunjukkan 90% daripada penduduk adalah petani manakala 10% melakukan kerja-kerja lain. Hal ini kerana kebanyakan penduduk mengusahakan tanaman padi sawah sendiri sebagai sumber pendapatan utama. Masyarakat kampung tersebut mengamalkan pelbagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Antara aktiviti tradisi yang masih kekal dilakukan secara turun-temurun ialah aktiviti ‘mengemping padi’. Aktiviti ini masih diteruskan oleh penduduk kampung ini meskipun tidak lagi dilakukan di kawasan-kawasan maju dan membangun yang lain.

Aktiviti mengemping padi kebiasaannya dilakukan selepas musim menuai dan biasanya melibatkan golongan remaja dan dewasa. Padi yang dipilih untuk dibuat emping adalah padi muda sekitar usia 90 hari. Sewaktu aktiviti mengemping padi dilakukan pelbagai aktiviti sampingan lain turut dilakukan oleh kanak-kanak seperti memancing ikan, menangkap itik dalam sawah (perdap itik) dan bermain layang-layang. Kemeriahan suasana di kampung tersebut mewujudkan hubungan komunikasi serta silaturahim yang akrab sesama penduduk. Penduduk saling mengenali antara satu sama lain serta tidak kekok untuk melakukan sesuatu pekerjaan dalam bentuk gotong-royong.

Nilai Kerohanian

Kerohanian merupakan suatu aspek dalaman diri seseorang. Masyarakat yang mempunyai nilai kerohanian yang baik akan dipaparkan secara jasmaniah dan akliah selalu perwatakan, kelakuan serta cara tindakan dan reaksi seseorang terhadap sesuatu perkara. Melalui aktiviti mengemping padi, nilai kerohanian ini dapat diterapkan dan dipaparkan melalui riak wajah, fizikal yang sihat serta cara menyelesaikan sesuatu masalah dengan berhemah.



Gambar 15: Sebahagian petani yang menyertai program Menyemarakkan Seni Budaya di JKKN Pahang.

Nilai Budi

Budi menggambarkan kehalusan, ketertiban dan ketulusan budi bicara seseorang. Para petani yang mengemping di Kampung Pahang Tua mempunyai nilai budi yang tinggi. Selain gambaran pakaian mereka yang tertib dan sopan, mereka juga sentiasa menjaga tutur kata serta tidak lokek memberikan ilmu mengemping serta cara-cara menyediakan makanan tradisi emping kepada individu lain yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenainya. Nilai budi jelas diterapkan oleh masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua melalui aktiviti yang menjadi subjek kajian iaitu mengemping.

Nilai Muafakat

Permuafakatan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua adalah amat unik dan mempunyai hubungan yang akrab. Bermula daripada aktiviti menanam padi sehingga aktiviti mengemping, mereka sentiasa bermuafakat atau bekerjasama supaya padi yang dihasilkan dapat dituai secara sistematik. Selain itu, hal ini dapat mengelakkan daripada serangan penyakit padi kerana semua penduduk bermuafakat menjalankan proses penanaman padi secara serentak.

Sekiranya tiada nilai muafakat, agak sukar untuk mengendalikan isu-isu berkaitan sawah padi seperti isu penyaluran air ke petak sawah, proses meracun makhluk perosak dan proses menuai padi menggunakan mesin padi.

Nilai Kemuliaan Ilmu

Golongan petani di Kampung Pahang Tua tidak menolak perkembangan ilmu dan teknologi dalam melakukan aktiviti mengemping padi. Selain penggunaan lesung kayu dan alu, penggunaan mesin pengisar berkuasa elektrik turut digunakan bagi menghasilkan tekstur emping yang lebih halus, lembut dan sedap dimakan. Selain itu penggunaan dapur kayu untuk proses menggoreng biji padi yang direndam telah bertukar dengan penggunaan dapur gas. Nilai kemuliaan ilmu diterapkan dan diaplikasikan dalam aktiviti mengemping padi di Kampung Pahang Tua.

Nilai Kesaksamaan

Kesaksamaan merupakan suatu nilai keadilan yang perlu ada dalam sesuatu kelompok masyarakat. Bagi golongan petani di Kampung Pahang Tua, nilai kesaksamaan ini amat penting diterapkan supaya semua pekerjaan menjadi lebih ringan dan lebih mudah. Kebiasaannya petani-petani di kampung tersebut berbahagi tugas agar dapat melakukan aktiviti pertanian secara harmoni. Justeru, peranan ketua pemimpin amat penting bagi menentukan pembahagian tugas, peranan, pembahagian biji benih atau sebarang bentuk subsidi Kerajaan kepada petani dan diagihkan secara adil dan saksama.

Nilai Kesejahteraan

Kesejahteraan terkait rapat dengan elemen keamanan. Nilai kesejahteraan dikenal pasti ada diterapkan oleh masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua semasa menjalani aktiviti mengemping padi melalui cara berkomunikasi yang baik sesama penduduk yang terlibat dengan aktiviti berkenaan. Melalui informan, pengkaji dimaklumkan bahawa ada aktiviti mengemping yang dibuat di rumah individu tertentu pada hari tertentu namun dihadiri oleh jiran tetangga bagi melakukannya secara bergotong-royong dengan keadaan aman sejahtera.



Rajah 2: Lakaran orang mengemping padi menggunakan lesung Hindik oleh YH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan.



Gambar 16: Salah satu lesung hindik yang diwakafkan di Kampung Pahang Tua.

Nilai Kesetiaan

Sifat dan nilai kesetiaan dalam masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua boleh dikatakan utuh dan teguh. Kesetiaan mereka kepada kawan-kawan petani serta jiran tetangga membentuk sebuah kelompok masyarakat yang bersatu hati dan amanah. Selain itu, nilai kesetiaan terbukti daripada kepatuhan penduduk pada arahan pemimpin. Kesanggupan mereka berkorban masa, tenaga serta wang ringgit membuktikan kesetiaan mereka kekal utuh dan tidak berbelah bahagi.

Nilai Kejujuran/Tulus Ikhlas

Nilai kejujuran adalah sukar untuk dinilai kerana berkaitan dengan hati dan dalaman diri seseorang. Namun ia boleh dilihat daripada reaksi dan interaksi dalam sesebuah masyarakat. Nilai kejujuran penduduk Kampung Pahang Tua diterapkan dalam aktiviti mengemping padi apabila individu saling menolong dengan rasa ikhlas dan suci hati. Bayaran upah tidak menjadi suatu perkara yang dibangkitkan sebagai timbal balas pertolongan yang diberikan. Sebaliknya kerukunan serta keharmonian dalam masyarakat kampung lebih diutamakan.

Nilai Keindahan

Masyarakat Melayu beragama Islam mempercayai bahawa semua ciptaan Allah SWT adalah indah. Keindahan adalah suatu perkara yang subjektif untuk dinilai. Penilaian berdasarkan kesukaan atau keselesaan seseorang terhadap sesuatu. Apabila seseorang individu itu merasakan sesuatu aktiviti yang dilakukan adalah indah, maka individu berkenaan akan berusaha untuk menjaga, mengekalkan keaslian dan merancang aktiviti sosial dalam masyarakat. Masyarakat Melayu di Kampung Pahang Tua menerapkan nilai keindahan ini dalam aktiviti mengemping padi yang dianggap sebagai aktiviti warisan turun-temurun dari generasi terdahulu yang wajar dilestarikan.

Nilai Kebersihan

Nilai kebersihan amat dititikberatkan dalam masyarakat Melayu. Kebersihan fizikal luaran dan dalaman diri individu adalah penting bagi melahirkan kelompok masyarakat yang sihat secara holistik. Masyarakat Kampung Pahang Tua menerapkan nilai kebersihan melalui salah satu aktiviti sosial mereka iaitu mengemping padi. Suasana harmoni yang ditonjolkan semasa aktiviti berkenaan membuktikan kebersihan hati setiap individu tersebut. Hal ini terbukti juga dalam penjagaan kebersihan diri dan persekitaran dalam menyediakan makanan emping padi kepada tetamu.

RUMUSAN

Daripada penelitian dan pemerhatian, pengkaji mendapati kesemua nilai murni yang disebut sebagai Nilai Bersama dalam teras Budaya Nilai Tinggi ada diterapkan oleh penduduk Kampung Pahang Tua melalui aktiviti mengemping padi. Aktiviti sosial menggambarkan budaya hidup serta tahap kualiti kehidupan dalam sesebuah masyarakat. Penduduk Kampung Pahang Tua Kuantan di Pahang masih mengamalkan aktiviti mengemping padi sebagai salah satu aktiviti sosial mereka sehingga hari ini. Melalui amalan aktiviti tersebut setiap kali selepas musim menuai

padi, semangat kekitaan serta kebersamaan terjalin erat dalam masyarakat Melayu di sana. Pelbagai nilai murni diterapkan dalam masyarakat Melayu di kampung berkenaan merangkumi 10 nilai bersama dalam teras Nilai Budaya Tinggi yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

Justeru, aktiviti mengemping padi ini wajar dipulihara agar ia kekal relevan untuk dinikmati kesannya pada generasi mendatang. Hal ini demi membangunkan sebuah negara bangsa yang sejahtera, beridentiti dan mengekalkan jati diri serta warisan tradisi.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Pengarah JKKN Pahang dan Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Dasar dan Penyelidikan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Ibu Pejabat yang membolehkan rencana ini dihasilkan. Penghargaan turut dirakamkan buat tokoh yang ditemu bual iaitu YH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan dan Encik Zaki Afandi bin Haji Abdul Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pahang Tua selaku pakar rujuk. Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada para pendemo dan informan seperti Puan Noor Wahyuni binti Mohamed Yatim dan Encik Shamsul Ahmad bin Yusof. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada penduduk Kampung Pahang Tua Kuantan yang banyak memberikan pengalaman kepada pengkaji untuk memahami nilai-nilai murni yang diterapkan oleh penduduk kampung semasa aktiviti mengemping padi. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat fasilitator daripada Universiti Sains Malaysia terutamanya Dr. Zuriawati yang telah memberi tunjuk ajar dan panduan kepada pengkaji agar dapat menulis rencana ini mengikut standard dan ketetapan yang telah di buat oleh Jawatankuasa Penilai Jurnal Seni Budaya JKKN 2023. Akhir sekali terima kasih kepada semua responden dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan penulisan jurnal ini.

RUJUKAN

- Dasar Kebudayaan. (2021). *Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021*. Putrajaya: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Fatimi, H & Mohd Zamani, I. (2006). Penghayatan Nilai-nilai Murni dalam Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (pp.1-15)*.
- Faqih, A., Rizkiani, D., & Budirokhman, D. (2019). Analisis Usaha Agroindustri Emping Jagung (Kasus di Desa Ciomas Kecamatan Sukahaji Kabupaten Majalengka). *Agrijati Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Pertanian*, 29(3), 45-56.

- Harmawati, Y., & Abdulkarim, A. (2016). Nilai Budaya Tradisi Dieng Culture Festival Sebagai Kearifan Lokal Untuk Membangun Karakter Bangsa. *Journal of Urban Society's Arts*, 3(2), 82-95.
- https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/#dearflip-df_10923/11/
- Khalik, A. T. (2012). Masyarakat Madani Dan Sosialisme. *Jurnal Tapis: Jurnal Teropong Aspirasi Politik Islam*, 8(2), 30-45.
- KPM - Falsafah Pendidikan Kebangsaan (moe.gov.my) diakses pada 18 Oktober 2023
- Mohamad Khairi, Othman. (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3 (Special Issue), 81-92.
- Mohammad Syawal, Narawi. (2016). Nilai Murni dalam Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak. In *International Seminar on Generating Knowledge Through Research* (pp. 93-100). Universiti Utara Malaysia.
- Nor Hashimah Hashim. (2000). *Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Nilai-nilai Murni di dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah*. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hashimah Hashim. (2001). Penerapan Nilai-nilai Murni Melalui Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(4), 27-40.
- Nuni Widiarti, Sri Wahyuni dan F.Widhi Mahatmanti. (2013). Pengolahan Buah dan Biji Rambutan sebagai Makanan Tradisional Koktail, Manisan, Emping Biji Rambutan dan Obat Herbal Yang Berkhasiat. In *Jurnal Rekayasa*, 11(2), 75-78.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum KBSR/KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rosdi, N. M. (2017). Kesenian Warisan Islam Dan Budaya Pahang. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(1), 74-102.
- Ruth Hertami Dyah Nugrahaningsih. (2016). *International Conference on Local Knowledge (ICLK)*. Pulau Piang: Universiti Sains Malaysia.
- Sholeh, Y. (2017). Peranan Home Industri Emping Melinjo Dalam Meningkatkan Pendapatan Keluarga Di Kecamatan Burneh Kabupaten Bangkalan. *Agriekonomika*, 6(1), 26-31.
- Wan Hasmah Wan Mamat. (2002). A qualitative investigation on the teaching of values education in Malaysia schools: Expectations and realities. *Jurnal Pendidikan*, 22, 137-154.
- Widiarti, N., Wahyuni, S., & Mahatmanti, F. W. (2013). Pengolahan Buah Dan Biji Rambutan Sebagai Makanan Tradisional Koktail, Manisan, Emping Biji Rambutan Dan Obat Herbal Yang Berkhasiat. *Rekayasa: Jurnal Penerapan Teknologi dan Pembelajaran*, 11(2), 75-78.



JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN)

Tkt 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34 Menara TH Perdana
Lot 1001 Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR

☎ 03 - 2614 8200

📞 03 - 2697 0884

🌐 www.jkkn.gov.my



www.jkkn.gov.my



**#MYSENIBUDAYA
MALAYSIA**